

**Jilid IV
Bil. 4**



**Hari Jumaat
12hb Mac, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 473]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 547]**

USUL-USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 548]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N., (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Baharu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang.)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* George Abbah (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KRUAH, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.N., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.
(Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).

- YANG BERHORMAT TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(TUMPAT).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.N.B. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul bin Abdul Rahman.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 12hb Mac, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

“COMMUNAL FOREST” DI SARAWAK

1. Tuan Sibot Miyut anak Tagong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) Sama ada Kerajaan akan memberi keutamaan kepada rakyat untuk kemudahan-kemudahan seperti pemberian hutan simpan (Communal Forest) untuk kegunaan penduduk-penduduk pendalaman sendiri untuk membina rumah panjang, perahu dan lain-lain; dan
- (b) Mengkaji semula dasar perkayuan supaya rakyat diberikan komisyen sekurang-kurangnya 5% untuk kayu balak dalam kawasan mereka yang diusahakan pengeluarannya oleh syarikat balak di Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, dengan keyakinan bahawa soalan yang ditujukan oleh Ahli Yang Berhormat kepada saya adalah mengenai hal ehwal negeri Sarawak, saya hanya dapat mengemukakan jawapan seperti berikut:

Mengenai soalan pertama, saya dapati bahawa setakat ini, Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan 27 kawasan “Communal Forest” yang meliputi kawasan seluas 13,469 ekar atau 5,451 hektar untuk kegunaan rakyat yang tinggal

di sekitar kawasan yang tidak terdapat hutan. Penubuhan “Communal Forest” ini adalah selaras dengan peruntukan yang berkenaan dalam Ordinan Kehutanan Negeri Sarawak. Berdasarkan kepada peruntukan yang sama, Kerajaan Negeri boleh menimbangkan penubuhan “Communal Forest” tambahan sekiranya Kerajaan Negeri mendapati perlu. Selain daripada itu, sekiranya hutan di sekitar kawasan perumahan bukan Hutan Simpan, penduduk kawasan tersebut boleh mengambil kayu dari hutan berkenaan untuk kegunaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kedua, mungkin Ahli Yang Berhormat berkenaan ingin hendak merujuk soalan ini kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak.

**LEBUHRAYA TANJONG MALIM-
SLIM RIVER**

2. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kos pembinaan lebuh raya Tanjung Malim-Slim River;
- (b) berapakah kutipan tol purata setahun; dan
- (c) semenjak bila kutipan tol dijalankan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kos pembinaan Lebuh raya Tanjung Malim-Slim River ialah \$6.3 juta.

Kutipan tol purata setahun ialah \$1.7 juta iaitu berdasarkan kutipan dari tahun 1966 hingga 1981.

Kutipan tol telah dibuat semenjak bulan Mac, 1966.

Tuan Shaari bin Jusoh: Sebagaimana dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi nampaknya kutipan itu kalau tidak silap saya telah melebihi daripada perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk jalan daripada Slim River ke Tanjung Malim. Adakah bila sudah melebihi itu pihak Kementerian berkenaan akan mengecualikan daripada kutipan.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membuat penerangan dan penjelasan dalam Dewan ini beberapa kali dalam tahun-tahun yang lepas iaitu pendapat pihak Kerajaan dan polisi Kementerian saya pada hari ini untuk mencari punca kewangan selain daripada punca Kerajaan untuk pembinaan dan penyelenggaraan jalanraya-jalanraya maka kutipan tol adalah dicamkan sebagai satu punca duit untuk menampung kehendak-kehendak ini.

Walau bagaimanapun, bagi jalan Slim River-Tanjung Malim ini, mungkin dengan siapnya jalan tol yang akan disiapkan oleh pihak Lembaga Lebuhraya maka jalan ini mungkin akan ditarik balik tolnya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pembayaran tol ini telah pun menimbulkan berbagai-bagai kekeliruan dan juga tanda tanya, bolehkah pihak Kerajaan merangka satu dasar yang tetap mengenai pembayaran tol ini supaya jangan timbul unsur-unsur pilih kasih.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, cara-cara tetap telah dikemukakan oleh pihak JKR dan Kerajaan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa lebuhraya Persekutuan tidak dibuat dengan rancangan

yang sempurna kerana misalnya Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban setelah dibuat dan dirasmikan penggunaannya beberapa tahun baru ini sahaja hendak diadakan pungutan tol dan pembinaan rumah tol di lebuhraya tersebut mengendalakan lalulintas.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan jalanraya ini pihak Kerajaan telah pun menentukan Phase I dan Phase II. Phase I keadaan jalan itu tidaklah begitu sempurna dan oleh sebab itu pihak Kerajaan telah menangguk kutipan tol. Tetapi setelah sampai masanya untuk mengadakan Phase ke II maka barulah dikenakan tol.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan akan menimbang supaya mengeluarkan tiket bulanan bagi penduduk-penduduk yang menduduki kawasan berdekatan dengan toll gate itu bagi mereka yang menggunakan toll-gate itu tiap-tiap hari.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itu akan dipertimbangkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya berapa banyakkah kos ataupun perbelanjaan bagi maintenance jalan ini dalam setahun dan juga bayaran gaji kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dalam pungutan dan juga maintenance jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan tambahan ini memerlukan notis.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kerjaraya sama ada menjadi satu dasar Kerajaan untuk membina tol-tol dan mengutip wang dalam setiap lebuhraya baru yang didirikan oleh Kerajaan dan kalau itu menjadi dasar tidakkah ini menunjukkan suatu keadaan yang tidak begitu enak setiap jalan lebuhraya yang didirikan oleh Kerajaan ada tol yang didirikan untuk mengutip cukai daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soal ini tidak perlu dijawab kerana Rang Undang-undang itu sudah jadi Akta sekarang diluluskan oleh Dewan ini. Ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab lagi?

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tidak ada.

GURU BAHASA INGGERIS— KEKURANGAN

3. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di kebanyakan sekolah-sekolah menengah, banyak guru-guru yang tidak terlatih dalam pengajaran Bahasa Inggeris di kehendaki mengajar matapelajaran ini kerana kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris; jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk menjamin supaya mutu Bahasa Inggeris tidak akan terus merosot.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa terdapat kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris yang terlatih untuk mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa kedua. Untuk mengatasi masalah ini, beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang sedang dijalankan:

Jangka Pendek

- (i) Pengambilan guru-guru Bahasa Inggeris dan Great Britain seramai 200 orang untuk mengajar di beberapa buah sekolah di seluruh negara. Projek ini sedang berjalan sekarang.
- (ii) Mengadakan kursus dalam perkhidmatan di Universiti Malaya dan di Maktab-maktab Perguruan untuk melatih guru-guru yang opsyen mereka bukan Bahasa Inggeris untuk menjadi guru Bahasa Inggeris.
- (iii) Mengadakan kursus-kursus ulangan atau 'refresher course' bagi guru-guru Bahasa Inggeris di Universiti Malaya supaya guru-guru ini senantiasa terdedah kepada cara-cara pengajaran terbaru.

- (iv) Mengadakan kursus-kursus ulangan atau 'refresher course' di peringkat daerah pada hujung minggu di mana guru-guru akan dibekalkan dengan maklumat-maklumat terbaru.

Jangka Panjang

- (i) Bilangan guru-guru pelatih untuk mengikuti kursus-kursus di maktab-maktab perguruan khusus untuk pengajaran Bahasa Inggeris sedang dan akan ditambah lagi untuk menampung keperluan di peringkat sekolah rendah dan menengah.
- (ii) Mengadakan kursus-kursus ijazah dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris di universiti-universiti tempatan, selain daripada kursus-kursus Bahasa Inggeris yang sedia ada.
- (iii) Mendapatkan tempat-tempat di universiti-universiti seberang laut untuk pelajar-pelajar kita mengikuti kursus-kursus ijazah dalam bidang Bahasa Inggeris bagi membolehkan mereka mengajar Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah atas.

Dengan adanya langkah-langkah tersebut, adalah dijangka menjelang tahun 1990 negara kita akan mempunyai guru-guru Bahasa Inggeris terlatih yang mencukupi.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan beritahu dalam 200 guru-guru yang datang dari England ini berapa sudah hantar ke sekolah kebangsaan Cina?

Dato' Chan Siang Sun: Tolong ulang lagi!

Tuan Yang di-Pertua: Berapa jumlah yang telah dihantar ke sekolah jenis kebangsaan Cina?

Dato' Chan Siang Sun: Ini saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tak ingatlah.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan untuk mengatasi kemerosotan bahasa Inggeris di

sekolah-sekolah adakah Kerajaan bercadang hendak menghantar lebih ramai lagi guru-guru untuk berlatih dalam bahasa Inggeris di luar negeri?

Tuan Yan di-Pertua: Jawapannya sudah terkandung dalam jawapan tadi.

Dato' Chan Siang Sun: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan P. Patto.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Speaker, soalan No. 4.

Tuan Yang di-Pertua: Ini jika ada masa, di akhir nanti.

MAS—PERKHIDMATAN DI SARAWAK

5. **Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar tentang perkhidmatan MAS yang tidak memuaskan di Sarawak dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, MAS sentiasa memberi perhatian berat terhadap perkhidmatannya di dalam negeri. Dari masa ke semasa, MAS telah menambah perkhidmatannya untuk memenuhi permintaan ramai, khususnya semasa musim perayaan dan cuti persekolahan. Perkhidmatan tambahan ini telah meningkatkan lagi ruang muatan (seating capacity) untuk beberapa perkhidmatan dalam negeri. Dalam usaha ini perkhidmatannya di Sarawak juga tidak ketinggalan. MAS telah merancang untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatannya di dalam Negeri Sarawak dengan penggunaan pesawat-pesawat yang lebih besar seperti B737 ke Sibu dan Bintulu apabila projek pembangunan lapangan terbang-lapangan terbang yang berkenaan siap. Pesawat Airbus A300 akan juga digunakan untuk penerbangan ke Kuching dalam bulan April tahun ini. Perkhidmatan luar bandar akan juga dipertingkatkan dan dalam bulan April tahun ini juga, MAS akan menggantikan pesawat yang lebih besar untuk perkhidmatan luar bandar. Dengan pembelian kapal terbang-kapal terbang yang

lebih besar ini, ianya akan dapat meningkatkan lagi ruang muatan penumpang dan juga barangan di antara bandar-bandar kecil di Sarawak.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang kehilangan luggage-luggage khususnya di perjalanan antara Kuching dengan Kuala Lumpur. Jika ya, apakah tindakan akan diambil?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tak berapa dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Sistem pendengaran ini kurang dengar sedikit mulai daripada beberapa hari, cuba betulkan sikat. Sila ulang Yang Berhormat.

Tuan Chieng Tiong Kai: Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang kehilangan luggage-luggage khususnya di perjalanan antara Kuching dengan Kuala Lumpur. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jika ada berlaku kehilangan luggage-luggage yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pihak MAS akan mengambil perhatian berat dan sentiasa menyiasat kehilangan-kehilangan tersebut supaya dapat dikesan ataupun diambil tindakan yang sesuai.

BANK PERTANIAN MALAYSIA— KELAMBATAN MELULUSKAN PINJAMAN

6. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peraturan untuk meluluskan permohonan dari orang ramai bagi mendapatkan pinjaman Bank Pertanian Malaysia biasanya mengambil masa lebih dari satu tahun dan jika benar apakah langkah yang akan diambil untuk menyegerakan permohonan pinjaman tersebut supaya pemohon-pemohon tidak menunggu terlalu lama bagi mendapatkan keputusan permohonan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada amnya Bank Pertanian Malaysia boleh membuat keputusan sama ada meluluskan ataupun menolak sesuatu pinjaman dalam masa yang singkat sekiranya permohonan tersebut mempunyai keterangan-keterangan dan dokumen-dokumen yang lengkap seperti diperlukan oleh Bank Pertanian Malaysia. Ini adalah kerana pegawai-pegawai bank terpaksa terlebih dahulu membuat lawatan penyiasatan ke atas projek seperti yang dipohon. Sekiranya pihak bank berpuas hati dengan penyiasatan ke atas projek seperti yang dipohon. Sekiranya pihak bank berpuas hati dengan penyiasatan tersebut pegawai yang ditugaskan akan menyediakan satu laporan dan seterusnya pertimbangan yang sesuai akan dibuat oleh pihak pengurusan ataupun pihak Lembaga Pengarah yang mana berkaitan sama ada permohonan tersebut diluluskan atau ditolak.

Terjadinya kelambatan dalam memberi keputusan dalam satu-satu permohonan itu adalah kerana berbagai-bagai sebab. Adalah agak sukar bagi Bank Pertanian Malaysia untuk memberi penerangan yang lengkap ke atas terjadinya kelambatan dalam memberi keputusan ke atas satu-satu permohonan itu oleh kerana sebab-sebab terjadinya kelambatan tersebut adalah berlainan di antara satu permohonan dengan satu permohonan yang lain. Oleh yang demikian, lambat atau cepatnya sesuatu kelulusan itu bergantung kepada kes-kes tertentu dan mungkin peminjam dalam kes yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini tidak dapat memberi keterangan yang lengkap seperti diperlukan oleh Bank Pertanian Malaysia.

MURID-MURID TIDAK TAHU MEMBACA/MENULIS—LANGKAH MENGATASI

7. Tuan Azharul Abidin bin HAJI Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan bahawa terdapat 10% daripada murid-murid sekolah yang tidak erti membaca dan menulis setelah berada 6 tahun di dalam sekolah, apakah langkah yang akan

diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kementerian Pelajaran memberi pendidikan kepada semua kanak-kanak di negara ini terdapat juga sebilangan murid-murid yang tidak tahu membaca dan menulis setelah bersekolah selama enam tahun disebabkan masalah-masalah tertentu seperti kelembapan pemikiran kanak-kanak sendiri.

Untuk mengatasi masalah ini beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Pelajaran:

- (i) Disetiap peringkat persekolahan (Darjah 1-6) diadakan kelas-kelas imbuhan untuk membantu golongan murid-murid yang lemah ini.
- (ii) Lebih ramai guru sedang dilatih dalam bidang pelajaran pemulihan atau 'remedial education' supaya guru-guru ini dapat memberi perhatian sepenuhnya terhadap murid-murid yang lemah dalam bidang membaca dan menulis.
- (iii) Dengan adanya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (Kurikulum 3M) atau 3R yang akan dilaksanakan disemua sekolah rendah pada tahun 1983, diharap masalah murid-murid yang lemah dalam kemahiran membaca dan menulis dapat dibaiki serta diatasi.
- (iv) Pada tahun 1981 satu projek Bacaan Tambahan Bahasa Malaysia telah dipercubakan di 120 buah sekolah rendah di seluruh negara. Projek ini bertujuan untuk menimbulkan minat gemar membaca sambil menolong membaiki kemahiran membaca dan penguasaan Bahasa Malaysia. Bahan-bahan dalam projek ini digredkan mengikut tahap kebolehan bahasa serta keupayaan murid-murid membaca. Penilaian setakat ini di atas kesan projek ini adalah menggalakkan. Kementerian Pelajaran bercadang meluaskan projek ini kepada semua sekolah rendah di seluruh negara.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menjelaskan satu daripada sebab murid-murid darjah 6 tidak dapat membaca ialah kerana kelembapannya. Oleh itu persediaan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran bagi menyediakan guru-guru lembam ini adakah telah mencukupi dan memuaskan setakat ini?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bukan kita menyediakan guru-guru lembam, tetapi kita mengadakan guru-guru untuk mengatasi murid-murid yang lembam (*Ketawa*).

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tidak menerangkan bahawa murid-murid yang saya maksudkan setelah mereka belajar selama enam tahun ketinggalan iaitu kerana kenaikan darjah-darjah mengikut tahun. Maksud saya apabila kanak-kanak ini sudah mencapai enam tahun mereka ini telah menjadi korban kerana kebodohan mereka sendiri. Soalan saya, adakah Timbalan Menteri bercadang satu keistimewaan menunggu kepada murid-murid yang malang ini bagi menyediakan kelas istimewa ala 3M. Kalau perlu dikumpulkan di asrama sehingga membolehkan mereka belajar ke sekolah menengah.

Dato' Chan Siang Sun: Maaf, ulangkan bahagian yang kedua soalan itu. Saya kurang dengar sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Supaya murid-murid yang malang ini boleh disediakan satu kelas istimewa ala 3M. Kalau perlu dikumpulkan di asrama sehingga membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, cadangan oleh Ahli Yang Berhormat ini sangat baik tetapi oleh kerana mulai tahun 1983 bila kita melaksanakan dengan sepenuhnya KBSR ini atau Kurikulum Baru

Sekolah Rendah ini barangkali soal yang disoalkan oleh Yang Berhormat itu ada diintegrasikan di dalam sistem baru itu.

Tuan P. Patto: Oleh kerana masih terdapat murid-murid yang selepas sekolah selama enam tahun yang tidak boleh membaca dan menulis, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu daripada sebab-sebab mereka tidak dapat membaca dan menulis dengan baik dan betul ialah kerana wujudnya sistem kenaikan darjah secara otomatik atau dengan izin, automatic promotion; dan sekiranya beliau sedar adakah pihak Kerajaan pernah menimbang sama ada kenaikan darjah secara otomatik ini yang menyebabkan kelembapan dalam segi membaca dan menulis oleh murid-murid itu dan mengambil langkah-langkah supaya mengenal semula ataupun membatalkan automatic promotion ini supaya dapat murid-murid membaca dan menulis dengan lebih baik daripada sekarang.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, cadangan kalau boleh dapat diikuti oleh Yang Berhormat itu tentulah sempurna tetapi kita tidak lupa juga bahawa kita atau Kerajaan kita pun sudah memberi commitment iaitu kita mesti memberikan "universal education" kepada seluruh kanak-kanak kita di dalam negara ini. Jadi, jikalau kita batalkan atau kita ubahkan sistem otomatik—kenaikan darjah sekarang, barangkali ada kemungkinan juga masalah bilik darjah dan juga kita tidak mahu jejas kepada commitment kita, kepada "universal education".

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan akan menyediakan guru-guru untuk mengajar pelajar-pelajar yang lembab. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan di sini berapa peratuskah pelajar-pelajar yang tidak boleh membaca setelah mereka tamat darjah 6 dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yakin bahawa tidak terdapat guru-guru yang lembab dan mengajar pelajar-pelajar yang lembab yang mengakibatkan pelajar-pelajar ini tidak boleh membaca.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian yang pertama itu melainkan sudah ada angkalah. Kalau tidak tentu berkehendakkan notis juga. Ada angkanya sudah?

Dato' Chan Siang Sun: Yang pertama tadi saya telah jawab, jadi saya tidak ingin jawab lagilah. Dari segi mengadakan guru-guru yang bukan lembab tetapi guru-guru boleh mengatasi kelembapan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian kita sudah ada beberapa kursus-kursus untuk mengadakan guru-guru yang ada keistimewaan atau ada kepakaran untuk memberikan pemulihan kepada murid-murid ini sudah bertambah dan kita berharap sekurang-kurangnya tiap-tiap sekolah mestilah mengadakan dua orang guru semacam itu. Jikalau ada kehendak tambahan kita akan mengadakan tambahan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Ahli Yang Berhormat bangun lagi, peratus yang mula-mula tadi, itu yang saya tanya. Kalau sudah ada atau tidak. Kalau tidak ada minta notislah

Dato' Chan Siang Sun: Peratus dalam kajian kita dapatlah makluman balas daripada kajian kita daripada Pusat Perkembangan Kurikulum kita yang mana kita dapati—ini kajian; kita dapat tahu, kalau tidak silap saya ada 55% tidak dapat menulis dan juga 45% tidak boleh membaca.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, adakah Kementerian Pelajaran sedar guru-guru di luar bandar ataupun bandar juga, di sekolah Tamil banyak guru-guru bukan sahaja dia mengajar murid-murid, tetapi dia mencampuri politik. Seorang guru daripada Melaka datang ke Kuala Lumpur. Dia hendak tengok ketuannya di Pusat MIC semasa belajar. Murid-murid dalam ladang kita bising sahaja, dia tidak dapat apa-apa ajaran daripada guru-guru. Itu, adakah sedar atau tidak. Kalau kita beri nama-nama bolehkah Kerajaan mengambil tindakan.

Yang kedua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah! Itupun sudah luar daripada soal asal. (*Ketawa*).

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, fasal dalam soalan ini ada. Fasal apa dia tidak boleh membaca dan

Tuan Yang di-Pertua: Ialah, saya tahu.

Tuan V. David: Fasal guru tidak mengajar.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti. Yang pertama itu tidak ada kena-mengena dengan soalan asal.

Tuan V. David: Lagi satu, Tuan Speaker . . .

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan tambahan cukup dahulu.

Yang Berhormat dari Gerik.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian ada membuat analisa dan juga kajian berkenaan dengan keputusan-keputusan dengan sekolah yang mendapat keputusan yang tidak baik sama ada kesilapannya terletak kepada sekolah, kepada murid ataupun kepada guru-guru dan apakah tindakan yang diambil daripada keputusan kajian itu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, penilaian atau analisa memang ada, jadi boleh dikatakan itu satu perkara yang sangat kompleks jadi kita tidak membuat dakwaan menyalahkan sesuatu pihak. Sebab itulah kita merancangkan di peringkat sekolah rendah kita mengadakan KBSR untuk mengatasi perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar seperti mana yang diperakui dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet bahawa salah satu sebab yang mengakibatkan peratusan yang tinggi bagi pelajar-pelajar tidak tahu menulis, membaca dan mengira selepas Darjah Enam ialah disebabkan kerana kekurangan kelengkapan sekolah dan juga sistem kurikulum. Jika Yang Berhormat

Timbalan Menteri sedar adakah beliau boleh memberi jaminan bahawa sebelum sistem KBSR atau 3M itu dilaksanakan pada tahun hadapan untuk Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang berjumlah 1,399 itu maka guru-guru terlatih, perpustakaan, bilik darjah, alat-alat kelengkapan belajar boleh disiap-sediakan sebelum dilaksanakan KBSR itu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, persediaan untuk mengadakan alat-alat dan juga tenaga pengajar dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentulah kita telah buat persediaan khasnya untuk tahun ini sebelum kita melancarkan dengan sepenuhnya 3M pada tahun 1983.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar sebahagian daripada murid-murid sekolah rendah yang berjaya itu kerana mereka sebelum masuk darjah satu belajar di kelas taman bimbingan kanak-kanak. Jika sedar, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya taman bimbingan kanak-kanak ini diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran ke seluruh sekolah-sekolah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Dato' Dr Hee Tian Lai: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berdasarkan kepada keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima tahun lepas kita nampak keputusan yang baik biasanya dicapai oleh sekolah-sekolah di kawasan bandar, seperti saya ketahui beberapa sekolah di Johor yang dapat 5A lebih kurang 60% tetapi sekolah di luar bandar walaupun pada masa sekarang pada keseluruhannya kemudahan telah diberikan kepada sekolah di luar bandar adalah sederhana, ada hanya sedikit perbezaan di antara bandar dan luar bandar tetapi keputusan di luar bandar. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa? Banyak bercerita.

Dato Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan saya adakah Yang Berhormat Timbalan

Menteri sedar bahawa memang ada tidak seimbang. Apakah langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi keadaan keputusan yang tidak seimbang itu?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan mengadakan projek atau program, baik dari segi fizikal mahu pun pengajaran adalah untuk merapatkan jurang mutu pendidikan di antara bandar dan luar bandar, jadi memanglah dalam proses program kita, tentulah ada gejala semacam ini berlaku tetapi tentulah pencapaian dan kejayaan dapat kita tambah dari setahun ke setahun. Jadi melalui pengalaman inilah kita akan berusaha supaya tujuan dan matlamat kita dapat dicapai dalam masa yang lebih cepat dan lebih sistemetik.

MAS—KEMALANGAN KAPAL TERBANG

8. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan kemalangan (mishaps) yang menimpa kapal terbang-kapal terbang MAS seperti kemalangan, kebakaran enjin dan lain-lain tergendala yang serius sejak dua tahun yang lalu, sebab-sebab untuk kemalangan-kemalangan tersebut dan sama ada ia disebabkan kesilapan manusia dan kemudahan-kemudahan penyelenggaraan yang tidak cekap.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kemalangan yang boleh dikatakan serius menimpa kapal terbang-kapal terbang MAS pada dua tahun kebelakangan ini adalah lima sahaja. Kesemuanya berlaku pada tahun 1981 dan tidak ada apa-apa kemalangan berlaku pada tahun 1980.

Satu dari kemalangan yang berlaku ialah kerana kerosakan teknikal; dua disebabkan keadaan cuaca buruk; dan dua kemalangan yang berlaku dalam bulan Disember, 1981 tidak dapat dipastikan sebab penyiasatan masih berjalan lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MAS mempunyai kemudahan-kemudahan kejuruteraan yang termoden sekali untuk mengendalikan kerja-kerja ke atas pemeriksaan kapal terbang. Tiap-tiap pesawat MAS diperiksa mengikut

rancangan penyelenggaraan yang teliti. Oleh hal yang demikian, adalah tidak benar bahawa kemalangan yang berlaku itu disebabkan kemudahan-kemudahan penyelenggaraan yang tidak cekap.

Tuan Lee Lam Thye: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa baru-baru ini dua pesawat Fokker Friendship MAS telah terpaksa mengadakan pendaratan kecemasan, satu di Pulau Pinang dan satu di Kuala Lumpur. Sekiranya beliau sedar, adakah beliau bercadang mengadakan satu siasatan terhadap pesawat Fokker untuk menentukan keselamatan demi kepentingan orang ramai?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, tiap-tiap perkara yang luar biasa ataupun kemalangan berlaku adalah disiasat oleh pihak MAS dan juga Jabatan Penerbangan Awam dan seperti mana yang saya perkatakan tadi tiap-tiap pesawat F-27 ini adalah diselenggarakan dan sentiasa diperiksa oleh pihak jurutera MAS dan juga mengikut Syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam. Jadi, soalan Ahli Yang Berhormat itu tidak berbangkit kerana perkara ini sentiasa diperbuat.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, Laporan Tahunan MAS mengatakan rugi \$15 juta. Adakah ini kerana kemalangan atau inefficiency? Kita tidak tahu. Bolehkah beri keterangan sedikit?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah lain daripada perkara berkenaan dengan kemalangan. Namun demikian kemalangan bukanlah satu faktor yang besar yang menyebabkan adanya kerugian jika kenyataan Yang Berhormat itu benar. Ini saya tidak dapat hendak tentukan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pesawat F-27 ini sudah lama, adakah Kerajaan bercadang untuk menamatkan penggunaan kapal terbang yang lama itu demi untuk menjamin keselamatan dalam rangka usaha-usaha kita untuk mengelakkan kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Ahli dari Kuala Lumpur Bandar tadi sama dengan soalan Yang Berhormat kemukakan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tambah lagi?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pihak MAS sebagai satu sistem penerbangan yang progresif adalah sentiasa mengkaji dari masa ke semasa mengenai keperluan pesawat-pesawat dan jika didapati ada pesawat-pesawat yang lebih sesuai ianya akan membuat rancangan untuk mendapatkan pesawat-pesawat yang berkenaan. Namun demikian, buat masa ini adalah didapati bahawa pesawat F-27 masih boleh digunakan, mana-mana yang sudah usang ataupun tak boleh digunakan akan diganti dengan pesawat yang baru.

Dr Chen Man Hin: Ada satu Airbus yang baru dibeli oleh MAS, apabila ia berlepas dari Kota Kinabalu satu daripada enginnya telah terbakar, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberi keterangan apa sebab sebuah Airbus yang baru boleh terbakar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang khusus macam ini memerlukan notis, melainkan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sedia, sebab soalan asal mengenai kemalangan yang berlaku dalam dua tahun yang lepas. Yang Berhormat bersedia hendak menjawabnya?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tidak ada.

STOCKPILE BIJIH TIMAH AMERIKA— KELUARAN

9. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh sebab Amerika Syarikat mengeluarkan "Stockpile" bijih timahnya sehingga menjejaskan harga timah di pasaran dunia:

- (a) adakah negara-negara pengeluaran logam ini khususnya negara-negara ASEAN hendak menubuhkan satu organisasi yang kuat supaya harga logam ini dapat dikekalkan

seperti mana negara-negara OPEC menguasai harga minyaknya; dan

- (b) berapakah lombong-lombong bijih dalam negara ini telah ditutup akibat kemerosotan harganya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Berdasarkan perbincangan-perbincangan awal yang telah diadakan di antara Malaysia dengan negara-negara pengeluar timah ASEAN, iaitu Indonesia dan Thailand suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kedua-dua buah negara tersebut telah bersetuju pada dasarnya supaya negara-negara pengeluar timah patut mengadakan kerjasama yang lebih rapat lagi bagi menjaga dan memajukan kepentingan perusahaan timah di negara masing-masing. Mereka bersetuju supaya negara-negara pengeluar menyediakan suatu rancangan kontigensi sekiranya Perjanjian Timah Antarabangsa Keenam tidak dapat dikuatkuasakan dengan berkesan pada tarikh yang telah ditetapkan. Berkenaan dengan perkara ini, satu mesyuarat di antara Menteri-menteri negara-negara pengeluar timah ASEAN akan diadakan di Kuala Lumpur pada awal bulan Mei, 1982. Rumusan daripada mesyuarat ini akan dikemukakan kepada lain-lain negara pengeluar untuk dikaji. Suatu mesyuarat di antara kesemua negara-negara pengeluar ini akan diadakan di Nigeria kelak supaya satu pendirian bersama dan pendekatan menyeluruh akan dapat dibentuk oleh negara-negara pengeluar di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa penubuhan sebuah persatuan negara-negara pengeluar timah yang telah dicadangkan itu bukanlah menyerupai sebagai sebuah perkataan "cartel". Tujuan utama persatuan ini ialah untuk melindungi kepentingan negara-negara pengeluar timah untuk memperolehi harga yang berpatutan dan bukan untuk menetap ataupun menaikkan harga.

- (b) Di sepanjang tahun 1981 sebanyak 153 buah lombong pam kelikir telah ditutup.

Sebahagian besar daripada lombong-lombong ini telah ditutup akibat kemerosotan harga dan ada juga yang disebabkan oleh penamatan tempoh pajakan melombong dan lain-lain faktor ekonomi. Buat masa ini terdapat 593 buah lombong pam kelikir yang masih bekerja.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Stockpile Amerika Syarikat ini disebabkan oleh penjualan terlampau banyak bijih timah daripada negara-negara Asia ataupun negara ASEAN dan apakah langkah bagi negara ASEAN mencegah supaya jangan terlampau banyak penjualan dilakukan kepada Amerika atau negara-negara besar supaya mereka tidak dapat melakukan Stockpile terhadap bahan-bahan tersebut.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Stockpile yang diwujudkan oleh Amerika Syarikat selama ini sebenarnya bukan hanya daripada negeri-negeri di Asia, tetapi dari bekalan bijih timah yang juga daripada negeri-negeri lain. Memanglah apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia untuk menentukan supaya Stockpile yang ada pada Amerika Syarikat ini tidak akan dikeluarkan, Kerajaan ataupun negara kita telah menyeru Amerika Syarikat supaya memberhentikan pengeluaran Stockpile Bijih Timah ini kerana disebabkan oleh perkara inilah maka harga bijih timah di pasaran antarabangsa merosot. Jadi selain daripada itu kita juga berharap supaya penjualan Stockpile yang ada pada Amerika Syarikat ini akan disekat penjualannya ke pasaran antarabangsa.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah salahnya jika negara-negara pengeluar bijih timah itu benar-benar mengwujudkan sebuah cartel untuk menjamin harga-harga yang adil bagi pengeluaran bijih timah kita itu daripada mengadakan sesuatu yang mungkin menyerupai cartel, tetapi kita sengaja takut-takut memperlindungan keadaan sebenarnya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak meniru apa yang

telah dilakukan oleh negara-negara yang mengeluarkan bahan-bahan utama yang mewujudkan sistem cartel terhadap komoditi yang kita keluarkan banyak faktor-faktor yang harus kita fikir Pertama ialah kita adalah mengeluarkan bahan atau bijih timah adalah bahan yang berlainan daripada komoditi seperti minyak atau petrolium. Dalam sistem cartel yang diwujudkan mengenai petrolium pun negara-negara yang mengeluarkan petrolium pada masa ini menghadapi masalah. Jadi sebab itulah kita tidak mahu menerima hakikat bahawa langkah kita ini ialah merupai atau apa yang dikatakan "cartel".

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan pengeluaran bijih timah ini akan dikurangkan sebanyak 25% dan memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini terdapat begitu banyak lombong yang telah ditutup dengan sendirinya. Jadi adakah perlu bagi pengeluaran dikurangkan dan adakah Kerajaan telah mengkaji apakah langkah akan diambil untuk menolong akan kehilangan kerja mereka dalam lombong-lombong kita.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini ialah mengenai cut-back ataupun pengurangan pengeluaran jadi ini terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu adakah tindakan kita melihat Amerika Syarikat mengeluarkan Stockpilenya dalam jangka-jangka yang tertentu. Adakah langkah-langkah Amerika itu sebagai satu sabotaj terhadap negara-negara yang sedang maju dan apakah negara-negara ASEAN mengambil tindakan yang serius untuk menubuhkan satu organisasi yang teguh bagi menjaga kepentingan-kepentingan negara pengeluar bahan ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal sabotaj daripada Amerika itu terpujanglah kepada negara-negara pengeluar individu ataupun Amerika

sendiri untuk mentafsirkan sama ada itu sabotaj atau tidak. Sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi memanglah negara-negara pengeluar terutama sekali negara-negara pengeluar dari ASEAN mengenai bijih timah ini untuk mengambil tindakan yang diharapkan berkesan terhadap membentaras seperti apa yang dilakukan oleh pembeli yang terbesar di dunia ini, kerana ini akan mengakibatkan ketidakstabilan harga timah antarabangsa. Jadi satu langkah yang telah saya sebutkan ialah untuk berusaha ke arah pengwujudan sebuah persatuan negara-negara pengeluar bijih timah di seluruh dunia ini.

Dato Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa banyak bijih timah masih ada dalam reserve negara kita.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah memerlukan notis.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, demi survival perusahaan perlombongan bijih timah di Malaysia ini, apakah langkah-langkah yang lebih positif telah diambil oleh Malaysia untuk menyelamatkan perusahaan ini daripada dimonopoli oleh negara-negara seperti Amerika Syarikat melalui Stockpilenya dan harga pasaran control di London, dan bolehkah Malaysia berinisiatif seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang menubuhkan satu unit untuk menstabilkan harga pasaran dan apakah reaksi dan kemajuan telah diperolehi semenjak Yang Amat Berhormat mencadangkan bahawa untuk mengurangkan pengurangan bijih timah di negara kita sebanyak 25% dan apakah

Tuan Yang di-Pertua: Banyak sangat soalan tambahan itu, sudah cukup. Sila jawab.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah jelaskan dan telah berkali-kali dijelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan di samping apa yang diharapkan dapat kita wujudkan sebagai sebuah persatuan negara-negara pengeluar

bijih timah, kita telah bekerjasama untuk mewujudkan Perjanjian Timah Antarabangsa yang kita harap akan dapat menimbangkan kepada proses menstabilkan harga timah. Selain daripada itu saya rasa banyak lagi usaha-usaha Kerajaan dilakukan.

PASARAN BAHAN-BAHAN UTAMA

10. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa apakah langkah-langkah telah diambil untuk melindungi kepentingan keluaran bahan-bahan mentah dan utama negara kita, seperti harga dan pasaran getah, timah dan lain-lain keluaran daripada dimonopoli dan diperas oleh negara-negara kuasa besar yang merupakan pengguna bahan utama negara Malaysia.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk tidak terlalu bergantung kepada sekumpulan kecil negara-negara pengguna yang besar bagi pasaran bahan-bahan utama negara kita, Kerajaan senantiasa mencari pasaran-pasaran baru termasuk negara-negara yang sedang membangun dan negara Sosialis. Oleh itu, Malaysia berjaya mengeksportkan bahan-bahan utama kepada negara-negara di merata dunia. Umpamanya eksport minyak kelapa sawit kita adalah meningkat lebih banyak kepada negara-negara yang sedang membangun dan negara Sosialis, pada tahun-tahun yang lepas, dibandingkan dengan tambahan eksport kepada negara-negara maju. Berhubung dengan hal ini, Kerajaan akan terus menghantar rombongan-rombongan perdagangan dan ekonomi bagi menggalakkan lagi pengeksportan secara langsung bahan-bahan utama kita ke negara-negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Bursa Komoditi Kuala Lumpur bagi memperbaiki dan memodenkan pasaran bahan-bahan utama kita. Pada masa ini, minyak kelapa sawit sedang diniagakan. Usaha-usaha sedang dibuat supaya komoditi-komoditi lain seperti getah dan timah dapat diniaga di dalam KLCE tidak lama lagi. Dengan cara ini, kita menekankan kemajuan sistem pemasaran dalam negeri dan juga

mengurangkan pengaruh dan penggantungan kita terhadap pusat-pusat pasaran komoditi di negara-negara maju.

Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan penubuhan industri-industri berasaskan sumber bagi mengeluarkan produk-produk dalam bentuk separuh diproses dan diproses sejajar dengan dasar Kerajaan yang diisytiharkan. Usaha ini akan membolehkan kita meluaskan produk-produk kita di pasaran dunia. Bagi menentukan supaya bahan yang diproses atau siap tersebut dapat dipasarkan dan tanpa rintangan yang berupa tarif dan bukan tarif, Kerajaan sentiasa mengadakan rundingan dua hala dan berbagai pihak dengan negara-negara pengguna supaya mengurangkan atau menghapuskan rintangan-rintangan berkenaan. Kita akan terus berusaha untuk mencapai satu tahap perdagangan dunia yang lebih bebas dan persaingan serta meningkatkan pasaran bagi bahan-bahan utama kita bukan sahaja dalam bentuk mentah tetapi juga dalam bentuk separuh diproses dan juga diproses.

Akhir sekali, usaha-usaha juga dijalankan bagi mengenal-pasti kegunaan-kegunaan baru bagi bahan-bahan utama kita supaya asas penggunaannya dapat diperluaskan.

Sebagai langkah yang paling berkesan untuk melindungi keluaran bahan-bahan utama, kita berusaha terus meningkatkan lagi kecekapan dan daya pengeluaran sektor industri ini supaya menentukan kemajuan-kemajuan dalam bidang ini diteruskan. Dalam hal ini program-program seperti rancangan tanam semula, penyelidikan dan pembangunan dan pemindahan teknologi khususnya kepada sektor pekebun kecil akan terus dipergiatkan.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan getah, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan ada mempunyai sesuatu rancangan di mana pengeluaran itu dijaga, diregulatekan supaya pengeluaran sesuatu hasil itu tidak terlalu berlebihan ataupun membenarkan negeri-negeri pengguna membeli dengan berlebihan, menyimpan stokpail kemudian release stokpail menyebabkan harga kita terlalu jatuh seperti yang ada sekarang ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada kita ada berusaha untuk menahan pengeluaran supaya apa yang ada dalam pasaran dunia ataupun pasaran tempatan begitu banyak menyebabkan harga jatuh, saya rasa terpulanglah kepada hasrat kita untuk menentukan yang pekebun-pekebun kecil ini tidak akan menderita. Kita tidak boleh menyuruh pekebun-pekebun kecil untuk memberhentikan pengeluaran sedangkan mereka bergantung kepada hasil itu untuk hidup. Jadi di peringkat antarabangsa kita sememangnya bergantung kepada apa yang dikatakan selama ini Perjanjian Getah Antarabangsa yang sekarang ini sebenarnya Pengurus Buffer Stock sekarang sedang giat membeli getah untuk distokkan supaya bekalan getah di pasaran antarabangsa akan berkurangan dan ini akan mengakibatkan harga diharapkan naik. Jadi sekarang setakat ini Bufer Stock Manager ataupun INRO berusaha untuk mendapatkan call up yang ketiga daripada sumbangan negeri-negeri yang menjadi ahli INRO ini. Jadi kita harap harga getah dengan cara ini akan dapat distabilkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya harga getah sekarang ini terlampau rendah kalau dibandingkan dengan masa-masa yang lalu. Adakah pihak Kerajaan menggunakan sepenuhnya Stok Penimbal Harga Getah dan adakah negara kita ini merupakan satu yang boleh menguasai dalam Stok Penimbal Harga Getah ini daripada dikuasai oleh negara lain?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, wujudnya sistem Stok Penimbal ialah akibat daripada kerjasama yang didapati dari negeri-negeri bukan hanya mengeluarkan getah asli tetapi juga negeri-negeri yang membeli getah asli. Jadi sekiranya Malaysia sendiri yang berkuasa ataupun menyumbangkan kepada tabung Stok Penimbal itu maka kita terpaksa menggunakan wang yang begitu banyak. Jadi ini saya rasa sekalipun kita dapat berusaha ke arah itu namun dengan ketidak mampuan kita untuk menyumbangkan dengan wang sebanyak yang diperlukan maka kita tidak akan dapat mencapai kejayaan. Jadi sebab itulah kita

terpaksa atau perlu mendapatkan kerjasama daripada seluruh pengeluar getah asli dan juga seluruh pengguna getah asli yang telah mewujudkan Perjanjian Getah Antarabangsa.

KERETA MOTOR DIPASANG DI MALAYSIA—ADUAN MENGENAI MUTU

11. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai pemilik-pemilik kereta telah membuat teguran (comment) dan juga mengadu kepada syarikat-syarikat penjual kereta seperti Toyota, Datsun, Ford dll., kerana terdapat tentang kurang cermatnya pemasangan ke atas kereta-kereta tersebut di Malaysia, berbanding dengan kereta-kereta yang dipasang langsung oleh negara-negara pengeluarannya. Jika ya, apakah langkah perlu yang akan diambil untuk mengelakkan perkara ini dari terus berlaku.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar terdapat aduan-aduan dan teguran-teguran yang dibuat oleh pemilik-pemilik kereta pada masa yang lepas mengenai mutu kereta-kereta yang dipasangkan dalam negeri. Industri pemasangan kereta-kereta motor telah dimulakan sejak tahun 1969. Pekerja-pekerja dan kakitangan yang berkenaan telah mencapai kemahiran dalam bidang operasi dan proses pemasangan kenderaan. Persaingan dalam perniagaan kenderaan di Malaysia begitu hebat sekali sehinggakan syarikat-syarikat tidak sanggup mengabaikan mutu dan service kepada pelanggan-pelanggan mereka. Jika tidak, ianya akan mempunyai kesan buruk ke atas jualan kenderaan tersebut.

Faktor inilah yang selalu dititikberatkan oleh pihak syarikat demi untuk menjaga nama baik dan mengekalkan mutu dan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan-pelanggan mereka. Oleh yang demikian adalah tidak benar tuduhan yang mengatakan kurang cermatnya pemasangan kereta-kereta tempatan jika dibandingkan dengan yang dipasangkan di negara-negara asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pemasangan setiap kenderaan mesti melalui satu siri pemeriksaan kualiti, semakan dan ujian kualiti sebelum ianya dibawa keluar dari kilang pemasangan. Pemeriksaan kualiti biasanya dilakukan di setiap peringkat pengeluaran dan juga selepas pemasangan. Sungguhpun pemasangan kenderaan dilakukan dengan cara yang begitu cermat, kerosakan kecil ke atas komponen-komponennya boleh berlaku selepas beberapa waktu digunakan. Walaupun begitu haruslah diperhatikan bahawa semua sistem mekanikal mestilah melalui tempoh percubaan untuk membolehkan ianya dibiasakan dengan pergerakan, kepanasan dan getaran. Kenderaan itu mestilah dihantar ke bengkel untuk diperiksa, diuji dan dipastikan yang semua bahagian enjinnya berada dalam keadaan yang memuaskan. Dalam keadaan biasa selepas mendapat service jaminan pertama kenderaan tersebut seharusnya tidak lagi mengalami kerosakan dari segi pemasangannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pemasangan Kereta-kereta Motor di Kementerian saya menyelaraskan perkembangan industri pemasangan kereta di Malaysia. Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah terdiri dari wakil-wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, MIDA, Perbendaharaan, Kastam dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Di bawah Jawatankuasa ini terdapat satu Jawatankuasa Kecil dipanggil Jawatankuasa Kecil Teknikal Mengenai Kualiti yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Sirim, Jabatan Pengangkutan Jalan, Mida, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Persatuan Pemasangan Kereta Motor Malaysia. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk mempasti dan mengesan kualiti kenderaan, pesanan tempatan dan menerima segala aduan daripada orang ramai mengenai kualiti kenderaan yang baru dibeli. Orang ramai boleh menulis kepada Jawatankuasa ini untuk mengadu sebarang kerosakan ke atas setiap kenderaan yang dibeli supaya segala aduan dan sungutan tersebut diberi perhatian oleh pemegang franchise atau kilang-kilang pemasangan yang berkenaan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan perkara-perkara dan langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa bagi menilai mutu kereta-kereta yang dipasang dalam negara kita yang dibuat dari negara Jepun dan negara-negara lain. Saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian sama ada sedar atau tidak kereta-kereta yang dibuat model dari negara Jepun in apabila dipasang dalam negara kita mutunya sangat rendah kalau hendak dibandingkan dengan model yang sama apabila mereka pasang di negara Barat seperti Amerika. Yang kedua harga kita lebih mahal, sudahlah mutu rendah, harga lebih mahal dengan model yang sama yang dipasang di negara Amerika. Ini adalah bukti-bukti yang tertentu.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya apabila satu pemasangan kereta hendak membuat apa-apa kereta untuk meassemble kereta, kebenaran mesti dapat diperolehi dari Kementerian saya untuk menggunakan CKD dan CKD itu yang kita benarkan ialah CKD apabila kenderaan itu dipasang pemeriksaan mesti dijalankan supaya bahan-bahan dalam CKD itu sebenarnya diikuti apa yang kita benarkan. Kualiti model itu telah kita pastikan bahawa apa yang dibawa masuk ialah apa yang kita benarkan. Harga ini adalah dikawal oleh Kementerian saya yang mana, mana-mana satu model, satu made sebelum kereta itu dijual kepada sesiapa yang hendak membeli kereta itu mesti mendapat kebenaran harga yang ditetapkan oleh Kementerian saya sebelum kereta itu dijual.

Daripada pihak Kementerian saya kita mesti meneliti faktor-faktor seperti apa yang harga CKD pack, kos pemasangan dan lain-lain kos seperti pentadbiran, pemasaran apa mark up yang kita benarkan. Atas pengawalan yang begitu teliti saya rasa tidak benar kalau dikatakan harga kita ini lebih daripada Jepun tetapi kualitinya kurang baik. Harga itu kalau tinggi ini adalah atas sebab-sebab tertentu seperti kos assembly ada lebih sedikit dan sebagainya. Tetapi kalau kualiti

dengan kualiti saya rasa ini tidaklah satu sebab yang mana harga dikatakan lebih mahal.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 12 hingga 52 adalah diberi di bawah ini).

PIHAK BERKUASA TEMPATAN— PERUNTUKAN MEMBINA JALAN

4. Tuan P. Patto minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan sudah mengambil satu keputusan mengenai kenaikan kadar pemberian kepada pihak berkuasa-pihak berkuasa tempatan bagi maksud pembinaan jalan, jika sudah, apakah kadar pemberian baru itu dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan Persekutuan tidak memperuntukkan apa-apa pemberian kepada pihak berkuasa tempatan bagi tujuan pembinaan jalan. Ini ialah kerana "Jalan" (selain dari jalan-jalan Persekutuan) merupakan tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri seperti yang termaktub di bawah Senarai Negeri (State List) dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan. Walau bagaimanapun, satu pemberian khas bernama "Pemberian Jalan Negeri" adalah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan tiap-tiap tahun kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi membantu membiayai kos menyenggara jalan-jalan. Pemberian ini diperuntukkan di bawah Perkara 109 Perlembagaan.

NELAYAN-NELAYAN BUBU DIANCAM

12. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam membantu nelayan-nelayan bubu yang diancam oleh nelayan-nelayan asing.

Dato Abdul Manan bin Othman: Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam

membantu nelayan-nelayan bubu yang diancam oleh nelayan-nelayan asing ialah:

- (1) Meminta kapal-kapal ronda Polis Merin/TLDM menambahkan lagi bilangan rondaan mereka di kawasan-kawasan terlibat khususnya di musim tengkujuh apabila bilangan kes-kes pencerobohan tersebut bertambah. (Pada tahun 1981, 17 buah bot-bot nelayan asing telah ditangkap di Laut China Selatan jika dibandingkan dengan 6 buah sahaja pada tahun 1980).
- (2) Bot-bot asing yang ditangkap dibawa ke Mahkamah dan jika didapati salah Mahkamah adalah diminta menjatuhkan hukuman yang berat terhadap nelayan-nelayan asing tersebut serta merampas bot-bot dan perkakas-perkakas mereka.
- (3) Nelayan-nelayan tempatan dibawa menaiki kapal-kapal ronda TLDM/Polis Merin dari masa ke semasa untuk menunjukkan kepada pegawai-pegawai TLDM/Polis Merin tempat-tempat yang kerap berlaku pencerobohan.
- (4) 10 buah bot nelayan tempatan akan dilengkapi dengan radio wireless masing-masing supaya perhubungan dengan Jabatan Perikanan dapat dibuat dengan serta merta apabila mereka dicerobohi oleh bot-bot nelayan asing di laut dan Jabatan Perikanan akan dapat terus berhubung dengan TLDM/Polis Merin supaya menghantar kapal-kapal ronda mereka dengan serta merta ke kawasan di mana terdapat bot-bot nelayan asing tersebut.

Dengan sistem perhubungan yang cepat ini, adalah diharapkan lebih banyak lagi bot-bot nelayan asing dapat ditahan dan kes-kes pencerobohan akan berkurangan. (Kerajaan Negeri Trengganu telah meluluskan sebanyak \$120,000.00 untuk membeli 11 buah set radio wireless dan Jabatan Perikanan sedang mengambil tindakan untuk membeli set-set tersebut. Satu frequency yang baru telah diluluskan oleh Jabatan Telekom bagi tujuan ini).

LAPANGAN TERBANG TUDM GONG KEDAK

13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar peruntukan pembinaan Lapangan Terbang TUDM Gong Kedak, Kelantan yang berjumlah \$2.5 billion itu dikurangkan. Jika benar, berapa banyakkah pengurangan itu dan apakah sebab pengurangan itu dilakukan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa): Adalah tidak benar peruntukan bagi pembinaan Lapangan Terbang TUDM Gong Kedak berjumlah \$2.5 billion sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$500 juta secara 'provisional'. Perbelanjaan sebenar akan bergantung kepada skop projek yang akan dipastikan nanti. Setelah dikaji akan keperluan projek tersebut dari segi pertahanan negara secara keseluruhannya, maka Kerajaan hanya memperuntukan wang sejumlah \$250 juta sahaja. Peruntukan ini adalah berasaskan kepada skop projek tersebut dari segi keperluan Pertahanan Negara dari segi jangka panjang.

SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

14. Tuan Mohd. Tajol Rosli Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar dalam pelaksanaan skim pinjaman buku teks sekarang ini kadangkala anak-anak ahli perniagaan yang berjaya dan mampu dapat menikmati skim ini tetapi anak Pegawai-pegawai Kerajaan yang taraf hidupnya lebih rendah terpaksa membeli buku sendiri. Untuk mengatasi keadaan ini adakah Kerajaan bercadang melaksanakan skim pinjaman buku teks ini supaya ianya meliputi semua murid-murid sekolah.

Dato Chan Siang Sun: Dalam melaksanakan Skim Pinjaman Buku Teks Kerajaan, Kementerian Pelajaran telahpun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menentukan hanya murid-murid yang layak menerima bantuan diberi pinjaman buku teks. Penentuan sama ada seseorang murid itu layak untuk menerima bantuan atau tidak adalah melalui penggunaan borang

SPBT 1 (Skim Pinjaman Buku Teks) yang melibatkan 3 peringkat seperti berikut:

- (a) Pemberian maklumat yang betul dan pengakuan seterusnya oleh ibu bapa/penjaga. Kebenaran maklumat ini terpulanglah kepada kejujuran ibu bapa/penjaga.
- (b) Pengesahan maklumat tersebut oleh pihak-pihak tertentu seperti Majikan/Wakil Rakyat/Pegawai Daerah/Penghulu/Jaksa Pendamai/Ketua Kampung/Imam/Guru/Ahli Jawatankuasa Jemaah Sekolah/Ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa-Guru (PIBG). Maklumat-maklumat yang tidak benar tidak akan disahkan betul.
- (c) Pertimbangan permohonan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Pemilih di peringkat sekolah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Guru besar sendiri dan dianggotai oleh seorang Ahli Jawatankuasa PIBG atau Jemaah Pengurus Sekolah serta dua orang guru Kanan sekolah. Jawatankuasa ini berhak untuk memanggil ibu bapa/penjaga berkenaan atau menolak permohonan seseorang iaitu sekiranya ia penuh yakin bahawa maklumat-maklumat yang diberi itu tidak benar, atau ragu-ragu akan kebenaran maklumat-maklumat tersebut.

Dengan langkah-langkah ini, adalah diharapkan bahawa hanya murid-murid yang layak menerima bantuan diberi pinjaman buku teks. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu anak-anak keluarga yang mampu dan berada juga dapat menikmati skim ini memang betul, tetapi bilangannya adalah sangat kecil sahaja, dan sekiranya perkara ini dilaporkan kepada Guru Besar, pihak sekolah bolehlah mengambil tindakan untuk membetulkannya.

Akhir sekali, oleh sebab Skim Pinjaman Buku Teks adalah bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa/penjaga yang kurang mampu, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk memberi bantuan kepada semua murid-murid di sekolah-sekolah.

PEGAWAI DIPLOMATIK DI KEDUTAAN LUAR—KELEMAHAN PENTADBIRAN

15. **Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa pengurusan kewangan dan perkhidmatan Pegawai Diplomatik kita dikebanyakan Kedutaan Luar dan Pesuruhannya Tinggi kita di luar negeri, tidak cekap dan sempurna seperti mana didedahkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian tahun lalu; dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Sebagaimana juga Jabatan-jabatan lain, Kementerian ini tidak sunyi dari kelemahan-kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran kewangan dan perkhidmatannya. Namun demikian, langkah-langkah dan usaha-usaha sentiasa diambil bagi meningkatkan keupayaan dan prestasi pentadbiran Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini dengan berbagai-bagai cara, termasuk mengadakan taklimat-taklimat dan kursus-kursus khas untuk pegawai-pegawai yang berkenaan, mengedarkan pekeliling-pekeliling untuk menjelaskan peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan, mengadakan pemeriksaan mengejut dan sebagainya untuk mengemaskinkan pentadbiran perwakilan-perwakilan sesuai dengan keperluan Kerajaan.

BIJIH TIMAH—PENGELUARAN

16. **Tuan Wong Hoong Keat** meminta Menteri Perusahaan Utama menyatakan amaun hasil bijih timah selama tiga tahun yang lalu, amaun anggaran bijih timah simpanan yang belum digalikan, kos semasa produksi setiap kilo dan harga jualan eksport semasa bijih timah setiap kilo. Juga menyatakan pengurangan produksi bijih timah yang ditujui dalam dasar peratus dan kuantiti. Dan sama ada beliau sedar bahawa dengan berpandu kepada pengurangan produksi bijih timah, kebanyakan lombong bijih timah akan terjejas dan penghidupan pekerja-pekerja lombong timah juga akan terjejas.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini, maklumat-maklumat yang dikehendaki adalah seperti berikut:

- (a) pengeluaran timah pada tahun 1979 ialah 62,995 tonne, 1980, 61,404 tonne dan 1981, 59,938 tonne;
- (b) rezab timah sukar hendak ditentukan dengan tepat;
- (c) purata kos pengeluaran timah bagi tempoh Januari—Jun 1981 ialah \$27.76 sekilo; Walau bagaimanapun kos purata pengeluar bagi sektor pam kelikir ialah \$31.39 sekilo
- (d) harga timah di pasaran Pulau Pinang pada 8-3-1982 ialah \$30.33 sekilo;
- (e) sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, pengurangan pengeluaran sebanyak 25% atau 15,000 tonne akan bermula pada tahun 1983; dan
- (f) Kementerian ini sedar bahawa pengurangan pengeluaran akan menimbulkan beberapa masalah dan dengan yang demikian, suatu kajian yang mendalam sedang dijalankan bagi menentukan cara-cara bagi melaksanakan pengurangan pengeluaran ini dengan sebaik-baiknya.

LAMPU ISYARAT MENGGANTIKAN BULATAN

17. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bahawa bilakah masanya round-about di Bandaraya Kuala Lumpur dan juga di tempat-tempat lain akan digantikan dengan lampu isyarat yang mana difikirkan ianya sudah ketinggalan zaman dan tidak perlu diadakan lagi. Sama ada perancangan Jabatan Kerjaraya boleh mengubahsuai British standard yang digunakan sekarang ini mengikut standard jalan yang dibuat di negeri-negeri Germany dan Amerika Syarikat. Jika tidak, mengapa.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Adalah benar bahawa terdapat beberapa bulatan di Bandaraya Kuala Lumpur dan

juga beberapa tempat yang lain menyebabkan kesesakan Lalulintas tetapi tidak kesemua bulatan boleh dianggap ketinggalan zaman. Di setengah-setengah tempat, bulatan memainkan peranan yang berkesan kepada pengguna di mana 'U-turn' boleh dibuat dan kenderaan bergerak dengan lancar ketika keadaan tidak sibuk.

Di mana terdapat bulatan yang tidak dapat lagi menampung kesesakan Lalulintas, kebanyakannya telah pun diganti dengan lampu isyarat misalnya di Bandaraya Kuala Lumpur iaitu seperti Bulatan Merdeka, Bulatan Syed Putera dan Bulatan Bank Negara. Bagi bulatan lain yang menyebabkan kesesakan sama ada di bandar Kuala Lumpur dan ditempat-tempat lain, Kementerian saya sedang merancang untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Mengenai perancangan jalan, sebenarnya Kementerian ini adalah mengamalkan gabungan piawai Amerika Syarikat dan British. Tetapi suka saya memaklumkan di sini bahawa kebanyakan rekabentuk dan pembinaan jalan yang dilaksanakan adalah bergantung kepada keadaan setempat.

PENANAM PADI—MEMBAIKI TARAF HIDUP

18. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan mengkaji semula strategi bagi memperbaiki taraf hidup penanam padi terutamanya di Kedah, oleh kerana hingga ke hari ini taraf hidup penanam padi masih terlalu rendah walaupun beberapa strategi Kerajaan telah dirancang dan dilaksanakan untuk mereka.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Adalah menjadi hasrat dan dasar Kerajaan memperbaiki taraf hidup semua penduduk-penduduk luar bandar, termasuklah juga penanam-penanam padi.

Bagi pembangunan sektor penanaman padi, Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar; umpamanya, dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$500 juta untuk subsidi baja, \$7 juta untuk pembajakan

sawah, \$22 juta untuk rancangan kredit jangka pendek pengeluaran padi, \$10 juta untuk penyelidikan, \$7 juta untuk pemulihan kilang padi dan \$860 juta untuk kemudahan pengairan. Untuk subsidi kupon pula, sejumlah \$220 telah diperuntukan bagi tahun 1982.

Strategi-strategi yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk menambahkan pengeluaran penanam padi dan seterusnya memperbaiki taraf hidup mereka termasuk memperbaiki kemudahan pengairan, pemberian subsidi baja dan subsidi harga padi, kemudahan kejenteraan ladang, penyelidikan serta usaha-usaha pengembangan.

Dari segi keperluan sosial Kerajaan memberikan kemudahan jalan, sekolah kesihatan dan bekalan elektrik dan air. Kerajaan juga sedang menambah beberapa model untuk memodenkan cara-cara penanaman padi, misalnya melalui perusahaan berkelompok, demi untuk menambahkan daya pengeluaran.

Walaupun taraf hidup penanam padi belum mencapai ke satu taraf yang setanding dengan penanam tanaman yang lebih menguntungkan seperti koko atau kelapa sawit, memang ada juga kemajuan yang telah dicapai, terutamanya di kawasan dua musim setahun di mana pengeluaran telah bertambah. Juga untuk mengatasi masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh penanam-penanam padi, Kerajaan pada masa sekarang sedang mengkaji kemungkinan untuk:

- (a) memberikan kemudahan perparitan di sawah padi supaya tanaman-tanaman yang lebih beruntung dapat ditanam pada luar musim di kawasan tanaman padi sekali setahun.
- (b) Mengadakan skim bersepadu dari pengeluaran hingga pemasaran untuk tanaman-tanaman.
- (c) Memindahkan penanam-penanam padi ke skim tanah yang baru supaya mengurangkan jumlah penanam padi di kawasan padi yang sedang ada demi untuk mendapatkan pengagihan tanah yang lebih baik misalnya Estet Padi Trans-Perak seperti yang dicadangkan dan Endau-Rompin.

JAWATAN KENAIKAN PANGKAT GURU—KEKOSONGAN

19. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah ikhtiar Kementerian Pelajaran untuk memenuhi jawatan di dalam Perkhidmatan Pelajaran, kekosongan yang masih terdapat dengan jelas di sekolah-sekolah ialah Guru Penolong Kanan Sekolah Rendah Gred 'B', Guru Penolong Kanan Sekolah Rendah Gred 'A', dan juga lain-lain Pangkat serta Kategori di dalam Perkhidmatan Pelajaran.

Dato Chan Siang Sun: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya terdapat kekosongan yang berlaku ke atas mana-mana jawatan kenaikan pangkat, Kementerian saya akan memperakukan calon-calon yang dipilih untuk pertimbangan Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan di Kementerian Pelajaran atau Jabatan Perkhidmatan Awam. Calon-calon yang dilantik adalah dipilih berasaskan kepada merit, kesesuaian, kekananan dan kelayakan mengikut skim perkhidmatan yang berkenaan. Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat yang disebutkan tadi bersidang sepanjang tahun untuk menimbangakan perakuan-perakuan dari Kementerian dan keputusan akan dibuat berasaskan kepada faktor-faktor yang tersebut di atas.

PINJAMAN PERUMAHAN OLEH BANK- BANK PERDAGANGAN

20. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar ramai pembeli-pembeli yunit rumah yang berharga kurang dari \$100,000 tidak dapat memperolehi pinjaman perumahan dari bank-bank walaupun jaminan-jaminan dibuat oleh Kerajaan dalam Dewan ini bahawa Kerajaan akan memaksa bank-bank memberi pinjaman-pinjaman seumpama itu; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Bank-bank perdagangan telah pun bergiat cergas dalam memberi pinjaman-pinjaman perumahan dan telah memberikan

sebahagian besar daripada pinjaman perumahan mereka untuk membiayai rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah kepada pembeli-pembeli perseorangan. Lebih kurang 65 peratus daripada jumlah pinjaman perumahan yang telah diluluskan dan dikeluarkan dalam tahun 1981 adalah untuk rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap sebuah. Dari segi bilangan yunit pula, bank-bank perdagangan telah memberi pinjaman untuk 17,660 yunit yang berharga kurang daripada \$100,000 tiap-tiap satu rumah atau 84.3 peratus daripada jumlah yunit-yunit rumah pada keseluruhannya. Selain dari itu bank-bank juga telah mengikat perjanjian untuk meminjamkan \$365.7 juta kepada orang-orang perseorangan untuk membeli rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun bank-bank perdagangan aktif dalam memberikan pinjaman-pinjaman perumahan kepada orang-orang perseorangan, mereka tidak semestinya memberikan pinjaman perumahan kepada setiap orang yang membuat permohonan. Sebagai penyimpan wang-wang simpanan orang ramai, bank-bank harus bersikap berhati-hati dan teliti dalam memproses permohonan-permohonan pinjaman. Pemohon-pemohon pinjaman perumahan, seperti juga pinjaman-pinjaman yang lain, perlu memenuhi syarat-syarat yang dikenakan berhubung dengan kedudukan kewangan mereka dan kemampuan serta keupayaan membayar balik pinjaman. Kerajaan mengawas dengan rapi semua aspek urusan bank yang melibatkan rakyat, khususnya sektor-sektor ekonomi yang dianggap utama untuk menentukan bahawa perubahan-perubahan dasar yang berpatutan akan dibuat sekiranya perlu.

Sukacita juga saya menyatakan bahawa Bank Negara senantiasa mengawasi kedudukan pinjaman ini dengan rapinya. Sebagai tindakan sementara, Bank Negara telah mengedarkan surat pekeliling kepada semua bank-bank perdagangan untuk

mengingatkan mereka bahawa walaupun di dalam garis panduan mengenai pemberian sekurang-kurangnya 10 peratus dari jumlah pinjaman bagi orang-orang perseorangan memiliki rumah, tidak dinyatakan kadar peratusan yang mesti diperuntukan untuk rumah-rumah yang berharga kurang dari \$100,000, bank-bank mestilah menentukan supaya jumlah yang berpatutan harus disalurkan untuk membiayai rumah-rumah yang berharga kurang dari \$100,000.

Bank Negara juga telah menekankan bahawa sekiranya bank-bank terus enggan membiayai rumah-rumah yang berharga kurang dari \$100,000 atas alasan kadar faedah maksima yang boleh dikenakan ke atas pinjaman tersebut adalah rendah, iaitu 10 peratus setahun, Bank Negara tidak ada pilihan lain melainkan memperkenalkan garis panduan baru yang menetapkan kadar peratusan tertentu dari jumlah pemberian pinjaman disalurkan untuk rumah-rumah yang berharga kurang dari \$100,000. Bank Negara pada masa ini sedang menyemak perkara ini.

PINJAMAN KEPADA KERETAPI TANAH MELAYU

21. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada Keretapi Tanah Melayu sehingga hari ini dan sumber pinjaman ini iaitu sama ada dari Kerajaan atau institusi-institusi kewangan antarabangsa serta kadar faedahnya dan sama ada pinjaman tersebut dibayar dengan ansuran bulanan atau tahunan seperti yang ternyata dalam perjanjian-perjanjian pinjaman yang berkenaan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sehingga hari ini adalah seperti berikut:

Sumber pinjaman—

- | | |
|---------------------------|---------------|
| (i) Kerajaan Persekutuan | \$264,668,836 |
| (ii) Pinjaman Luar Negeri | \$ 67,807,272 |

Pinjaman-pinjaman Luar Negeri adalah daripada Economic Development Board, Singapura, Millbank Technical Services, London, Bank Dunia, dan Kreditanstalt fur Wiederaufbau German Barat.

Kadar faedah yang telah dikenakan adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Persekutuan ialah diantara 4% hingga 8% setahun.
- (ii) Pinjaman Luar Negeri ialah di antara 5½ hingga 7½ setahun.

Cara pembayaran balik adalah seperti berikut:

- (i) Pinjaman dari Kerajaan Persekutuan—dibayar dengan ansuran tahunan.
- (ii) Pinjaman Luar Negeri—dibayar ansuran antara 3 bulan hingga 6 bulan.

PASUKAN SIMPANAN TENTERA DARAT—KEKURANGAN

22. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah disedari bahawa pegawai-pegawai dalam Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) adalah kekurangan nisbah dalam sesuatu pasukan. Jika disedari adakah rancangan bagi mengisi kekurangan tersebut.

Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustafa: Seajar dengan pembesaran Pasukan Tetap Angkatan Tentera Malaysia, Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) juga turut diperbesarkan sebagai memenuhi keperluan pertahanan dan peranannya sebagai pasukan pelapis. Paras kekuatan PSTD telah ditetapkan dalam Rancangan Perkembangan Istimewa Tentera Darat supaya nisbahnya dijadikan 3:1 iaitu tiga orang Sukarelawan kepada tiap-tiap seorang anggota tetap dalam jangkamasa panjang. Sebagai peringkat pertama (1979-1983) tentera simpanan ini dibesarkan hingga mencapai nisbah seorang sukarelawan kepada tiap-tiap seorang anggota tetap.

Di dalam rancangan pembesaran ini di samping penambahan anggota-anggotanya pegawai-pegawai juga turut ditambah. Kekurangan pegawai di dalam Pasukan

Simpanan Tentera Darat (PSTD) memang disedari. Pada keseluruhannya, semua unit-unit PSTD mempunyai keanggotaan pegawai ke paras 20% sahaja daripada perjawatan yang wujud. Manakala kekuatan lain-lain pangkat sekarang meningkat ke 60% dari perjawatannya. Langkah-langkah pengambilan dan pemilihan pegawai-pegawai Sukarela sedang dilaksanakan dengan pesatnya.

Di atas kekurangan ini jugalah, Tentera Darat telah merancang untuk memenuhi kekosongan ini dengan tertubuhnya Pasukan Pegawai Simpanan (PALAPES) di Institusi Pengajian Tinggi dan di Universiti-universiti Tempatan. Pasukan PALAPES yang telah ditubuhkan sejak tahun 1979 dan pentauliahan peringkat pertama akan diadakan pada 8hb April, 1982 dan seramai 200 pegawai kadet akan ditauliahkan sebagai pegawai dalam PSTD. Adalah diharapkan dengan adanya PALAPES ini kekurangan pegawai dalam PSTD dapat dipenuhi menjelang tahun 1985.

PENYELUDUPAN BIJIH TIMAH

23. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah perlombongan timah secara haram dan penyeludupan timah memandangkan cadangan untuk mengurangkan keluaran timah; dan
- (b) berapa banyak timah yang diseludup itu telah didapati balik oleh Kerajaan dalam 1980/81.

Tuan bujang bin Haji Ulis:

- (a) Langkah-langkah untuk mencegah perlombongan timah secara haram dan penyeludupan timah telah pun sedia wujud melalui penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Timah (Pemindahan Bijih Padat Timah), 1977 di bawah Ordinan Kawalan Timah, 1954. Di bawah Peraturan-peraturan ini, sesiapa yang didapati memindah bijih padat timah tanpa kebenaran boleh didenda sebanyak \$50,000 atau sepuluh kali harga bijih padat timah

yang berkaitan atau dipenjara selama dua tahun. Bijih padat timah, kenderaan dan barang-barang yang digunakan di dalam melakukan kesalahan tersebut boleh disita dan dilucuthak. Di samping itu, undang-undang galian bagi negeri-negeri Tanah Melayu memang tidak membenarkan sebarang perlombongan tanpa berlesen. Oleh itu, sesiapa yang menjalankan perlombongan secara haram boleh didenda dan semua jentera, alat-alat, bangunan dan hartabenda, termasuk sebarang bijih yang didapati di tempat perlombongan secara haram itu boleh dirampas dan dilucuthak.

Di samping menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan, Jabatan Galian sentiasa mengawasi segala kegiatan melombong bagi memastikan yang lombong-lombong tersebut berlesen dan mematuhi undang-undang. Langkah-langkah ini diambil setiap masa dan tidak tertakluk kepada keadaan apabila pengurangan pengeluaran hendak diadakan.

- (b) Daripada maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Kastam, jumlah bijih padat timah yang telah ditahan berkaitan dengan penyeludupan bagi tahun-tahun 1980 dan 1981 ialah 220,892 kilogram iaitu 220.9 tonne.

PEMANDU TEKSI LUAR DI PUDURAYA

24. Tuan P. Patto minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar tentang sungutan-sungutan dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi luar (out-station) di Perhentian Teksi Puduraya, Kuala Lumpur yang pentadbirannya dijalankan oleh segolongan pemegang-pemegang lesen teksi Bandaraya Kuala Lumpur di mana teksi-teksi Bandaraya diberi keutamaan dalam mendapat penumpang walaupun ia datang lewat daripada teksi-teksi luar, jika ya, bolehkah pihak Kementerian beliau mengarahkan UDA untuk mengambilalih pentadbiran perhentian untuk memberi

keadilan kepada semua pihak yang berkenaan, jika tidak, mengapa.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kementerian saya memang sedar bahawa ada segolongan pemandu-pemandu teksi luar di Hentian Puduraya yang bersungut tentang masalah pembahagian penumpang dan trip perjalanan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Pengurusan Bangunan UDA yang mentadbirkan Hentian Puduraya telah mengkhaskan satu tingkat bangunan tersebut untuk digunakan sebagai tempat letak kereta bagi teksi-teksi luar. Tiap-tiap teksi yang masuk ke tempat letak kereta berkenaan dikenakan bayaran \$1.00 sekali masuk, sebagai bayaran letak kereta. Urusan untuk mendapatkan penumpang dan trip perjalanan adalah diusahakan sendiri oleh pemandu-pemandu teksi. Untuk tujuan ini, pemandu-pemandu teksi luar telah menubuhkan tiga persatuan teksi mengikut kawasan iaitu kawasan Utara, Selatan dan Timur. Tiap-tiap pemandu teksi luar adalah menjadi ahli persatuan ini dan dikenakan komisyen oleh persatuan sebagai bayaran pengendalian bagi tiap-tiap trip yang diberikan kepada pemandu berkenaan. Bayaran komisyen adalah bergantung kepada jauh trip perjalanan umpamanya \$1.00 untuk trip Kuala Lumpur—Tanjung Malim, \$3.00 trip Kuala Lumpur—Ipoh dan seterusnya. Oleh yang demikian, sungutan ke atas ketidakadilan pihak persatuan di dalam pengendalian serta membahagi-bahagikan trip haruslah dikemukakan kepada pihak Persatuan Teksi berkenaan sendiri untuk Persatuan mengambil tindakan yang sewajarnya.

UNIVERSITI TEMPATAN—KEMAJUAN

25. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa apakah kemajuan telah dicapai dalam usaha untuk memperluaskan kapasiti dan fasiliti kelima-lima universiti tempatan kita dan bilakah universiti baru, yang keenam ini akan ditubuhkan untuk menampung lebih ramainya pelajar kita bagi melanjutkan pelajaran tingginya.

Dato Chan Siang Sun: Kemajuan pada masa ini yang dapat dilihat ialah usaha Kerajaan membesarkan dan meluaskan kampus-kampus universiti tempatan, menubuhkan fakulti-fakulti dan kursus yang baru, dan juga menubuhkan kampus-kampus cawangan di negeri-negeri seperti Sarawak (Universiti Pertanian Malaysia), Sabah (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Kelantan (Universiti Sains Malaysia). Di samping itu kampus Universiti Teknologi Malaysia sedang dibangunkan di Johor dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME). Dengan adanya penambahan kapasiti dan fasiliti ini pengambilan pelajar-pelajar pada tiap-tiap tahun akan meningkat.

Mengenai universiti keenam, Kerajaan hanya sedang mengkaji mengenai keperluan untuk mewujudkan universiti tersebut.

PELAJARAN MUZIK DI BAWAH SISTEM 3M

26. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil yang mengajar mata pelajaran muzik di bawah sistem 3M terpaksa mengajar murid-murid mereka dengan lagu-lagu Melayu dahulu sebelum mengajar mereka bahasa ibunda mereka.

Dato' Chan Siang Sun: Program muzik bagi Tahun I dalam Kurikulum 3M ada disediakan 46 buah lagu kanak-kanak. Bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) 18 buah daripada lagu tersebut senikatanya adalah dalam Bahasa Malaysia dan 28 buah lagu yang lainnya dalam bahasa pengantar sekolah. Murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) bolehlah belajar lagu kanak-kanak yang senikatanya dalam Bahasa Malaysia ini apabila mata pelajaran Bahasa Malaysia sudah diajar. Ini akan dapat membolehkan mereka memperkukuhkan kemahiran Bahasa Malaysia.

KOLEJ-KOLEJ UNIVERSITI YANG DIIKTIRAF—SENARAI

27. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada satu senarai yang mengandungi nama Kolej-kolej dan

universiti-universiti yang diiktiraf (scheduled colleges and universities) di Korea Selatan, Jepun dan Taiwan akan dirangka demi faedah pelajar-pelajar dan sama ada aturcara-aturcara biasa akan dimulakan untuk menyediakan pelajar-pelajar kita yang ingin belajar di negara-negara tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Soalan menyediakan senarai kolej-kolej dan universiti-universiti yang diiktirafkan di Korea Selatan, Jepun dan Taiwan itu tidak berbangkit kerana apa yang dijalankan sekarang ialah penilaian sama ada sesuatu ijazah atau diploma dari universiti di luar negeri itu relevant atau tidak untuk perkhidmatan awam, maka relevant dan diperlukan oleh Kerajaan untuk perkhidmatan awam, maka ijazah atau diploma itu dinilai untuk menentukan tanggagaji, skim perkhidmatan dan sebagainya. Ini tidak bermakna kita menilai universiti-universiti di luar negeri. Apa yang dinilai semata-mata dari segi sama ada ijazah dan diploma itu diperlukan oleh perkhidmatan awam.

Pada masa ini ada beberapa ijazah di beberapa universiti dari Negara Jepun yang telah diiktirafkan untuk perkhidmatan awam dan banyak lagi ijazah dari universiti-universiti luar yang di dalam proses pertimbangan.

SISTEM 3M—PANDANGAN IBUBAPA

28. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menghormati sambil menerima pandangan ibubapa murid-murid sekolah-sekolah terlibat dalam sistem 3M supaya memastikan sama ada sistem tersebut boleh dijalankan secara berterusan atau tidak; nyataka sama ada Kementeriannya bersedia untuk mengkaji dan meneliti pendapat ibubapa-ibubapa berkenaan dan jika ya, beri butir-butir lanjut; jika tidak, mengapa.

Dato' Chan Siang Sun: Kementerian Pelajaran adalah sentiasa menghormati sambil menerima pandangan ibubapa murid-murid di sekolah-sekolah yang terlibat dalam pelaksanaan kurikulum 3M. Pandangan-pandangan ini akan dikaji oleh Jawatankuasa

Pelaksanaan Kurikulum 3M yang telah pun ditubuhkan supaya segala masalah yang berkaitan dengan kurikulum ini akan dapat diatasi.

Jawapan untuk soalan yang sama telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 9-3-1982 semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Ipoh dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

MAJLIS PERUMAHAN NEGARA

29. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah yang telah diambil setakat ini oleh Kementeriannya untuk menubuhkan satu Majlis Perumahan Negara bagi menyeragamkan penyelarasan dan pelaksanaan projek perumahan kos rendah;
- (b) sama ada semua negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Perumahan Negeri; jika belum, negeri-negeri manakah yang belum; dan
- (c) sejauh mana sistem binaan rumah pasangsiap telah dilaksanakan dan berapakah banyak unit yang telah dibina di bawah sistem tersebut setakat ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah pun ditubuhkan.
- (b) Ya, semua negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Perumahan Negeri yang biasanya dipengerusikan oleh Y.B. Ahli EXCO.
- (c) Kebanyakan negeri-negeri telah menunjukkan minat untuk menggunakan sistem pasangsiap untuk perumahan awam kos rendah, yakni Negeri Kedah, Pulau Pinang, Johor, Wilayah Persekutuan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, oleh kerana kos pembinaan sistem pasangsiap adalah di

antara \$250-\$450 meter persegi, kegunaannya adalah cukup sesuai untuk perumahan kos sederhana.

Setakat ini sebanyak 1,110 unit rumah awam kos rendah Rancangan Malaysia Ketiga telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri dengan menggunakan sistem pembinaan pasangsiap jenis precast iaitu Pulau Pinang 1,020 unit dan Sarawak 90 unit. Selain dari itu Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang telah juga menyiapkan 395 unit rumah kos rendah dengan menggunakan sistem pasangsiap dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sedang membina 1,537 unit kos rendah di Petaling Jaya Selatan dengan menggunakan sistem ini.

Pembinaan perumahan kos sederhana oleh sektor awam dengan menggunakan sistem pasangsiap telah dan sedang dilaksanakan. Di Pulau Pinang, umpamanya Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang telahpun menyiapkan 410 unit rumah kos sederhana. Di Selangor pula Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sedang membina 4,580 unit rumah kos sederhana dengan menggunakan sistem pasangsiap. Penggunaan sistem pasangsiap ini juga telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan untuk membina rumah-rumah anggota tentera.

Sebanyak 75 syarikat Pasang siap telah diterima dan didaftarkan oleh Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Senarai Syarikat-syarikat pasang siap yang dianggap sesuai untuk pelaksanaan rumah awam kos rendah telah pun diedarkan kepada Kerajaan Negeri.

ANAK SYARIKAT PKEN (SEDC) YANG DITUTUP

30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan nama anak-anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri yang telah ditutup serta nyatakan

dengan ringkas sebab-sebab utama penutupan itu dilakukan.

32. Tuan Haji Ibrahim bin Muhamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa buah anak-anak syarikat SEDC yang telah ditutup sekarang, dan bagaimanakah kedudukan syarikat-syarikat tersebut.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Setakat ini, sekurang-kurangnya 5 Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan yang menyentuh Syarikat-syarikat PKEN tersebut untuk dijawab dalam sesi Parlimen di Dewan Yang Mulia kali ini. Begitu juga keadaannya bagi sesi yang lalu, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bertanya mengenai Syarikat-syarikat PKEN yang mana telahpun saya jawab dalam sesi tersebut,

Saya ingin memohon izin untuk mengambil peluang ini bagi menjawab kesemua soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dijawab dalam sesi ini, mengenai prestasi Syarikat-syarikat PKEN. Ini adalah bertujuan untuk memberi satu gambaran yang menyeluruh mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Antara isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- (i) Senarai nama dan bilangan yang telah diarah tutup.
- (ii) Sebab berlaku kerugian dan ditutup.
- (iii) Langkah-langkah yang akan dan telah diambil.
- (iv) Kedudukan syarikat-syarikat yang terlibat.
- (v) Jumlah kerugian yang dialami.

Seperti yang pernah saya nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini PKEN-PKEN telah menubuhkan atau terlibat dalam sebanyak 321 buah syarikat yang melibatkan pelaburan lebih daripada \$564 juta. Bilangan mengikut peratusan pegangan ekuiti syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Milik Penuh (di mana PKEN memegang 100% ekuiti) berjumlah 68 buah atau 21% dari jumlah syarikat.

- (ii) Usahasama (di mana PKEN memiliki lebih daripada 51% saham ekuiti tetapi kurang daripada 100%) berjumlah 119 buah atau 37% dari jumlah syarikat.
- (iii) Syarikat Sekutu dan Pelaburan (di mana PKEN memiliki kurang daripada 50% saham ekuiti) berjumlah 134 buah atau 42% dari jumlah syarikat.

Seperti saya selalu tegaskan dalam Dewan ini penglibatan PKEN-PKEN dalam ketiga-tiga jenis syarikat seperti di atas adalah sebagai langkah positif untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. PKEN melibatkan diri dalam lapangan ini sama ada sebagai pemegang amanah atau 'perintis' untuk mempelupuri penyertaan usahawan Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Apabila syarikat-syarikat ini telah layak dan menemui kriteria-kriteria yang telah ditentukan, saham-saham yang dimiliki dalam syarikat-syarikat tersebut akan dipindah milikan kepada Bumiputera melalui Sekim Pindah Milik Kerajaan.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soalan untung-rugi oleh syarikat-syarikat PKEN ini sedia maklum bahawa seperti syarikat swasta, syarikat-syarikat PKEN ini juga adalah tertakluk kepada risiko perniagaan tertentu. Banyak syarikat-syarikat swasta yang telah mengalami kerugian yang terpaksa ditutup. Tetapi syarikat-syarikat swasta tersebut tidak menarik perhatian ramai kerana tidak melibatkan sumber kewangan awam. Saya bersetuju dan sukacita melihat banyak ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil berat tentang syarikat-syarikat PKEN kerana syarikat-syarikat PKEN melibatkan wang rakyat.

Atas sebab hendak melindungi wang rakyatlah maka arahan supaya ditutup telah dibuat ke atas syarikat-syarikat PKEN yang apabila dikaji dan diteliti didapati mengalami kerugian yang besar dan yang didapati tidak mempunyai potensi dan harapan masa hadapan yang cerah. Langkah seperti ini diambil semata-mata untuk memastikan

bahawa wang rakyat tidak membazir. Arahan penutupan tersebut telah dibuat kepada beberapa jenis syarikat berkenaan. Syarikat di mana dimiliki sepenuhnya oleh PKEN tidak menimbulkan sebarang masalah. Tetapi bagi syarikat berbentuk Usahasama dan Sekutu persetujuan rakan usahasama yang lain perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum PKEN boleh menarik diri dari syarikat berkenaan, atau dengan cara PKEN menjualkan sahaja saham yang dipegang sama ada kepada rakan usahasama atau ditawarkan kepada pihak lain, atau umum.

Daripada jumlah 321 buah yang saya sebut di atas tadi sebanyak 41 buah syarikat didapati telah mengalami kerugian dan tidak mempunyai masa hadapan yang cerah. Syarikat ini telah pun ditutup atau dalam proses penutupan. Daripada jumlah 41 buah ini termasuklah 8 buah syarikat yang telah diarah oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri supaya ditutup.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk melaporkan kedudukan syarikat-syarikat PKEN yang lain. Daripada sejumlah 321 buah tadi, 145 buah telah mengalami keuntungan terkumpul yang mana 5 buah telah dipindah kepada PNB. 13 buah lagi telah dikenalpasti telah memenuhi kriteria-kriteria untuk dipindahkan kepada PNB. Baki syarikat-syarikat PKEN yang lain adalah syarikat yang masih dalam peringkat memulakan operasi atau dalam peringkat mencapai kematangan.

Sukacita saya menegaskan di Dewan Yang Mulia ini bahawa Kementerian saya sentiasa mengawasi prestasi syarikat-syarikat PKEN ini. Bagi maksud ini Kementerian saya telah mewujudkan satu sistem maklumat pengurusan yang menggunakan komputer untuk membuat pengawasan dan penilaian di atas syarikat-syarikat PKEN. syarikat-syarikat yang mengalami kerugian tetapi mempunyai masa hadapan yang cerah akan diambil tindakan untuk dibaik pulih. Sekiranya syarikat-syarikat tersebut tidak boleh dipulihkan semula Kementerian saya akan mengambil langkah bersama dengan PKEN-PKEN berkenaan untuk menutup syarikat-syarikat tersebut daripada dibiarkan terus menerus membuat kerugian yang

melibatkan wang rakyat. Sementara itu syarikat-syarikat PKEN yang telah memenuhi kriteria-kriteria pemindahan milik saham akan diperakukan untuk dipindah milik kepada PNB setelah dipersetujui oleh PKEN dan Kerajaan Negeri berkenaan.

Sukacita juga saya menegaskan iaitu Kementerian saya juga mulai bulan April tahun 1980 telah meneliti perjanjian-perjanjian usahasama dan perjanjian-perjanjian pengurusan sebelum ditandatangani oleh PKEN dengan rakan-rakan usahasama dan Syarikat Pengurusan lain. Tujuan langkah ini adalah untuk memastikan bahawa perjanjian-perjanjian tersebut tidak berat sebelah dan kepentingan PKEN terpelihara dan terjamin.

JALAN RAYA KESELAMATAN DI [SEMPADAN KELANTAN/THAILAND— PEMBINAAN

31. Tuan Abdul Rahman bin Daud minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau bercadang hendak membina jalan raya keselamatan (KASBAN) di sepanjang sempadan Kelantan (Malaysia) Thailand, bagi memudahkan lagi rondaan di sepanjang sempadan tersebut jika pihak Menteri bercadang hendak membina jalan-jalan itu, jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato Musa bin Hitam): Setakat ini Kerajaan belum mempunyai rancangan yang khusus untuk membina jalan keselamatan selari dengan sempadan Kelantan (Malaysia)/Thailand memandangkan kawasan di sempadan tersebut boleh dikawal oleh Pasukan Keselamatan dengan menggunakan jalan-jalan yang sedia ada.

Namun demikian di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 18 batang jalan yang berharga \$50,303,000.00 akan dibina atau diperbaiki di Jajahan Tanah Merah dan Jajahan Pasir Mas. Jalan-jalan ini adalah terletak di dalam kawasan KESBAN dalam lingkungan 24 kilometer dari sempadan Kelantan/Thailand.

Kerja-kerja pembinaan akan dapat dimulakan selepas kajian awal siap dilaksanakan.

FELDA—KELUASAN TANAH

33. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah bilangan dan keluasan tanah Felda yang telah dilaksanakan sehingga akhir tahun 1981.
- (b) jumlah bilangan keluarga yang telah diambil masuk dalam semua rancangan Felda di seluruh negara pada masa ini; dan
- (c) Jumlah rancangan Felda yang sedang dan akan dibuka lagi di negeri ini dan berikan angka menurut negeri-negeri di Malaysia.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Untuk menjawab soalan Yang Behrormat, di bawah ini diperturunkan maklumat-maklumat yang diperlukan:

- (a) Sehingga akhir Disember 1981 sejumlah 308 buah rancangan Felda telah dimajukan dengan keluasan 564,622.4 hektar (1,395,182 ekar).
- (b) Sehingga 28hb Februari, 1982 seramai 71,033 keluarga telah diambil masuk dalam 188 buah rancangan Felda di seluruh Negara.
- (c) Jumlah rancangan Felda yang sedang dan akan dibuka untuk tempoh Rancangan Malaysia Keempat mengikut negeri-negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Rancangan	Keluasan
Perlis	2	2,454.9 hektar (6,066 ekar)
Kedah	1	2,422.1 hektar (5,985 ekar)
Perak	2	7,611.5 hektar (18,808 ekar)

Negeri	Bilangan Rancangan	Kelulusan
Selangor	3	3,985.8 hektar (9,849 ekar)
Negeri Sembilan	8	12,133.6 hektar (29,982 ekar)
Johor	8	15,659.3 hektar (38,694 ekar)
Terengganu ..	2	5,015 hektar (12,392 ekar)
Kelantan	14	19,753.1 hektar (48,810 ekar)
Pahang	24	50,184.5 hektar (124,006 ekar)
Sabah	13	37,616.4 hektar (92,950 ekar)
JUMLAH ..	77	156,836.2 hektar (387,542 ekar)

IKLAN ROKOK DI TELEVISYEN

34. Tuan Lee Kaw minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar pengumumannya baru-baru ini bahawa iklan rokok dalam televisyen akan diharamkan mulai 15hb Mac ini adalah bercanggah dengan kenyataan yang dibuat oleh Timbalannya, Datuk Embong Yahya, dalam Mesyuarat Belanjawan Dewan Rakyat yang lalu di mana Timbalan Menteri Penerangan berkenaan telah berkata pengharaman tidak akan dikenakan ke atas iklan-iklan rokok kerana ia akan menjejaskan mata pencarian lebih kurang 36,000 orang; jika ya, nyatakan bagaimana dan mengapakah dasar Kerajaan mengenai pengiklanan rokok di televisyen bertukar dengan begitu cepat, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membantu 36,000 orang yang akan terjejas mata pencarian mereka sekiranya pengharaman dikenakan ke atas iklan rokok dalam televisyen.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Bagi makluman Ahli Yang Berhormat kenyataan yang telah dibuat di Dewan ini sebagai yang beliau nyatakan itu tidak bercanggah dengan keputusan Kerajaan baru-baru ini hendak memberhentikan siaran iklan rokok melalui

RTM mulai 15hb Mac ini. Apa yang dimaksudkan dalam kenyataan di Dewan ini pada ketika itu ialah kiranya dasar memberhentikan siaran iklan rokok melalui RTM itu akan mengakibatkan pengharaman rokok di negara ini maka seharusnya keadaan itu boleh menjejaskan kilang rokok dan juga mata pencarian penanam tembakau tetapi seperti yang diketahui Kerajaan kita tidak mengharamkan perusahaan rokok; ataupun mencegah pengiklanan rokok secara keseluruhan. Perusahaan rokok tiada dihalang dan pengiklan-pengiklan boleh mengiklankannya menerusi pawagam-pawagam, di media cetak, paparan dan sebagainya. Kerajaan sentiasa mengkaji sesuatu dasar untuk dilaksanakan. Sekiranya didapati sesuatu dasar yang wujud perlu diperbaiki atau diperbaharui maka Kerajaan tidak ragu-ragu membuat perubahan sewajarnya demi untuk memanfaatkan negara dan rakyat. Dasar memberhentikan siaran rokok melalui RTM adalah satu daripada langkah-langkah seperti itu.

RAPAT UMUM PILIHANRAYA— MEMBATALKAN PENGHARAMAN

35. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah cadangan untuk membatalkan pengharaman rapat umum-rapat umum dalam masa Pilihanraya Umum yang akan datang. Jika tidak, apakah sebab-sebab.

36. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Kerajaan masih berkeras hendak mengekalkan pengharaman ke atas rapat-rapat umum dalam pilihanraya umum akan datang sedangkan tidak terdapat satu sebab yang sah untuk mengekalkan pengharaman ke atas rapat-rapat umum.

Dato' Musa bin Hitam: Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjawab soalan ini dan juga merangkumi semua soalan-soalan yang sama nadanya yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan Ahli Yang Berhormat dari Mengelembu pada 10-3-1982.

Tindakan pengharaman ke atas rapat-rapat umum adalah diambil atas pertimbangan keselamatan negara dan ketenteraman awam yang mungkin tergugat jika rapat-rapat umum dibenarkan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, negara kita masih lagi menghadapi ancaman dari keadaan dharurat iaitu kegiatan anasir-anasir pengganas komunis bersenjata serta penyokong-penyokong mereka senantiasa bergerak untuk melemah dan menghancurkan kerajaan yang sah lagi berpelembagaan yang dipilih oleh rakyat negara ini di bawah sistem demokrasi berparlimen kita. Saya suka mengingatkan walaupun keadaan keselamatan negara terkawal pada keseluruhannya ini tidak pula bermakna ancaman ini terhadap keutuhan negara tidak wujud lagi.

Dalam hubungan inilah, rapat-rapat umum ini diharamkan agar mana-mana pihak yang anti-demokrasi, subversif atau anti-nasional tidak dapat menggunakannya sebagai landasan mencapai matlamat-matlamat mereka yang tidak diingini lagi jahat itu.

MARDEC—KERUGIAN YANG DIALAMI

37. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh MARDEC semenjak tahun 1979.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Berdasarkan kepada tahun-tahun kewangan 1979/80 dan 1980/81 MARDEC telah mengalami kerugian berjumlah \$10.205 juta. Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan bahawa prestasi MARDEC tidak seharusnya diukur dari segi keuntungan komersial semata-mata. Penekanan mesti juga diberi kepada faedah-faedah ekonomi yang dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil melalui operasi MARDEC.

Prestasi MARDEC dalam memenuhi objektif sosio-ekonominya adalah memuaskan. Sehingga ini MARDEC telah mendirikan 15 buah kilang di seluruh Semenanjung Malaysia dengan keupayaan untuk memproses lebih kurang 120,000 tan

getah pekebun-pekebun kecil setahun dan ini merupakan 15% daripada jumlah pengeluaran pekebun kecil seluruh negara. Melalui operasinya MARDEC dapat memberi khidmat kepada lebih kurang 75,000 pekebun-pekebun kecil di seluruh negara. Dengan menjual getah kepada MARDEC, pekebun-pekebun kecil bukan sahaja mempunyai saluran pasaran alternatif, bahkan juga dapat menikmati harga yang lebih baik bagi getah mereka. Adalah dianggarkan pada keseluruhannya pekebun-pekebun kecil telah mendapat faedah tambahan sebanyak \$45 juta setahun daripada harga yang lebih tinggi yang diperolehi hasil daripada penubuhan dan Operasi MARDEC.

Kegiatan-kegiatan MARDEC di dalam meninggikan mutu getah keluaran pekebun-pekebun kecil yang biasanya terdiri daripada getah gred rendah seperti RSS 3, RSS 4 dan RSS 5 kepada getah mutu Malaysia (SMR) dan susu pekat telah menolong meningkatkan pendapatan eksport negara dalam lingkungan \$10 juta setahun. MARDEC terpaksa menanggung beberapa kos sosial yang pada kebiasaannya tidak dialami oleh Syarikat-syarikat Swasta. MARDEC adalah bertanggungjawab untuk membeli getah pekebun-pekebun kecil tanpa mengambil kira sama ada pembelian itu menguntungkan dari segi amalan komersial atau sebaliknya terutama dalam keadaan kemelesetan ekonomi di mana permintaan bagi getah adalah lembab.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini MARDEC telah memperbaiki cara-cara operasinya dari segi pungutan susu getah, pengangkutan dan pemerosesan di peringkat kilang-kilang untuk mencapai kecekapan di dalam penggunaan tenaga kerja dan mengurangkan kos.

Dalam proses perkembangannya MARDEC akan terus memperkemaskan lagi operasinya untuk memperbaiki keuntungan ekonomi dan pada masa yang sama menjamin bahawa objektif sosio-ekonomi terus dipenuhi. Dalam hubungan ini MARDEC telah memperhebatkan pembelian getah pekebun-pekebun kecil semasa keadaan permintaan bagi getah di pasaran dunia

lembab MARDEC juga akan mengambil peluang-peluang seterusnya untuk menubuhkan projek-projek usahasama di dalam perusahaan yang berasaskan getah sebagai sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan getah dalam negara.

MINI ESTET ANJURAN RISDA—LUAS TANAH

38. Tuan Haji Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) jumlah Mini Estet dan keluasanya yang telah dilaksanakan oleh pihak RISDA dan terangkan tempat-tempatnya.
- (b) jumlah Mini Estet dan keluasanya yang gagal di laksanakan dan terangkan sebab-sebabnya, langkah-langkah yang diambil bagi

mengatasinya dan terangkan tempat-tempatnya.

Dato Seri Shariff Ahmad Maklumat yang diperlukan oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Jumlah bilangan Mini Estet yang telah dibangunkan di antara tahun 1979 sehingga 31-12-1981 ialah 169 Rancangan yang melibatkan 20,383.65 hektar (50,330 ekar). Tempat-tempat (locality) Mini Estet yang dibangunkan itu adalah seperti lampiran berkembar.
- (b) Rancangan Mini Estet yang dianjurkan oleh RISDA bermula pada 1979 dan kerja-kerja pembangunan sedang pesat dijalankan. Rancangan ini adalah dalam tingkat perlaksanaan dan tidak ada berlaku atau mengalami kegagalan yang memerlukan kerja-kerja pemuliharaan.

SENARAI MINI ESTET SETAKAT 31^{HB} DISEMBER, 1981

<i>Negeri</i>	<i>Bil.</i>	<i>Nama dan Lokality Mini Estet</i>	<i>Ekaran</i>
Perlis	1	Kampung Bukit Gerengga	200 ½
	2	Kampung Bilal Udoh	146 ¼
Kedah	1	Gua Reban I, Baling	109 ¾
	2	Asam Kumbang I, Kulim	68
	3	Gua Reban II, Baling	150
	4	Kampung Legong, Baling	121
	5	Kampung Kubang Kenyeng, Padang Terap	250
	6	Kampung Bukit Larang Pendang	192
	7	Kampung Ga, Kota Setar	170
	8	Kampung Selut, Pulau Tuba	265
	9	Asam Kumbang II, Kulim	24
	10	Kampung Bukit Paya Merbau, Bandar Baru	202 ½
	11	Kampung Sungai Tengah, Bandar Baru	82
	12	Kampung Sungai Taka, Bandar Baru	63 ½
	13	Kampung Sungai Laka, Kubang Pasu	284
	14	Kampung Mawat/Kampung Makam Mahsuri/ Kampung Bukit Telok/Kampung Batu Asah	558
15	Kampung Tanjong Piring, Padang Terap	513 ¼	
16	Kampung Belukar Luas, Pendang	310	
17	Kampung Genting/Mata Air, Kota Setar	346	
18	Kampung Bukit Gelugor, Padang Terap	295	
19	Kampung Lampam, Pendang	250	
20	Kampung Rimba Teloi, Sik	117	
Perak	1	Pepuyu Hulu, Sitiawan	130
	2	Changkat Pancor, Sitiawan	262
	3	Kampung Beng, Taiping	362
	4	Kampung Balun, Slim river	157 ½
	5	Kampung Ketior Dalam, Kuala Kangsar	272 ¾

<i>Negeri</i>	<i>Bil.</i>	<i>Nama dan Lokaliti Mini Estet</i>	<i>Ekaran</i>
	6	Sungai Jambu, Selama	327
	7	Jalan Pepuyu, Bota, Parit	140
	8	Kampung Padang Langgar, Grik	301
	9	Kampung Gelong Pepuyu, Bruas	313
	10	Kampung Pintu Gerbang, Bruas	431
	11	Bukit Serdang, Air Panas	157
	12	Sungai Buloh, Kuala Kangsar	319
	13	Selarong, Kroh	251
	14	Kampung Perlok, Sungkai	111 $\frac{3}{4}$
	15	Batu 25 Ijok, Selama	127 $\frac{3}{4}$
	16	Kampung Pelang, Grik	204 $\frac{3}{4}$
	17	Air Tenang, Ulu Selama	231 $\frac{1}{2}$
	18	Rasau, Slim River	600
	19	Sungai Jambu, Selama	502 $\frac{3}{4}$
Selangor	1	Kampung Batu 28, Ijok, Kuala Selangor	165 $\frac{1}{4}$
	2	Kampung Ibol, Sepang	195 $\frac{1}{2}$
	3	Changkat Bintang, Ulu Selangor	105
Negeri Sembilan	1	Kampung Kundur, Rembau	82 $\frac{1}{2}$
	2	Kampung Penajis, Rembau	83 $\frac{1}{2}$
	3	Kuala Kepis, Pkt. II, Kuala Pilah	159
	4	Rembang Panas Pkt. I, Kuala Pilah	59
	5	Kuala Kepis Pkt II, Kuala Pilah	181
	6	Kampung Bukit Kelulut, Kuala Pilah	62
	7	Kampung Peladang, Jempol	232
	8	Kampung Sungai Kepong, Gemencheh	113
	9	Kampung Air Rawa, Gemencheh	234 $\frac{3}{4}$
	10	Kampung Rembang Panas, Pkt. II, Kuala Pilah	103 $\frac{3}{4}$
	11	Kampung Panglang, Kuala Pilah	169 $\frac{1}{4}$
	12	Kampung Bukit Perah, Jempol	108 $\frac{3}{4}$
	13	Kampung Tegor, Lenggeng	199
Melaka	1	Air Limau, Pkt I	68
	2	Air Limau Pkt II	369
	3	Gaung Tinggi	233
	4	Kampung Pulau	58
	5	Kuala Linggi	85
	6	Merlimau/Sebatu/Sungai Rambai	465
	7	Tanjung Rimau, Alor Gajah	266 $\frac{1}{4}$
	8	Padang Sebang, Alor Gajah	83
Johor	1	Murni Jaya, Pkt I, Johor Bharu	461
	2	Parit Suraya, Pontian	310
	3	Murni Jaya Pkt. II, Johor Bharu	231
	4	Kampung Bukit Kenangan (Bt. 41)	330
	5	Teck Wah Heng, Johor Bahru	552
	6	Kampung Parit Yob Darat, Batu Pahat	188 $\frac{1}{2}$
	7	Kampung Triang, Endau, Johor	199 $\frac{3}{4}$
	8	Kampung Tekam, Segamat, Johor	194
	9	Bukit Juitan, Batu Pahat	449 $\frac{1}{2}$
	10	Ulu Sang Lang, Kulai	2,010
Pahang	1	Bukit Penak, Temerloh	430 $\frac{3}{4}$
	2	Bukit Rok, Temerloh	181 $\frac{3}{4}$
	3	Batu Papan, Temerloh	104 $\frac{1}{2}$
	4	Bukit Betong, Kuala Lipis	563 $\frac{1}{4}$
	5	Kampung Budu, Kuala Lipis	663 $\frac{1}{4}$
	6	Sungai Belat, Kuantan	379 $\frac{1}{4}$
	7	Kampung Batu Balik, Pekan	119 $\frac{1}{2}$
	8	Kampung Nadak Seberang, Pekan	533
	9	Kampung Aur, Rompin	238

<i>Negeri</i>	<i>Bil.</i>	<i>Nama dan Lokaliti Mini Estet</i>	<i>Ekaran</i>
	10	Kampung Paya Bungor, Kuantan	808
	11	Kampung Lepar, Pekan	312
	12	Kampung Macang Gelap, Temerloh	131 ½
	13	Kampung Lek, Jerantut	378
	14	Kampung Ulu Balok	170
	15	Kampung Benta, Kuala Lipis	174
	16	Kampung Bukit Udang, Pekan	202 ½
	17	Kampung Pulau Rumput, Pekan	169
	18	Kampung Ketapang Hilir, Pekan	225 ¼
	19	Spayang, Rompin	131
	20	Kampung Kasing, Rompin	296 ¼
	21	Kampung Salong, Pekan	180
	22	Kampung Batu 4, Pulau Manis, Pekan	104
	23	Kampung Bukit Kenau Pekan	107
	24	Kampung Troh, Bentong	430
	25	Kampung Bukit Gajah, Bentong	132 ¾
	26	Kampung Simpang Pelangai, Bentong	228 ½
	27	Padang Rumbia, Pekan	355 ¼
	28	Kampung Mempelas, Pekan	260
	29	Kampung Paloh Hinai, Pekan	119
	30	Kampung Tanjung Batu, Pekan	200
	31	Kampung Tualang, Padang Chat, Lipis	174
	32	Kampung Tanjung Besar, Lipis	800
	33	Kampung Lalang, Lipis	180
	34	Kampung Pasir Kemudi, Kuantan	109 ¼
	35	Kampung Luit, Maran	150 ¾
	36	Kampung Meripoh, Keratong	150
	37	Kampung Temai Seberang, Pekan	204 ¼
	38	Sejabun, Maran	352
	39	Berhala Gantang, Temerloh	285
	40	Lamir, Pekan	158
	41	Sungai Putat I, Jerantut	600
	42	Ulu Sempalit, Raub	340
	43	Kampung Ajai, Dong, Raub	106
	44	Telok Sentang, Temerloh	208 ¾
	45	Kampung Ulu Jelu, Dong, Raub	792
	46	Kampung Serengkam, Maran	202 ¾
	47	Kampung Darat Lentang, Temerloh	373 ½
	48	Ulu Renggol, Pkt. II, Raub	540
	49	Kuala Telang, Lipis	242
	50	Pasir Sia, Jerantut	501 ¾
	51	Sungai Putat II, Jerantut	518
	52	Kampung Kelola/Batu Leja, Jerantut	214 ¾
Terengganu	1	Tok Fakir, Marang	527 ½
	2	Kampung Telaga, Kuala Terengganu	366 ¼
	3	Beliku, Besut	656 ½
	4	Banggol/Tasek Pkt. I, Besut	673
	5	Kampung Buloh, Hulu Terengganu	669
	6	Kampung Tanggol, Hulu Terengganu	305
	7	Kampung Bukit Gemuroh, Hulu Terengganu	162
	8	Tebak, Kemaman	125 ½
	9	Pancor, Buloh, Kemaman	394
	10	Tok Min, Kuala Terengganu	252 ¾
	11	Baris Gong, Kuala Terengganu	194 ½
	12	Tok Kah, Dungun	491
	13	Batu Mampar, Kuala Terengganu	280 ¾
	14	Banggol/Tasek, Pkt. II, Besut	372 ¼
	15	Air Puteh, Kemaman	511 ½
	16	Lapang Sawa, Marang	342 ¼

<i>Negeri</i>	<i>Bil.</i>	<i>Nama dan Lokaliti Mini Estet</i>	<i>Ekaran</i>
	17	Tok Bahasa, Kuala Terengganu	453
	18	Pecah Rotan, Kuala Terengganu	220 ¾
	19	Bukit Pisang Masam, Hulu Terengganu	401
	20	Cermin Kanan Pkt. I, Dungun	488 ¾
	21	Cermin Kanan Pkt. II, Dungun	445 ½
	22	Lubuk Air, Dungun	439 ¾
	23	Bukit Cengol, Besut	298 ¼
	24	Pelagat, Besut	359 ¼
	25	Bukit Petiti, Kuala Terengganu	320 ½
	26	Langkap, Kuala Terengganu	304 ¾
	27	Bukit Lata, Tok Gajah, Hulu Terengganu	184
	28	Bukit Bungor, Hulu Terengganu	564
	29	Bukit Anak Dara, Kemaman	489 ¾
	30	Kampung Kuala Akop, Hulu Terengganu	226
	31	Kerandang, Jerneh	209 ¾
Kelantan	1	Ulu Kusial, Tanah Merah	302 ¾
	2	Lubok Setol, Pasir Mas	286
	3	Banggol Lepah, Kota Bharu	105 ¼
	4	Ulu Kusial II, Tanah Merah	575 ½
	5	Hutan Petai, Pasir Mas	311 ¾
	6	Kampung Telaga Bijih, Tanah Merah	1,001
	7	Kampung Limau Purut, Tanah Merah	512 ¾
	8	Sungai Sok Bomba, Ulu Kelantan	177 ¼
	9	Air Belaga, Machang	287 ¼
	10	Bukit Gading, Tanah Merah	465 ¾
	11	Bukit Hangus, Pasir Puteh	117 ¾
		JUMLAH BESAR	50,330

PEGAWAI KERAJAAN “DEADWOOD DAN PERFUNCTORY”—PENYINGKIRAN

39. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyingkirkan pegawai-pegawai Kerajaan yang merupakan “deadwood” dan “perfunctory” dari perkhidmatan awam.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kerajaan mempunyai dasar-dasar, untuk mewujudkan satu perkhidmatan awam yang bermutu. Pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati merupakan “deadwood” dan “perfunctory” boleh disarakan di atas sebab-sebab kepentingan perkhidmatan daripada perkhidmatan Kerajaan mengikut seksyen 11 (b), Akta Pencen, 1980.

UNDANG-UNDANG AGAMA ISLAM—PENYELARASAN

40. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar

bahawa undang-undang Agama Islam sebagai Agama Rasmi negara tidak dapat diselaraskan di seluruh negara. Jika sedar apakah strategi Kerajaan dalam usaha menyelaraskan Hal Ehwal Agama Islam, dan usaha-usaha membanteras golongan-golongan yang menggunakan agama untuk kepentingan tertentu.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamad bin Nasir): Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Agama Islam adalah dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri-negeri di mana DYMM Sultan/Raja/Yang Di Pertuan Besar Negeri sebagai Ketua Agama.

Dengan demikian, pihak berkuasa Negeri-negeri boleh membuat Enakmen-enakmen berhubung dengan undang-undang Hukum Syara' Negeri-negeri masing-masing. Oleh itu sedikit sebanyak perbezaan memang ada.

Walau bagaimanapun, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengambil dayausaha yang utama cuba

menyelaraskan hal-hal berhubung dengan pentadbiran antara Negeri-negeri yang menjadi ahli.

Usaha-usaha ini dilaksanakan melalui Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Malaysia yang diadakan sekali dalam 3 bulan. Begitu juga usaha-usaha dijalankan melalui Muzakarah Mufti-mufti seluruh Malaysia yang diadakan 1 kali dalam 4 bulan bagi tujuan menyelaraskan perkara-perkara berkait dengan hukum. Bagaimanapun Persidangan Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam dan Muzakarah Mufti-mufti tidak mempunyai kuasa memaksa satu-satu negeri menerima keputusan yang telah dibuat.

Enakmen hukum syarak negeri-negeri mempunyai kuasa menghukum mereka yang didapati thabit kesalahannya melanggar Enakmen tersebut. Bagaimanapun soalan Ahli Yang Berhormat mengenai usaha-usaha membanteras golongan-golongan yang menggunakan ugama untuk kepentingan tertentu adalah tidak jelas. Jika golongan tertentu yang dimaksudkan seperti golongan yang menggunakan ugama untuk meninggikan imej diri sendiri, ini tidaklah menjadi kesalahan di bawah undang-undang.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE SABAH

41. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara yang dibincangkan dalam lawata beliau dan Timbalan Perdana Menteri ke Sabah lewat tahun lalu dan tindakan yang diambil untuk memperbaiki hubungan yang merosot dan tegang di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Berjaya Negeri Sabah sebagaimana yang dituduh oleh Ketua Menteri Sabah dalam ucapannya mengenai Belanjawan 1982 di Parlimen tahun lalu.

Perdana Menteri: Antara perkara-perkara penting yang dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya semasa lawatan mereka ke Sabah tahun lalu ialah mengenai hasrat Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan lagi penyatuan antara rakyat semua negeri termasuklah Sabah. Untuk tujuan ini perhubungan yang erat dan bersatupadu

antara rakyat perlu dipupuk melalui berbagai-bagai rancangan yang melibatkan penyertaan bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah. Dalam konteks ini Kerajaan Persekutuan mengamalkan prinsip-prinsip yang sama semasa berhubung dengan tiap-tiap Kerajaan Negeri mengenai urusan Kerajaan. Satu usaha yang nyata yang telah diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan ialah mengadakan waktu standard bagi semua negeri-negeri.

Dari segi memastikan pembangunan pesat di Negeri Sabah dan juga Sarawak, Kerajaan Persekutuan telah mengambil peranan yang lebih aktif dalam usaha meningkatkan pembangunan di bidang-bidang bekalan air, bekalan elektrik, pembinaan jalan dan pembangunan tanah secara usaha bersama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri itu.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan Persekutuan sedang mempergiatkan bantuan-bantuan yang perlu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha untuk memastikan pembangunan di peringkat Negeri mencapai kejayaan yang lebih berkesan. Dalam konteks ini perjumpaan di peringkat pegawai diadakan dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan perhubungan dan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

AHLI PARLIMEN/DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMOHON TANAH KERAJAAN

42. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan untuk menghalang penyalahgunaan kuasa adakah Kerajaan Persekutuan akan mengharamkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri untuk memohon tanah Kerajaan dan kawasan balak.

Perdana Menteri: Seksyen 43 (a) Kanun Tanah Negara ada memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh menerima permohonan daripada "..... mana-mana orang selain daripada remaja yang belum cukup umur". Oleh kerana Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah termasuk di dalam takrif tersebut, maka

dengan itu Kanun Tanah Negara 1965 tidak menghalang mereka untuk mengemukakan permohonan bagi mendapatkan tanah Kerajaan.

Apa yang salah dari segi undang-undang ialah mereka yang berkuasa meluluskan permohonan untuk diri sendiri. Jika perbuatan ini dilakukan maka Kerajaan akan mengambil tindakan. Kerajaan Barisan Nasional mengawasi gerak-geri Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri untuk menentukan segala perbuatan curang tidak berlaku.

PEGAWAI KERAJAAN—KUALITI DAN KUANTITI KERJA

43. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan sistem untuk menilai kualiti dan kuantiti kerja yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan supaya dapat mencegah atau mengurang ataupun menghapuskan kelewatan panjang (termasuk kelewatan dan kegagalan berbagai Kementerian untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan bertulis), ketidak cekapan, salah pengurusan dan penyalahgunaan kuasa termasuk rasuah di jabatan-jabatan dan nyatakan sama ada apa-apa langkah-langkah diambil untuk meralisesikan sistem untuk menilai kualiti dan kuantiti 'output' kerja-kerja yang dilakukan oleh pegawai-pegawai awam.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan telah lama mengadakan sistem penilaian ke atas prestasi pegawai-pegawai Kerajaan melalui Laporan-laporan Nilai Kerja Tahunan dan Laporan-laporan sulit Khas yang disediakan oleh Ketua-ketua Jabatan masing-masing. Laporan-laporan ini memerlukan penilaian atas watak, kebolehan, daya utama, daya pimpinan dan juga kadar serta mutu kerja pegawai-pegawai yang dilaporkan. Sistem penilaian ini telah dikaji dari masa ke semasa dan telah diperbaiki. Ia memang dapat menunjukkan sebarang kelemahan yang terdapat pada pegawai-pegawai tertentu ataupun sifat-sifat yang boleh membawa kepada penyelewengan kuasa. Pegawai-pegawai begitu tidak

diletakkan dalam jawatan-jawatan penting dan tindakan-tindakan sewajarnya juga diambil terhadap mereka.

Selanjutnya Kerajaan telah juga mengambil tindakan untuk memperketatkan disiplin dalam pejabat, menyusun semula sistem pembahagian tugas, mengkaji proses-proses yang menyebabkan kelewatan dalam pengurusan dan menjalankan ikhtiar baru untuk mengukur hasil kerja pegawai-pegawai dengan lebih berkesan lagi. Dengan pelancaran Ethika Perkhidmatan Awam dan gerakan Perkhidmatan Cemerlang, semangat dan kesedaran terhadap perlunya menjalankan tugas dengna tekun, dedikasi, jujur dan penuh tujuan telah dapat dipertingkatkan lagi. Di samping memberikan pengiktirafan dan ganjaran kepada pegawai-pegawai yang memberikan perkhidmatan cemerlang Kerajaan juga telah memperketatkan pengawasan kerja serta disiplin dalam pejabat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan hasil kerja yang lebih tinggi.

PINJAMAN PERUMAHAN PEMBELI RUMAH KOS RENDAH

44. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar akan kebanyakan pembeli rumah-rumah rendah di Pulau Pinang kepunyaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah mengalami kesulitan mendapat pinjaman perumahan dari bank-bank perdagangan dan sama ada beliau bercadang mengarahkan bank-bank perdagangan supaya membantu semua pemohon rumah kos rendah dalam permohonan pinjaman perumahan mereka.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Saya sedar masalah yang dibangkitkan itu dan saya juga ingin menyatakan bahawa bukan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PPPP) sahaja yang menghadapi masalah ini, tetapi juga PKEN-PKEN lain seperti Pahang, Selangor dan Johor. Bahkan masalah tersebut juga tidaklah tertumpu kepada agensi-agensi awam tetapi juga dialami oleh pemaju-pemaju perumahan swasta.

Menyentuh isu tertentu mengenai PPPP yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut saya sukalah memberi sedikit gambaran mengenai kedudukan sebenar dan tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini. PPPP semenjak bulan Januari 1981 telah berusaha untuk mendapat pinjaman penyudah atau end financing bagi 1,659 yunit rumah murah yang dibinanya. Pada akhir bulan Ogos 1981 PPPP telah berjaya mendapat kemudahan pinjaman sebanyak \$7 juta dari Bank Bumiputera. Kemudiannya pada 21hb Disember 1981, melalui satu 'syndication' bersama-sama dengan 5 bank tempatan yang diketuai oleh salah sebuah Bank Perdagangan tempatan PPPP telah berjaya mendapat \$55 juta bagi maksud yang sama. Pinjaman \$7 juta yang terdahulu itu diserapkan untuk dijadikan sebahagian daripada jumlah \$55 juta tersebut.

Buat masa ini pihak Kerajaan sedang meneliti masalah pembiayaan perumahan yang dihadapi itu, dengan tujuan merumuskan langkah-langkah yang sewajarnya.

NAHAS UDARA KAPAL TERBANG "CESSNA" DI KAMPUNG JANDA BAIK

45. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah cadangan untuk mengadakan penyiasatan 'coroner' untuk mengkaji hal-hal kematian ASP Charon Daam, ADC bagi Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, dan Jurulatih Kelab Penerbangan Selangor Encik Varghese Chacko yang meninggal dunia di Kampung Janda Baik akibat jatuh terhempas kapal terbang jenis "Cessna" pada 11 Januari 1982. Jika tiada, apakah jenis-jenis siasatan yang dimulakan dan jika sudah disempurnakan, apakah hasil penyiasatan itu.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Satu kertas siasatan mati terkejut (sudden death report) telah pun dibuka oleh pihak Polis untuk perkara ini di siasat oleh Mahkamah di bawah Kanun Acara Jenayah. Pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan di bawah Seksyen 329 Kanun Acara Jenayah sebelum mengemukakan laporan kepada

magistret mengikut Seksyen 333 undang-undang yang sama.

JURURAWAT HOSPITAL QUEEN ELIZABETH KOTA KINABALU SURAT ADUAN KEPADA BSN

46. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu kumpulan jururawat dari Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, telah menulis surat kepada Biro Siasatan Negara Cawangan Sabah menuduh Ketua Jururawat di Hospital itu, jika benar sama ada penyiasatan telah dijalankan dan apakah hasil penyiasatan.

Perdana Menteri: Kumpulan Jururawat dari Queen Elizabeth Hospital, Kota Kinabalu tidak menulis surat kepada BSN Cawangan Sabah, tetapi kepada Pengarah Biro Pengaduan Awam (BPA), Peti Surat 9000, Kuala Lumpur pada 7-1-1982 yang ditandatangani oleh 'frustrated nurses' dan surat itu disalinkan kepada beberapa pejabat, satu daripadanya BSN Cawangan Sabah. Kandungannya ialah berhubung dengan penyelewengan yang dikatakan dilakukan oleh seorang Matron.

Tindakan mengemukakan tomahan itu kepada BPA adalah wajar kerana kandungannya melibatkan penyelewengan yang mana adalah di bawah bidang kuasa Biro Pengaduan Awam dan tidak memerlukan tindakan BSN sebelum ianya disahkan sebagai kes rasuah.

RANCANGAN PERUMAHAN DI KAMPUNG SEMANGAT—KEGAGALAN

47. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu rancangan perumahan di Kampung Semangat, Bota Kiri, Parit telah menemui kegagalan melibatkan 101 pemohon untuk tanah seluas 200 ekar di bawah rancangan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan dalam lawatan beliau ke tempat itu pada 23-6-78 beliau telah berjanji untuk meluluskan pinjaman tersebut dan sehingga hari ini pinjaman yang tersebut masih belum

diluluskan dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Dato Dr Neo Yee Pan: Sebenarnya hanya 98 permohonan yang diterima oleh Kementerian saya pada penghujung tahun 1978. 76 permohonan ditolak terus kerana 13 darinya adalah dari kakitangan Kerajaan sementara 63 melebihi syarat umur pada masa itu yang ditetapkan tidak melebihi 45 tahun. Daripada 22 permohonan yang dipertimbangkan, 6 diluluskan, sementara yang lain tidak dapat mengemukakan cagar tanah atau tidak menjawab langsung surat-surat yang dihantar oleh Kementerian ini. Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan saya untuk mendapat senarai dan penerangan lanjut mengenai perkara ini.

KES PEMAJU PALSU

48. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyak kes pemaju palsu atau kes mangsa ejen perumahan palsu yang telah diterima untuk tahun 1980, 1981 dan sehingga akhir Januari, 1982.
- (b) berapa banyak pengaduan yang telah diterima oleh Kementerian untuk tahun 1980, 1981 dan sehingga akhir Januari, 1982. mengenai rumah-rumah yang rosak dan lambat disiapkan dan berapa banyak pengaduan tersebut yang telah diselesaikan; dan
- (c) Apakah usaha yang telah dibuat oleh Kementeriannya untuk menyelesaikan dua masalah di atas pada jangka panjang.

Dr Neo Yee Pan:

- (a) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, hanya tiga kes pemaju palsu telah dilaporkan dalam dua tahun yang lalu (1980-1981) dan usaha-usaha untuk membawa mereka ke mahkamah sedang diuruskan oleh pihak polis.

Di samping itu Kementerian saya sedang menyiasat 14 pemaju perumahan yang telah menjalankan urusniaga mereka tanpa lesen.

Bagaimanapun mereka ini tidak seharusnya dianggap sebagai "pemaju palsu" oleh sebab mereka ini didaftarkan di bawah Akta Syarikat dan mempunyai tanah untuk dimajukan. Mereka ini telah mengutip wang tempahan sebelum mendapat lesen pemaju atau permit iklan. Setakat ini tuduhan terhadap 7 syarikat telah disediakan dan 4 kes telah dihadapkan ke mahkamah. Bagi 1 kes, pemaju telah mengaku salah tetapi hukumnya telah ditangguhkan. Bagi 3 kes yang lain itu tarikh perbicaraan telah ditetapkan.

- (b) Kementerian saya menerima 611 aduan mengenai kecacatan dan kelewatan menyiapkan rumah dalam tahun 1980 dan 926 aduan dalam tahun 1981. 26 aduan diterima dalam bulan Januari tahun ini. Lebih kurang 50% daripada aduan-aduan tersebut telah dapat diselesaikan. Yang lain itu di dalam proses penyelesaian di peringkat terakhir.
- (c) Sama ada usaha-usaha untuk mencegah kegiatan-kegiatan pemaju palsu berjalan dengan berkesan atau tidak bergantung kepada kerjasama dari orang ramai. Dalam masa 5 tahun yang lalu Kementerian saya sentiasa mengingatkan bakal-bakal pembeli rumah supaya berwaspada dan mendapatkan maklumat-maklumat yang tertentu sebelum membuat apa-apa bayaran kepada pihak pemaju. Mereka telah digesa untuk membuat pertanyaan ke Kementerian saya ataupun pihak polis jika mereka mempunyai keraguan tentang sesuatu pemaju. Adalah sukar bagi pihak manapun untuk menjalankan langkah-langkah preventif bagi mencegah aktiviti-aktiviti jenayah jika mereka tidak mendapat kerjasama daripada orang ramai.

Bagaimanapun usaha-usaha pengawasan dan penguatkuasa di Kementerian saya akan disusun semula dan perbesarkan bagi tujuan tersebut. Kementerian saya sedang menimbangkan kemungkinan mewujudkan unit-unit penguatkuasa di peringkat negeri.

Dengan adanya banyak lagi anggota penguatkuasa maka adalah diharapkan akan dapat diwujudkan perhubungan yang lebih rapat dengan pembeli rumah. Di samping itu Kementerian saya akan mempergiatkan dan memperluaskan lagi usaha-usaha khidmat nasihat ke atas para pembeli dan usaha-usaha perantaraan dengan lain badan Kerajaan yang terlibat dalam industri perumahan seperti Pengusaha-pengusaha Tempatan, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Letrik Negara dan sebagainya. Kementerian saya juga bertujuan hendak menjalankan kawalan yang lebih rapi dan sistematik ke atas kemajuan-kemajuan perumahan yang diusahakan oleh pihak swasta.

BSN MEMPERKUATKAN JENTERA DI SABAH DAN SARAWAK

49. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan akan memperkuatkan lagi jentera BSN di Sabah dan Sarawak oleh kerana kejadian rasuah terlalu banyak di dalam kedua-dua Negeri ini.

Perdana Menteri: Usaha-usaha telah dan sedang dijalankan untuk memperkuatkan lagi jentera BSN keseluruhannya, termasuk juga jentera BSN di Negeri Sabah dan Sarawak. Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memperkuatkan lagi jentera BSN di Sabah dan Sarawak ialah:

- (a) Menghantarkan lebih ramai pegawai yang mempunyai kebolehan untuk menjalankan kerja-kerja penyiasatan.
- (b) Menghantar kumpulan pegawai-pegawai yang sesuai daripada Ibu Pejabat BSN untuk menyiasat beberapa kes-kes siasatan khas dari semasa ke semasa.
- (c) Meningkatkan pengisian jawatan-jawatan kosong yang ada.
- (d) Menambahkan kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan penyiasatan seperti peruntukan perjalanan, kenderaan dan ruangan pejabat yang lebih sempurna.

DASAR "LOOK EAST"

50. Tuan Wong Hoong Keat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jepun dan Korea minta membantu kita dalam dasar "Look East" dalam pembangunan ekonomi-sosial kita dan apa perbincangan-perbincangan yang telah dilangsungkan dengan negara-negara ini dan hasil diskusi-diskusi ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kerajaan Jepun dan Korea Selatan adalah menyambut baik dan telah mengumumkan bahawa negara masing-masing akan mengambil segala usaha untuk memenuhi hasrat dan cita-cita Kerajaan Malaysia mengenai dasar "Memandang Ke Timur" itu. Kerajaan Jepun telah memberi sokongan dan persetujuan untuk membuka peluang-peluang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi di negaranya, dan sebilangan syarikat-syarikat Jepun yang mempunyai cawangan-cawangan di Malaysia juga bersedia membantu pelatih-pelatih negara kita dalam memberi "latihan sambil kerja" di Jepun, bagi mencapai hasrat pembangunan sumber manusia. Seramai lebih kurang 140 orang pelajar kita sedang menjalankan kursus intensif Bahasa Jepun di Kuala Lumpur sebelum berlepas ke Jepun tidak lama lagi.

Republik Korea Selatan pula telah mengumumkan bahawa negara itu telah merancang beberapa projek bagi membantu melatih warganegara Malaysia dalam berbagai bidang kemahiran di samping memberi kerjasama dalam bidang "mass communication" dan forum-forum akan diadakan bagi meningkatkan hubungan Malaysia/Korea Selatan. Korea juga telah menawarkan tempat-tempat di institusi-institusi pengajian tinggi kepada pelajar-pelajar Malaysia. Beberapa buah syarikat Korea di Malaysia telah menyatakan kesediaan mereka untuk melatih pelatih-pelatih kita di dalam berbagai bidang kemahiran. Selaras dengan ini Bahasa Korea mungkin akan diperkenalkan di institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita bagi membuka jalan kepada pelajar-pelajar kita menuntut di Korea Selatan dan meningkat persefahaman di antara kedua-dua buah negara.

TV MALAYSIA—MENGHARAMKAN IKLAN MINUMAN KERAS

51. Tuan Lee Kaw minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengharamkan iklan-iklan arak dalam televisyen, jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan, jika tidak, mengapa.

Dato Mohamed bin Rahmat: Siaran iklan minuman keras melalui semua rangkaian Radio dan TV Malaysia telah diberhentikan sejak 15hb Mac, 1980.

ORANG-ORANG TAHANAN DIJADIKAN ANAK ANGKAT

52. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah sambutan semenjak beliau membuat tawaran kepada kumpulan-kumpulan dan orang-orang perseorangan di merata dunia yang bersimpati dengan orang-orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) supaya menganak angkat mereka ke negara masing-masing.

Dato Musa bin Hitam: Semenjak pengumuman dibuat, Kerajaan belum lagi menerima sebarang permohonan untuk mengambil orang-orang tahanan ini baik dari individu mahupun dari badan-badan antarabangsa.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku.

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak Syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Kelima.” (11hb Mac, 1982.)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditangguhkan pada petang semalam Ahli Yang Berhormat dari Tumpat sedang menyampaikan ucapannya dan sekarang saya jemput untuk menyambung.

4.05 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, di mana potongan gaji dibuat tetapi ia belum dapat dimasukkan ke dalam buku kira-kira simpanan. Mungkin kalau sistem komputer dijalankan sepenuhnya jentera pentadbiran ANGKASA akan dapat berjalan dengan lebih cekap dan pantas. Ada juga golongan yang suka memesongkan pandangan orang ramai konon katanya menanam modal melalui Amanah Saham Nasional ini adalah haram kerana ia memberi faedah seperti bank-bank. Walaupun Amanah Saham Nasional ini tidak menjadi satu kesalahan dari segi ugama kerana ia tidak menetapkan faedah sebelum ianya dapat keuntungan.

Apa yang saya difahamkan ASN melabur di dalam pelaburan yang halal. Jadi, keuntungannya pun halal juga dan saya harap pihak ASN menerangkan hal ini kepada orang ramai lebih lanjut lagi supaya mengelakkan kekeliruan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelas tadika, setakat ini pihak Kerajaan belum lagi menjalankan rancangan mengenai Tadika Kebangsaan. Walaupun kita tahu di negara ini tadika-tadika ada dijalankan oleh pihak-pihak yang tertentu, badan-badan swasta dan juga Kemas, namun begitu ianya berjalan menurut rentak dan kehendak badan-badan itu sahaja. Masing-masing dengan caranya dan menurut apa yang dirancangan oleh pihak itu sendiri. Walhal pada pendapat saya sudah sepatutnya Tadika Kebangsaan ini diadakan di bawah Kementerian Pelajaran seperti juga sekolah-sekolah yang ada di seluruh negara. Negara-negara yang maju seperti Amerika, Jepun, German dan lain-lain lagi tadika memainkan peranan yang penting di seluruh negara. Bak kata pepatah hendak melentur buluh biarlah dari rebongnya lagi. Kita ingin melihat generasi yang akan datang lebih berfungsi lagi tentang ilmu pengetahuan, kebolehan, akhlak dan moralnya. Kita mahu anak-anak kita ini menjadi generasi yang berguna, berdisiplin lagi bertanggungjawab. Bolehlah dikatakan anak-anak yang terasuh dari kecil ini akan terdidik dan terasuh seperti mana yang kita sendiri tentukan acuannya. Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda bermaksud "semua anak-anak yang dilahirkan itu di dalam keadaan suci bersih, ibu-bapa itu mencorakkan menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi."

Ahli-ahli pendidik telah juga membahagikan kanak-kanak kepada beberapa peringkat menurut umur kanak-kanak itu.

- (1) Kanak-kanak daripada ia dilahirkan hingga 5 tahun;
- (2) dari 5 tahun hingga 12 tahun;
- (3) dari 12 tahun hingga ke 20 tahun.

Kebanyakan kanak-kanak pada peringkat yang pertama iaitu dari lahir hingga 5 tahun adalah daripada jagaan ibu-bapa dan ada

juga yang telah dihantar ke taman didikan kanak-kanak, tadika.

Kanak-kanak pada umur itulah yang mustahak sekali diberi perhatian yang serius sekali kerana peringkat umur inilah yang sangat mudah diasuh dan mudah ia mengikut apa yang ditunjuk ajar kepada mereka. Sesungguhnya pada peringkat umur seperti itulah perlu diasuh dan dididik kerana mereka sepertilah tepung yang mudah diuli dan diadon menurut acuan yang kita mahu. Tidak ubah seperti memahat dibatu tidak akan mudah hilang berzaman. Oleh itu saya mengharap supaya Kerajaan mengadakan Tadika Kebangsaan di seluruh negara di mana-mana ada sekolah rendah di situ perlu diadakan Tadika. Pada pendapat saya ini adalah satu rancangan yang sangat-sangat diperlukan sekali bagi kemajuan negara dan masa depan bangsa dan negara kita. Kita mahu jenerasi yang akan datang benar-benar berkebolehan dan mempunyai peribadi mulia. Mana-mana bangsa yang maju di dunia ini memerlukan anak bangsa yang bukan sahaja pandai dan bijak malah memerlukan keperibadian yang mulia yang boleh diharap-harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan pihak Kerajaan menyegerakan penubuhan Tadika Kebangsaan ini kerana pada hemat saya sangat-sangat perlu bagi masa depan bangsa dan negara Malaysia yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai sumber hasil utama negara iaitu getah, minyak, bijih timah, kelapa sawit, kayu balak, lada hitam dan sebagainya hendaklah sentiasa diawasi betul-betul pemasarannya supaya janganlah ada berlaku penyeludupan sepertimana rampasan yang selalu dibuat oleh Kastam. Kawalan dan rondaan yang ketat hendaklah selalu dilipat gandakan, kerana ini melibatkan hasil negara dan kepada penyeludup-penyeludup ini, saya percaya mereka tentu ada mempunyai sendiket yang melakukan kerja-kerja penyeludupan ini. Dengan hal yang demikian denda yang seberat-beratnya hendaklah dikenakan dan lesen atau permit perniagaan mereka hendaklah dibatalkan selain daripada dikenakan denda yang berat. Kalau sekiranya

denda yang ringan dikenakan maka ada di antara sendiket-sendiket lain pula yang akan membuat kerja-kerja penyeludupan tersebut kerana mereka tahu lagi sekali mereka lepas membuat penyeludupan ia akan memperolehi keuntungan yang begitu besar dan dengan demikian ia akan berusaha mencuba lagi. Penyeludupan seumpama ini hendaklah dianggap sebagai kerja jenayah dan musuh negara dan tidak sepatutnya dimaafkan.

Negara-negara pembeli juga hendaklah jangan hanya tertumpu kepada negara-negara perindustrian dan membangun sahaja tetapi hendaklah juga mencari pasaran yang lebih luas kepada negara-negara yang sedang membangun. Negara-negara ini ialah negara-negara ketiga yang memerlukan bahan-bahan utama kita. Publisiti mengenai hasil utama kita hendaklah selalu disebarkan diseluruh dunia oleh Pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh buruh-buruh kontrak yang akan dibawa masuk ke negara kita. Langkah ini tentu bagus kerana buruh-buruh kita banyak yang berhijrah keluar negeri sama ada di Singapura ataupun di negara-negara Arab. Ini disebabkan bayaran gaji yang tinggi diberi kepada mereka, dan oleh kerana Malaysia tidak dapat membayar gaji yang begitu tinggi kepada mereka, sewajarnya mereka mengadu nasib di luar negeri. Dalam pada itu hendaklah kita berwaspada tentang pengambilan pekerja-pekerja kontrak ini dengan mengenakan syarat-syarat bahawa kontrak mereka ini tidak sepatutnya disambung bagi kali keduanya. Pekerja-pekerja baru hendaklah diambil untuk menggantikan mereka. Dengan cara yang demikian kita akan dapat mengelakkan mereka daripada menjadi penduduk tetap dan akhirnya mendapat kerakyatan kelak. Ini satu perkara yang paling mustahak. Pengalaman telah mengajar kita bagaimana buruh ested dibawa masuk oleh British untuk bekerja di negara kita. Akhirnya apa yang telah terjadi sekarang? Mereka bukan sahaja dapat hidup begitu mewah tetapi juga membawa anak cucu mereka ke sini dan akhirnya mendapat kerakyatan. Kerakyatan inilah yang mesti dipandang serius oleh pihak

Kerajaan. Cukuplah dengan pengajaran ini dan pengalaman ini; pengalaman kita yang lepas itu dan kalau ini berlaku juga, kita tidak boleh menyalahkan orang lain tetapi menyalahkan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memikirkan dari segi hasil negara tentang apakah yang boleh didapati oleh negara misalnya perkhidmatan telefon satu-satunya alat perhubungan yang mustahak kepada orang ramai di dalam zaman moden ini. Semua orang baik kecil ataupun besar, kaya atau miskin berkehendakkan perkhidmatan telefon oleh kerana itu sebagai alat komunikasi maka sudah sewajarnya pembekalan telefon ini diperbanyakkan di seluruh negara. Kita boleh mempelajari sistem yang dijalankan di Singapura, Hong Kong, New York melaksanakan sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Penghabisan sekali saya ingin menyentuh mengenai pengangkutan jalan.

Sejak akhir-akhir ini terlalu banyak perubahan yang dilakukan dan dikenakan syarat-syarat kepada pemandu-pemandu kenderaan yang baru hendak mendapat lesen dan terlalu banyak pula peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan sebelum seseorang itu boleh lulus mendapat lesen. Bayaran mengambil lesen 'L', bayaran temuduga dan bayaran ujian, kemudian barulah dikenakan bayaran memandu sekiranya lulus. Ini bermakna seseorang yang baru mendapat lesen itu kena menunggu 4 hingga 6 bulan.

Pada pendapat saya peraturan yang dikenakan ini terlalu banyak sehingga menyusahkan orang ramai, sedangkan tujuan kita tidak begitu. Saya percaya Jabatan Pengangkutan Jalan perlu mengkaji semula peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan baru-baru ini dan hendaklah dikaji semula

supaya ianya tidak menyusahkan orang ramai. Kalau sekiranya

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Maran.

4.16 ptg.

Dato' Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyatakan di antara lain bahawa Kerajaan akan mencari suatu penyelesaian secara komprehensif di atas masalah Kampuchea. Ini adalah suatu perkara yang amat menarik dan saya suka untuk melahirkan pendapat saya mengenai masalah Kampuchea ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan negara dan masalah keselamatan serantau ASEAN ialah suatu masalah yang mendapat tempat yang tinggi sekali di dalam senarai priority kita. Oleh yang demikian bukan sahaja masalah ini patut mendapat kajian yang teliti akan tetapi kajian dan cara pendekatan kita terhadap penyelesaian masalah ini hendaklah realistik dan berkesan dengan berpandukan kepada perkembangan semasa di Indo-China. Masalah ini adalah suatu masalah yang amat penting dari segi keselamatan ASEAN dan kegagalan kita untuk mengatasi masalah ini bermakna juga kegagalan ASEAN untuk mewujudkan ZOPFAN. Kegagalan ZOPFAN pula bererti bahawa kita dengan secara terpaksa dan tanpa kemahuan sendiri akan hampir setapak lagi kearah bahaya tumpahan peperangan di Indo-China itu.

Pendirian kita mengenai masalah Kampuchea setakat hari ini adalah terang dan nyata. Pertama kita mencadangkan supaya tiga kumpulan yang anti-Vietnam itu menubuhkan sebuah Kerajaan campuran dengan seberapa segeranya untuk menggantikan rejim Heng Samren. Kedua, kita juga memberi sepenuh sokongan terhadap pengisytiharan dan resolusi persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea yang telah diterima oleh Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu yang

bersidang pada kali 36nya yang mendesak supaya diberhentikan peperangan segera dan mendesak pengunduran tentera-tentera asing dari bumi Kampuchea di dalam sesingkat masa yang boleh. Menentukan bahawa kumpulan-kumpulan bersenjata di Kampuchea tidak mengagalkan pilihanraya bebas yang perlu diadakan dan seluruh rakyat Kampuchea hendaklah patuh kepada keputusan pilihanraya berkenaan.

Pendirian ASEAN ini adalah satu pendirian yang mempunyai nilai-nilai prinsip yang tinggi, dan ianya sejajar dengan kehendak politik antarabangsa. Dan apa yang lebih membanggakan dan yang amat menarik perhatian umum, ialah ASEAN telah berjaya mempercayakan masyarakat dunia, bahawa masalah Kampuchea ialah masalah antarabangsa, dan semua negara yang cintakan keamanan, hendaklah terlibat sama dengan usaha penyelesaiannya. Ini adalah suatu kejayaan besar ASEAN di bidang diplomasi antarabangsa.

Persoalan yang hendak saya kemukakan, ialah sama ada kita harus berpuas hati dengan kejayaan setakat itu sahaja, kalau boleh dipanggilkan kejayaan, dan sama ada dengan perkembangan di Kampuchea di hari ini, kita masih yakin dengan pendirian kita itu, sedangkan keadaan bertambah meruncing hari demi hari. Memandangkan perkembangan baru-baru ini, saya berpendapat kita masih jauh daripada penyelesaian, apatah lagi dengan kejayaan. Jika demikian apakah pilihan yang masih terbuka kepada kita, dan bagaimanakah sebaik-baik cara supaya kita masih juga dapat membendung masalah Kampuchea itu untuk mengelakkan pertumpahan peperangan ke negara-negara ASEAN.

Saya berpendapat, kita mesti mengkaji semula di atas cadangan serta pendirian kita itu dengan mensesuakannya dengan perkembangan semasa di Kampuchea. Kita mempunyai cukup sebab mengapa kita patut berbuat demikian. Permata cadangan Asean supaya ketiga-tiga pihak anti-Vietnam di Kampuchea menubuhkan Kerajaan "loose coalition" tidak memberi apa-apa kesan khususnya terhadap Khmer Rouge yang mempunyai pengikut yang terbanyak sekali.

Tak usahkan hendak menghormati cadangan Asean itu, bahkan pihak Khmer Rouge telah mencadang menubuhkan 'pakatan senjata' di antara mereka, dengan Komunis China, menjadi tuan rumah kepada persidangan itu di Peking. Ini bermakna, bahawa kepada Khmer Rouge, masalah mereka hanya akan diselesaikan dengan cara peperangan dan bukannya dengan cara diplomacy dengan menubuhkan Kerajaan campuran, seperti yang dicadangkan oleh Asean itu. Tetapi cara inipun tidak dapat kerjasama dari Barisan Pembebasan Kebangsaan Rakyat Kampuchea, di atas sebab bahawa Khmer Rouge telah meletakkan syarat-syaratnya yang tidak adil kepada Barisan Pembebasan Kebangsaan Rakyat Kampuchea itu. Walaupun Gerakan Mounalika yang dipimpin oleh Sihanouk menerima akan cadangan ini, akan tetapi penerimaan itu bukan kerana kebenaran dan kepercayaannya akan tetapi Sihanouk yang mempunyai hanya 3,000 orang pengikut terpaksa mengikut, kerana beliau membuat pendirian dari kedudukan yang sangat lemah, jika dibandingkan dengan Khieu Samphan yang memimpin Khmer Rouge yang mempunyai 35,000 pengikut dan Son Sann yang mempunyai 9,000 pengikut.

Kegagalan ini membuktikan juga kepada kita bahawa di antara mereka tidak ada titik-titik persefahaman dan dengan itu tidak akan wujud sebarang kerjasama walau dalam apa bentuk jua pun.

Kedua, jikapun wujud Kerajaan "loose coalition" di antara ketiga-tiga pihak itu apakah jenis Kerajaan campuran yang boleh kita harapkan. Apakah jaminannya bahawa Marxist Khmer Rouge tidak akan menindas pihak-pihak lain di dalam pembahagian kuasa. Kemungkinannya Kerajaan campuran yang dicadangkan itu hanya membuka peluang semata-mata kepada Khmer Rouge untuk berkuasa semula. Dengan latarbelakang genocide Khmer Rouge (yang dahulunya dipimpin oleh Pol Pot) yang begitu kejam dan dahsyat sekali, besar kemungkinan bahawa sejarah akan berulang kembali. Barangkali ini sudahpun disadari oleh Son Sann, dan itulah sebabnya Son Sann tidak berminat untuk bertemu dengan Khieu Samphan di dalam apa perbincangan

sekalipun. Dan lagi, jika Komunis China telah sanggup menjadi penaung kepada persidangan 'pakatan senjata' yang dimaksudkan itu, maka Vietnam sebagai proxy kepada Russia tentulah akan memperhebatkan serangannya terhadap gerila-gerila Khmer di sempadan Thailand (di musim panas ini) dan ini pula akan mempercepatkan pertumpahan peperangan ke negara Thailand yang amat kita takuti itu.

Ketiga, gara-gara Asean hendak menarik balik sokongan kepada 'tempat' Demokratik Kampuchea di Bangsa-bangsa Bersatu langsung tidak memberi apa-apa kesan terhadap Khmer Rouge. Ini merupakan suatu tamparan yang sangat hebat terhadap Asean, dan dengan itu kita patut lebih berhati-hati apabila membuat sesuatu cabaran kepada Komunis.

Saya sedar dan saya memahami, iaitu apabila kita membincangkan masalah Kampuchea di peringkat antarabangsa, perbincangan kita itu hendaklah bersendikan kepada prinsip-prinsip yang luhur yang boleh diterima oleh negara-negara lain. Ini adalah prinsip asas kita sebagai ahli Badan Dunia itu. Tetapi di samping itu kita hendaknya janganlah merasakan begitu terikat dengan pendirian itu hinggalah kita tidak boleh bergerak lebih dari garisan yang kita sendiri telah tentukan. Jika keadaan berubah dan jika perkembangan baharu berlaku, maka kita juga harus menyesuaikan tindakan kita dengan keadaan yang baharu itu.

Saya berpendapat, perkembangan baharu telah berlaku di Kampuchea, sejak cadangan Asean supaya ditubuhkan Kerajaan campuran itu dibuat. Dan saya juga berpendapat bahawa dengan sikap ketiga-tiga kumpulan seperti demikian, maka usul atau cadangan Asean itu tidak lagi valid atau sesuai. Oleh itu kita patut mengubah sikap.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyesuaikan tindakan kita dengan perubahan semasa di Kampuchea, ada baiknya jika Asean menerima sahaja apa yang berlaku di Kampuchea itu sebagai *fait accompli*, dan seterusnya Asean mengiktiraf regim Heng Samrin tanpa apa-apa syarat.

Bagi Asean mempertahankan hak asasi ketiga-tiga kumpulan itu adalah sia-sia dan hanya akan meruncingkan keadaan. Kerana di antara tiga pihak itu tidak akan wujud sebarang kerjasama, walau dalam apa bentuk jua pun. Kita harus menerima sahaja Kerajaan Kampuchea yang ada sebagai Kerajaan *de facto* dan perbalahan di antara mereka itu adalah masalah di dalam negeri Kampuchea yang kita tidak harus campurtangan.

Di dalam keadaan yang meruncing dan cemas di hari ini, apa yang kita perlukan amat sangat serta segera ialah persefahaman di antara Kerajaan Kampuchea dengan negara-negara Asean. Kita mahukan suatu pengakuan yang tegas dari Kerajaan Kampuchea bahawa ia akan menghormati kemerdekaan dan kedaulatan serta hak-hak sempadan negara-negara Asean. Tetapi di dalam keadaan hari ini, ini adalah perkara mustahil kerana kita telah mengambil pendirian seratus-peratus anti-Vietnam dan seterusnya anti regim di Kampuchea. Dan apabila kita seratus-peratus anti-Vietnam maka Russia pula akan menganggap Asean anti-Russia tetapi pro-Cina. Apatah lagi bila sudah ada bukti bahawa Thailand bersama Komunis China telah memberikan perlindungan kepada pasukan pemberontak Khmer di sempadan Thailand. Di samping itu Russia juga tentu menyedari bahawa jika wujudnya Kerajaan campuran yang kita cadangkan itu, maka ini bermakna kemenangan bagi Komunis China, dengan sebab-sebab yang kita dan seluruh dunia telah memahaminya. Russia tidak akan membiarkan keadaan ini berlaku, tetapi akan terus mengambil tindakan menerusi Vietnam untuk memperhebatkan serangan di musim panas ini, terhadap gerila-gerila di sempadan Thailand dan ini akan melibatkan Thailand di dalam suatu peperangan yang dipaksakan ke atasnya. Di dalam lain-lain perkataan, Asean telah terlibat dengan peperangan, dan inilah suatu keadaan yang amat ditunggu-tunggu oleh Komunis China. Saya percaya Thailand amat menyedari akan keadaan ini, dan itulah sebabnya beberapa minggu yang lepas Ketua Turus Tentera Thailand telah membuat suatu kenyataan mengenai penghebatan penglibatan China di dalam memberikan

bantuan senjata kepada gerila-gerila di sempadan Thailand itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha Asean mewujudkan ZOPFAN, Asean patutlah mengkaji segala kesempatan yang ada padanya untuk tujuan ini. Di dalam konteks ini, saya rasa adalah wajar jika Asean membuat penilaian yang sewajarnya terhadap tawaran Menteri Luar Kampuchea untuk mengundurkan tentera asing dari Kampuchea, dan mewujudkan kawasan 'demilitarised zone' di sepanjang sempadan bersama Thailand-Kampuchea, jika sekiranya Thailand bersedia untuk memberhentikan kerjasama dengan Komunis China di dalam memberikan sokongan dan perlindungan kepada tentera pemberontak Khmer di sempadan Thailand. Bukan setakat itu sahaja tawaran dari Kampuchea, bahkan Kampuchea bersedia pula untuk membincangkan perkara-perkara lain kepentingan bersama dengan Thailand, bagi mewujudkan keamanan di rantau ini. Jika tawaran ini tulin maka Asean sepatutnyalah memberi reaksi yang baik kepada *detente* ini.

Saya juga berpendapat, jika kita mengiktiraf regim Heng Samrin, kita akan melangkah selangkah ke hadapan; tetapi jika kita berusaha juga ke arah penubuhan Kerajaan campuran di Kampuchea kita akan melangkah selangkah ke belakang.

Saya percaya Vietnam dan Kampuchea juga telah berasa letih dengan peperangan. Mereka juga berkehendakkan keamanan dan peluang untuk membangunkan ekonomi masing-masing. Asean haruslah pandai mengeksploit peluang ini dan menggunakan peluang ini dengan sepenuh-penuhnya. Jika pun ASEAN telah membuat sesuatu pendirian dan kemudiannya berasa aib untuk berpatah semula, AIPO boleh membantu membuka jalan kerana AIPO adalah pertubuhan di antara Parlimen ASEAN dan bukannya pertubuhan di antara Kerajaan. Tetapi apa yang penting, *modus vivendi* hendaklah terlebih dahulu diwujudkan di antara ASEAN dengan Indo-China.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyeru Kerajaan mengkaji semula sikap dan tindakannya di

atas penyelesaian masalah Kampuchea itu dan akhirnya saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan dan sebelum memulakan saya dapati ada 16 Ahli Yang Berhormat yang masih hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Dengan sebab itu mula dari sekarang saya hadkan masa kepada tiap-tiap seorang tak lebih daripada 15 minit. Sila!

4.31 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk bersama rakan-rakan saya menyokong sepenuhnya usul ucapan terima kasih ke atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini pada 8hb Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Persekutuan Malaysia telah kita tubuhkan dengan satu matlamat sahaja, iaitu menggembeling semua tenaga dan pemikiran rakyat Malaysia yang sejati untuk mewujudkan dan mengekalkan satu bangsa dan negara Malaysia yang kuat, makmur, bersatu padu untuk selamanya. Tetapi jika keselamatan negara ini sentiasa terancam maka tergugatlah matlamat kita seperti yang telah saya sebutkan awal tadi. Oleh itu saya mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua lapisan anggota Pasukan Keselamatan negara kita yang telah menunaikan tugas mereka dengan penuh kesetiaan, kejujuran, dedikasi dan keberanian yang sungguh sempurna. Saya bagi pihak semua rakyat Malaysia di negeri Sabah lebih-lebih lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan Timbalannya, Yang Amat Berhormat Dato' Musa dan semua anggota Kerajaan Persekutuan kerana telah menunaikan permintaan-permintaan kami supaya menambahkan lagi bilangan kelengkapan-kelengkapan serta anggota-anggota Pasukan Keselamatan di negeri

Sabah sehingga menjadikan negeri Sabah kini adalah terletak dalam kedudukan ketiga paling rendah dalam perhitungan kadar jenayah. Dalam keadaan yang demikianlah maka Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah pada masa ini telah dapat mengatur dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ekonomi dan rakyat Malaysia di sana dengan sempurna dan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin bahawa semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini khasnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya tentulah masih ingat lagi bahawa dalam tahun 1962 iaitu ketika semua penduduk negeri Sabah sedang berjuang menuntut kemerdekaan melalui pembentukan Persekutuan Malaysia, regim bekas Presiden Macapagal telah pula meluluskan di Kongres Republik Filipina satu undang-undang yang menjadikan negeri Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah Republik Filipina. Berikutan dengan kelulusan undang-undang ini di Kongres Republik Filipina maka bekas Presiden Macapagal pun telah melancarkan kempen-kempennya menentang pembentukan Persekutuan Malaysia dengan menggunakan isu tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah itu sebagai asasnya menentang pembentukan Persekutuan Malaysia. Kempen-kempen tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah ini telah kami tentang dengan sekeras-kerasnya menurut keupayaan kami pada masa itu melalui dua cara, iaitu pertama kami memperkuatkan lagi azam kami untuk mendapatkan kemerdekaan kami melalui penyertaan kami dalam Persekutuan Malaysia untuk selama-lamanya dan kedua, kami mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan secara aman di seluruh negeri Sabah sehinggakan saya sendiri turut serta dalam satu tunjuk perasaan secara besar-besaran di Bandar Sandakan ketika saya masih lagi bersekolah dan duduk dalam Tingkatan I pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1977 pula iaitu dalam Sidang Kemuncak Ketua Negara-negara ASEAN di Kuala Lumpur, Presiden Marcos telah mengumumkan bahawa beliau akan mengambil langkah-langkah positif untuk menggugurkan

tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah itu untuk kepentingan hubungan dan persefahaman yang baik di kalangan negara-negara anggota ASEAN, terutamanya di antara Kuala Lumpur dan Manila. Tetapi malangnya hingga hari ini Kerajaan Filipina masih lagi belum menggugurkan apa yang dikatakan tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah itu.

Kami di negeri Sabah memang mengetahui bahawa Kerajaan Persekutuan telah pun sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyelesaikan perkara ini walaupun kita semua tidak mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah itu. Kami juga sedar bahawa mungkin ada golongan yang berpendapat bahawa dengan berbangkitnya perkara tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah di Dewan yang mulia ini maka ianya mungkin mengugat hubungan dan persefahaman yang baik di dalam negara-negara anggota ASEAN tetapi kami rakyat Malaysia di Sabah pula berpendapat bahawa dengan selesainya masalah apa yang dikatakan tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah itu maka sudah pastilah penyelesaian itu nanti akan lebih memperkukuhkan lagi hubungan baik dan mesra di kalangan negara-negara anggota ASEAN terutamanya di antara Kuala Lumpur dan Manila.

Oleh itu sesuai dengan titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di muka surat 7, perenggan 2 yang berbunyi:

“Dasar luar negara merupakan benteng pertahanan harapan negara. Kerajaan Beta akan terus mempertingkatkan prestasi hubungan luar dengan memberi perhatian utama kepada peranan Malaysia untuk mewujudkan keamanan, keselamatan dan kerjasama serantau di Asia Tenggara dan juga kepada usaha-usaha untuk mewujudkan keamanan dan kesefahaman antarabangsa.”

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak semua rakyat Malaysia di Sabah dengan perasaan yang penuh tulus ikhlas, kesetiaan dan rasa tanggungjawab sukalah merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya memperhebatkan lagi usaha-usaha

diplomatiiknya untuk mengadakan perundingan-perundingan dengan Kerajaan Filipina sehinggalah Kerajaan Filipina menggugurkan buat selama-lamanya tuntutannya ke atas negeri Sabah itu.

Tuan Yang di-Pertua, daripada kenyataan dan penjelasan-penjelasan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada petang 9hb Mac yang lalu jelaslah kepada kita semua lapisan rakyat Malaysia bahawa kurikulum 3M ini tidak sama sekali bertujuan hendak menukar ciri-ciri atau character, corak dan keperibadian sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, malahan kedua-dua jenis sekolah tadi akan terus kekal menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan begitu jugalah keadaannya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil bahkan ditambah pula masa untuk mempelajari kedua-dua bahasa itu. Selain daripada itu kurikulum 3M ini juga akan menanamkan semangat dan amalan berdisiplin di kalangan kanak-kanak bangsa Malaysia. Dengan adanya pengajaran-pengajaran matapelajaran Ugama Islam bagi murid-murid yang beragama Islam dan matapelajaran Pendidikan Moral bagi murid-murid yang bukan beragama Islam, kurikulum 3M ini juga tidak bercanggah dengan perlembagaan dan Dasar Pelajaran Kebangsaan Malaysia, lagipun laporan-laporan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran jelas menunjukkan bahawa kurikulum 3M ini mendapat sambutan hangat daripada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil di mana kurikulum ini digunakan sebagai percubaan.

Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya supaya Kerajaan terus melaksanakan kurikulum 3M ini seperti yang telah dijadualkan tanpa tolak ansur. Saya juga ingin mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil tindakan tegas kepada sesiapa juga yang menggunakan perkara kurikulum 3M ini sebagai bahan politik mereka dengan tujuan hendak memecahbelahkan perpaduan berbagai kaum di Malaysia yang telah sedia wujud pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tentulah menyedari bahawa pegawai-pegawai

Kerajaan adalah pelaksana dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan. Oleh itu mereka ini perlulah mendapat layanan yang sewajarnya dan sama rata daripada pihak Kerajaan. Di negeri Sabah ramai daripada rakyat Malaysia di sana yang berkhidmat dalam Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan di negeri itu. Tetapi satu keadaan yang agak kecil tetapi kurang manis telah berlaku dalam mana hanya pegawai-pegawai daripada Semenanjung Malaysia sahaja yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sabah yang diberikan bayaran bantuan subsidi sewa rumah tetapi pegawai-pegawai daripada negeri Sabah yang berkhidmat dengan Jabatan-jabatan Persekutuan di sana tidak mendapat bayaran bantuan subsidi sewa rumah itu. Oleh itu, sukalah saya menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya menghapuskan perbezaan ini kerana pegawai-pegawai dari negeri Sabah yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Persekutuan negeri itu adalah juga menghadapi masalah yang serupa dengan rakan-rakan sejawat mereka dari Semenanjung Malaysia apabila pegawai-pegawai Persekutuan dari negeri Sabah itu juga ditukarkan bertugas di merata tempat di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah telah mengemukakan kepada Kerajaan Persekutuan senarai projek-projek utama (priority projects) seperti pembinaan dan pembaikan jalan-jalanraya, bangunan-bangunan hospital dan bangunan-bangunan sekolah di seluruh negeri Sabah untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Malangnya kadar peruntukan untuk pelaksanaan projek-projek itu adalah kurang daripada yang diharapkan. Oleh itu, saya merayu supaya peruntukan untuk priority projects ini akan dapat ditambah dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padawan.

4.42 ptg.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan)
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

menyokong Usul ini. Kami semua sama-sama berharap dan berhasrat supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang bersatupadu dan kuat. Kami yakin bahawa matlamat ini akan dicapai memandangkan kami sekarang mempunyai pemimpin-pemimpin yang dinamik dan berpengetahuan luas yang memegang kuasa Kerajaan. Pemimpin-pemimpin yang sadar kepada sensitivity perasaan perkauman dan adil kepada semua, pemimpin yang sedia untuk menyelaraskan dan sanggup untuk bertolak ansur tanpa menyimpang daripada dasar Kerajaan yang telah ditetapkan.

Tuan Speaker, ramai orang keliru dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan cara yang dilaksanakannya. Sebagaimana yang saya perhatikan dasar-dasar Kerajaan yang ditetapkan di antara lain ialah:

- (a) Membasmi kemiskinan di antara semua kaum,
- (b) Menetapkan peraturan ekonomi baru supaya kekayaan negara boleh dibahagikan dengan lebih saksama lagi, dan
- (c) Untuk mewujudkan suatu masyarakat yang adil di mana kedaulatan undang-undang diutamakan.

Dalam hubungan ini ada di bidang keadaan di mana salah anggapan dan langkah-langkah yang diambil oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang merupakan diskriminasi kepada beberapa golongan rakyat. Tambahan ini lagi perubahan dari corak ekonomi menurut Dasar Ekonomi Baru sepatutnya dilakukan beransur-ansur apabila diuruskan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang dilapor enthusiastic telah terjadi dengan tiba-tiba yang menyebabkan banyak kesukaran. Semuanya ini telah dijadikan senjata pihak Pembangkang untuk menentang Kerajaan. Pembangkang telah memutarbelitkan kegagalan pentadbiran ini seperti dasar-dasar Kerajaan dan menyusahkan rakyat. Ini terpulanglah kepada kami untuk menerangkan dan menjelaskan serta memberikan gambaran Kerajaan yang sebenarnya.

Sementara itu kami mengharapkan mereka yang berkuasa tidak akan menyalahgunakan

kuasa yang diberi kepada mereka dan akan melaksanakan tugas masing-masing dengan rajin dan jujur.

Tuan Speaker, semua usaha manusia tiada yang sempurna. Banyak keputusan-keputusan Kerajaan menjadi kritikal dan ada yang boleh lagi di perbaiki. Berasaskan andaian ini, saya suka membawa beberapa perkara untuk perhatian pihak berkuasa.

Pertama sekali soal meletakkan minyak tar di jalanraya utama walaupun dipersetujui bahawa kita mesti membina jalanraya utama dan diletakkan minyak tar, saya rasa jika kewangan terhad, kerja mengetar jalan berkenaan mungkin ditangguhkan supaya kewangan yang terhad itu digunakan untuk meletakkan tar di jalan kecil kerana ia akan banyak mendatangkan faedah ekonomi dan untuk kegunaan orang ramai.

Sebagai contoh jalan kecil di dalam Bahagian Pertama Sarawak seperti Jalan Penrisen yang mana umurnya telah lebih seratus tahun. Jalan Padawan dan Jalan Tebedu dibina lebih daripada lima puluh tahun yang lalu adalah masih jalan batu kerikil. Ia digunakan untuk lebih daripada 30,000 rakyat. Namun demikian, kita sekarang mempunyai lebuhraya yang cantik dibina dalam Bahagian Pertama yang mana traffic adalah tidak begitu banyak dan tidak langsung digunakan oleh orang ramai sepanjang jalan dan memberikan gambaran yang kurang menyenangkan terutama mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang mempunyai jalan-jalan lama. Saya fikir sistem keutamaan (priority) memerlukan perhatian yang berat dan perlu diberikan kajian semula.

Tuan Speaker, dalam hubungan ini saya ingin juga bertanya mengapa kewangan bagi pemeliharaan jalan (road rehabilitation fund) dibayar kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan tidak dibayar kepada Sarawak.

Tuan Speaker, satu lagi ialah mengenai penyelidikan (research). Sains telah begitu maju di mana berbagai jenis buah-buahan yang enak dan jenis sayur-sayuran istimewa boleh ditanam dan dipasarkan. Taiwan sekarang memelihara ikan yang asal kepada Sungai Nile di Mesir dan telah mencapai

kejayaan yang besar di dalam penyelidikan pertanian. Kita mengimport buah-buahan berharga berjuta-juta ringgit setiap tahun. Saya yakin kita boleh menghasilkan jenis buah-buahan yang serupa. Universiti-universiti kita hendaklah bertukar program dengan institusi penyelidikan seberang laut atau kita mulakan program sendiri.

Tuan Speaker, akhir sekali saya ingin membangkitkan soal kehilangan cerdik pandai (brain drain). Dalam beberapa tahun yang lepas ramai professional dan pakar telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan ataupun meninggalkan negeri. Tidak semua disebabkan oleh keuntungan kewangan. Setengahnya merasa keciwa kerana rakan-rakan yang lebih rendah pangkat daripada mereka telah dinaikkan pangkat tanpa justifikasi atau perlantikan mereka selepas beberapa tahun tidak disahkan ataupun kerana perkhidmatan mereka di luar negeri tidak diambil kira. Perkhidmatan Perubatan kita dan juga Jabatan Kerjaya telah mengalami kerugian. Saya fikir satu kajian yang mendalam dan teliti perlu diambil ke atas sistem dan Sekim Pekhidmatan dan satu keputusan yang berani dan teguh dibuat.

Tuan Speaker, setelah membuat teguran-teguran saya ini, saya mesti menyatakan bahawa dalam perbandingan dengan beberapa buah negeri sama ada dekat atau jauh terutama sekali negara-negara yang sedang mengalami kekacauan dalam penyakit merebak dan kebuluran. Negeri kita Malaysia dengan kestabilan politik dan ekonomi serta kemajuan yang tenang dan rata masih muncul dalam negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datoh.

4.54 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad (Bagan Datoh): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini turut menyokong ucapan tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas titah Baginda yang telah disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini.

Saya akan menyentuh beberapa perkara sahaja. Apa yang paling menarik perhatian saya di dalam ucapan Seri Paduka Baginda itu

ialah seruan Baginda supaya kita bersama-sama mengukuhkan perpaduan. Perpaduan adalah penting bukan sahaja di antara umat Islam sesama umat Islam tetapi di antara umat Islam dengan umat yang beragama lain, umat Masihi misalnya tetapi juga perpaduan nasional adalah suatu yang sangat-sangat penting dan modal yang paling besar sekali untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang kukuh, sebuah negara yang maju dan sebuah negara yang terjamin keamanannya pada masa hadapan.

Kita telah menyaksikan banyak negara-negara yang maju dalam ilmu sains dan teknik dan sebagainya tetapi telah menjadikan hancur lebur oleh kerana mereka kehilangan perpaduan ini kadang-kadang semata-mata oleh kerana "keceluparan", celuparnya mulut beberapa orang tukang-tukang lawak politik di dalam negara-negara tersebut. Oleh sebab itu seruan supaya rakyat Negeri ini mengukuhkan perpaduan nasional hendaklah diperhatikan oleh tiap-tiap seorang rakyat, oleh tiap-tiap seorang pemimpin sama ada ia pemimpin parti politik ataupun pemimpin-pemimpin masyarakat yang tidak menganggotai mana-mana parti politik. Oleh sebab ini adalah sesuatu yang penting.

Yang kedua, saya juga tertarik hati dengan keterangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu akan ditubuhkan sebuah Universiti Islam Antarabangsa dengan bantuan negara-negara Islam dan akan ditubuhkan di Malaysia ini. Saya berharap bahawa universiti ini akan menjadi sebuah universiti yang akan mencerminkan keagungan Islam, oleh sebab sejarah ilmu pengetahuan di dalam Islam telah ternyata bahawa ilmu pengetahuan seperti kedokteran dengan pemimpin ilmu ketabiban seperti Ibnu Sina. Ilmu rekabentuk Islam yang telah meninggalkan kesan seperti Istana Al-hamra di Spain, masjid Cordoba di Granada, Spain, iaitu rekabentuk yang belum dapat ditandingi oleh sesiapa pun sehingga pada masa ini sejak lebih daripada 800 tahun dahulu. Ini semua akan dapat dibuktikan di dalam Universiti Islam Antarabangsa ini. Ini bererti bahawa Universiti Islam Antarabangsa ini tidaklah ia semata-mata akan mengajar ilmu falsafah dan teknologi dan ia juga hendaklah dibuka

kepada mereka yang bukan Islam juga untuk mempelajari Islam.

Selain daripada itu juga Universiti Islam Antarabangsa ini juga hendaklah mengadakan kursus-kursus dalam masa cuti untuk mereka yang akan menjadi pemimpin sama ada pemimpin masyarakat, pemimpin belia ataupun pemimpin Islam, bagi mereka yang ingin menjadi pemimpin Islam. Oleh sebab sekarang ini ada banyak mereka yang mendakwa bahawa mereka pemimpin Islam tetapi mereka jahil tentang Islam, mereka tidak tahu hatta tafsir suratul Fatimah misalnya. Jadi ini harus dapat dibetulkan oleh Universiti Islam Antarabangsa ini pada masa hadapan.

Soal yang ketiga ialah ura-ura penubuhan Bank Islam. Saya mendapat faham bahawa usaha-usaha yang intensif sedang dijalankan untuk melaksanakan Bank Islam. Apa yang saya serukan ini bahawa Bank Islam sesuatu yang sudah diterima di berbagai negara Islam dan telah membuktikan kejayaannya, tidak ada sesiapa yang harus ragu-ragu di atas kejayaan Bank Islam ini. Bank Islam boleh menolong pembangunan kemajuan ekonomi negara ini. Adalah ganjil kalau sekiranya orang-orang Islam sendiri, intelektual Islam sendiri, pemimpin-pemimpin Islam sendiri ataupun Menteri-menteri Islam sendiri yang merasa ragu-ragu atau tidak menaruh keyakinan kepada kejayaan Bank Islam ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan saya tak tahu siapa yang berkenaan yang telah bekerjasama sekarang ini menyediakan rangka-rangka Bank Islam ini dan saya harap bahawa Rang Undang-undang ini akan dapat dibacakan bagi kali yang pertamanya dalam masa yang cepat di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu yang saya ingin sentuh ialah di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini telah menyebutkan betapa perlunya umat Islam meninggikan ilmu pengetahuan, betapa perlunya umat Islam mengukuhkan perpaduan dan memperbaiki akhlak. Dalam konteks ini, saya rasa pemimpin-pemimpin kecil Islam iaitu imam-imam masjid dan imam-imam madrasah, imam-imam surau

boleh diminta kerjasama mereka dan sebelum kerjasama mereka ini diminta mereka hendaklah diberi bekalan yang cukup, diberi pengetahuan yang cukup untuk menjadikan mereka benar-benar boleh menjadi pemimpin kecil yang berkesan di dalam masyarakat karyah mereka, di dalam karyah lingkungan kampung mereka.

Ada negara-negara Islam, Tuan Yang di-Pertua, yang memberikan layanan dan juga memberikan bekalan bahan kepada imam-imam ini umpamanya mereka berikan bekalan kitab-kitab yang berupa tafsir, hadis, kitab agama yang lain kepada mereka ini supaya mereka menambah ilmu pengetahuan mereka supaya mereka tidak salah fatwa, salah tafsiran dan sebagainya. Saya rasa Indonesia ada banyak menerbitkan kitab-kitab agama Islam, mungkin Jabatan Perdana menteri atau Pusat Islam boleh membeli seberapa banyak kitab-kitab ini dan dibekalkan kepada imam-imam dalam masjid dan madrasah ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sebagai wakil dari satu-satu kawasan yang banyak mempunyai pekebun kelapa sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang kelmarin saya menyatakan bahawa harga kelapa sangat murah, sedangkan pekebun-pekebun kecil kelapa ada lebih dari ½ juta orang di Malaysia Barat ini sahaja dan pekebun-pekebun kecil kelapa lebih daripada 500 ribu ekar di Malaysia Barat sahaja dan ½ juta pekebun-pekebun kecil kelapa ini menanggung lebih daripada 1½ juta keluarga, nasib mereka sangat menderita pada masa ini sebagaimana telah diterangkan kelmarin. Jawapan-jawapan mengenai minyak kelapa dan kolesterol, FAMA menyatakan akan mengambil tindakan, tetapi sudah jemu didengar oleh rakyat. Mereka ingin satu-satu tindakan yang berkesan dan cepat dilakukan oleh Kementerian Pertanian juga oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga Kementerian-kementerian lain yang bersangkutan dan ini akan menjadikan bukan

sahaja mereka itu hidup selesa tetapi mereka boleh menolong mengukuhkan pekerjaan ini di masa depan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban.

5.04 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik daripada Titah Ucapan Diraja kata-kata yang berikut:

“Hasrat dan harapan yang hendak kita capai melalui pelaksanaan dasar, program dan projek yang Beta nyatakan itu hanya dapat dipenuhi dalam keadaan negara yang bersatu padu, aman dan stabil.”

Tuan Yang di-Pertua, DAP bersetuju dengan sentimen yang telah diutarakan oleh Baginda. Walau bagaimanapun perpaduan negara masih menjadi satu khayalan sahaja dan ia merupakan begitu kerana parti pemerintah mempunyai satu ‘blind spot’ dengan izin. Nampaknya ia tidak memahami bahawa dalam satu masyarakat berbilang bangsa toleransi, persefahaman dan keadilan hendaklah ditunjukkan kepada semua komponen bangsa dalam negara ini masih terdapat fikiran bahawa perpaduan boleh dicapai melalui dasar satu bahasa, satu bangsa dan satu agama. Dalam ertikata lain perpaduan hanya boleh dicapai melalui asimilasi pertentangan dan konsep DAP, bahawa perpaduan hanya boleh dicapai melalui integrasi di mana semua bangsa boleh menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara menurut style masing-masing. Barisan Nasional kita diperkayakan dengan budaya, bahasa dan agama yang berbeza-beza dan kesemuanya ini telah wujud semasa selama beberapa abad dengan satu sikap yang mudah, tetapi berkesan iaitu sikap, dengan izin, “give and take”.

Pengwujudan saling yang aman boleh dihancurkan jika penghormatan dan toleransi bagi nilai satu-satu bangsa tidak ditunjuk.

Pengenalan sistem pelajaran 3M adalah satu perkara yang penting. Idea untuk mengajar kanak-kanak kita membaca, menulis dan mengira diterima oleh semua

lapisan masyarakat dan apakah lagi sistem sekarang pun mempunyai motif dan matlamat yang sama.

Apa yang memeranjatkan dari sudut pandangan pada pendidik Cina dan Tamil ialah isi kandungan kurikulum. 62 buah sekolah rendah Cina telah dipilih untuk percubaan 3M. Apa yang telah dinyatakan dalam kurikulum 3M dan bahan-bahan mengajar menunjukkan bahawa sistem 3M akan menukar character atau ciri sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil.

Sistem 3M jelas sekali didapati bertentangan dengan Fasal 152 dalam Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi bahawa sementara Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi, bahasa-bahasa ibunda dibenarkan untuk dibelajar dan diguna dengan bebas. Dalam erti kata lain, rakyat Malaysia bukan Melayu boleh belajar dan menggunakan kebudayaan dan bahasa mereka seperti dijamin dalam Perlembagaan. Sistem 3M menukar ciri sekolah-sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda akan merampas hak-hak ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan kebimbangan ibubapa atas sistem 3M dan masa depan anak-anak mereka menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk memulaukan kelas Darjah Satu di Sekolah Yuk Hua, Kajang dan Sekolah Cina di Kampung Baru Semenyih dalam bulan Januari.

Seperti juga ibubapa di mana-mana dalam dunia ini ibubapa-ibubapa Cina mahukan satu pelajaran yang baik untuk anak-anak mereka kerana mereka tahu bahawa pelajaranlah menjadi kunci kejayaan dan mereka mahu pelajaran bahasa ibunda juga.

Kehendak asas manusia ini tercatat dengan jelas dalam, dengan izin "United Nations Charter of Rights" yang mengisytiharkan bahawa ibubapa berhak untuk memilih jenis pelajaran untuk anak-anak mereka.

Ibubapa-ibubapa di Kajang dan Semenyih adalah orang berfikiran waras seperti ibubapa-ibubapa di bandar-bandar besar dan oleh kerana mereka ini orang-orang yang jujur dan yang terus terang, maka mereka

mengambil keputusan untuk menunjuk protes mereka dengan memulaukan kelas-kelas.

Mereka nampak sistem 3M sebagai satu ancaman kepada pelajaran ibunda. Mereka nampak sistem 3M sebagai satu cara untuk menafikan mereka nilai-nilai kebudayaan dan bahasa mereka. Mereka nampak tidak sebarang reaksi positif daripada Menteri Pelajaran, walaupun ada penentangan daripada para pendidik Cina, gabungan-gabungan dan DAP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah salah tafsir pemulauan itu sebagai kerja-kerja subversif dan penghasut dalam usahanya untuk cuba melindungi kesalahan Kementerian Pelajaran. Ini akan membawa lebih banyak 'discontent' di kalangan masyarakat. Kegagalan atau keengganan untuk memahami sebab-sebab pemulauan itu tidak akan selesai isu 3M, malah luka itu akan merosot.

Dalam bentuk yang sedia ada 3M adalah satu penghasilan yang 'defective' yang dipasarkan oleh seorang pengeluar (manufacturer). Apabila berhadapan dengan tentangan dan protes pengguna, biasanya ditarik balik dan terus tidak akan dipasarkan semula sehingga 'defect' itu diperbaiki. Syarikat-syarikat besar seperti General Motors di Amerika Syarikat dan Toyota di Jepun pernah menarik balik kereta-kereta mereka yang didapati 'defective'. Seperti itu sistem 3M bagi sekolah-sekolah rendah bahasa ibunda telah berhadapan dengan tentangan daripada ibubapa dan ia sepatutnya hendaklah digantung dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, pada Selasa lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa sekolah-sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar akan terus wujud dengan pelaksanaan sistem 3M dan juga bahawa pengantar bagi sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil iaitu Bahasa Cina dan Tamil masing-masing akan kekal. Jaminan ini memang dialu-alukan tetapi

jaminan yang diberikan itu tidak sebenarnya menjawab keraguan bahawa 3M akan mengubah character atau ciri sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berkata bahawa "sebenarnya saya kurang faham apakah yang dimaksudkan dengan istilah ciri, character, corak dan keperibadian".

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memangnya tahu dan malahan telah menjelaskan dalam buku 'The Malay Dilemma' muka surat 143 bahawa:

(Dengan izin) "Language is not the only important aspect of a national education policy. The whole curriculum is important. The teaching of history, geography and literature are designed to propagate one idea; that the country belongs to the definitive people This identification is all pervading and leaves no room for identification with other countries and cultures. To be identified with the definitive people is to accept their history, geography, literature, language and culture and to reject anything else."

Dalam bahasa yang mudah, ini bererti tidak ada tempat untuk bahasa ibunda dan kebudayaan orang-orang bukan Melayu. Ini boleh dibuktikan apabila kita meneliti kurikulum 3M.

Pertama, bahan-bahan pengajaran termasuk buku-buku panduan dan panduan khas serta buku sumber hanya merupakan semata-mata terjemahan dari Bahasa Malaysia dan bukan ditulis dan dihasilkan pada asalnya dalam bahasa Cina dan Tamil.

Kedua, muzik—18 lagu-lagu Melayu. 18 lagu-lagu Melayu dengan lirik Cina dan 10 lagu Cina diajar sedangkan apa yang dikehendaki untuk memelihara Character atau ciri sekolah-sekolah rendah Cina ialah 36 lagu-lagu Cina dan mungkin 10 lagu Melayu.

Ketiga, pelajaran moral—cerita-cerita, sajak-sajak dan lagu-lagu tidak mencerminkan kebudayaan Cina, malah tiada

lagu-lagu, cerita-cerita, legenda-legenda dan fables Cina langsung.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sekarang mengapakah terdapat rasa pandang berat yang berluasa tentang 3M iaitu bahawa 3M itu akan menukar ciri sekolah-sekolah rendah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa Cina. Bahasa penghantar boleh diadakan dalam bahasa-bahasa ibunda tetapi dengan tidak adanya 'cultural contentnya', sekolah-sekolah ibunda hanya akan menjadi versi terjemahan (translated versions) dan bukan sekolah-sekolah ibunda yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan etika kerja, pentadbiran 2M berminat dan memuji Korea Selatan dan Jepun kerana rakyat negara-negara tersebut yang berdisiplin dan rajin bekerja telah "propelled" negara mereka ke depan. Adalah penting untuk dikatakan di sini bahawa kebudayaan mereka yang menghasil dan memupuk disiplin dan kerajinan kerja berakar umbi dari kebudayaan yang sama yang sedang dipupuk di sekolah-sekolah rendah Cina yang wujud sekarang. Adalah sukar untuk memahami mengapa sistem 3M bercuba menghapuskan satu kebudayaan yang boleh menggalakkan disiplin, etika kerja, penghormatan terhadap ibubapa dan perpaduan keluarga yang mana kesemua unsur-unsur ini boleh menyumbang ke arah pembangunan dan kestabilan.

Memandang kepada apa yang dinyatakan oleh saya tadi, DAP menggesa supaya sistem 3M digantung dengan serta-merta di sekolah-sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa penghantar. DAP juga menggesa supaya satu dialog diadakan di antara Kementerian Pelajaran dan Tung Chung dan Chiau Chung kerana kedua-dua persatuan inilah yang mempunyai authority yang paling tinggi berkait dengan pelajaran Cina dan Menteri berkenaan hendaklah juga menerima tuntutan serampang 4 mata yang dibuat oleh kedua-dua badan pelajaran tersebut.

Isu 3M adalah hasil daripada satu dasar yang gagal mengiktirafkan bahawa dalam sebuah masyarakat majmuk dan hak berbagai-bagai kaum hendaklah dihormati

dan terjamin. Kegagalan ini bukanlah disebabkan oleh DAP dan kita, malah mengalu-alukan supaya seluruh isu 3M ini difusedkan dengan satu solusi yang simple dengan menggantung pelaksanaan 3M atau melaksanakan satu sistem 3M baru selepas bertemu dengan persatuan Tung Chung dan Chiau Chung serta melaksanakan tuntutan serampang 4 mata mereka itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik daripada Titah Ucapan lagi: "Kerajaan Beta berpegang kepada keyakinan bahawa Kerajaan bukanlah tuan, tetapi alat perkhidmatan kepada rakyat berasaskan demokrasi dan kedaulatan undang-undang".

Kata-kata ini memanglah menggalakkan untuk membaca dan sedap untuk didengar. Untuk ia memberi makna, kata-kata itu hendaklah dijadikan tindakan dan dalam bidang amalanlah, kita boleh lihat bahawa kata-kata ini bukanlah sebenar-benarnya sepertimana Kerajaan menuntut.

Dalam sesebuah demokrasi terdapat satu dialog di antara Kerajaan dan Pembangkang atau rakyat di mana ada penukaran fikiran dua hala. Malangnya, dalam negara ini sering terdapat fikiran sehalu dengan pihak Kerajaan yang mengeluarkan fikiran-fikirannya melalui pengumuman-pengumuman dan decree-decree. Pengkritikan-pengkritikan DAP tidak diterima dengan menggunakan cara-cara penggelapan akhbar atau pengharaman ucapan-ucapan kepada rakyat. Pihak DAP pernah dituduh sebagai membantu pergerakan komunis kerana mengkritik satu peristiwa mengenai ketidaktertiban satu kumpulan askar di Mengkarak, Pahang baru-baru ini.

Harapan tinggi bahawa kedatangan era 2M akan menghasilkan satu sikap yang lebih liberal tidak menjadi kenyataan. Pentadbiran baru itu telah menunjukkan ianya terlalu sensitif kepada pandangan-pandangan Pembangkang ataupun yang bertentangan

dengannya. Sungguh anihnya, demokrasi selepas hampir 25 tahun tidak maju dengan umur kronologinya. Ia masih tidak matang! Pihak Pembangkang dilabel sebagai "subversif", "anti-national", "bersimpati dengan komunis" dan "perkauman".

Mengenai peristiwa Mengkarak, Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen Petaling telah mengenalkan saksi-saksi yang menjadi mangsa tindakan-tindakan kekerasan dan yang memalukan yang dilakukan oleh segolongan askar, dalam satu sidang akhbar. Satu ketidakadilan telah berlaku dan sudahlah menjadi tugas beliau untuk membongkarkan perbuatan jahat itu dan mendesak supaya diadakan satu siasatan penuh dengan hukuman untuk diberi kepada mereka yang bertanggungjawab ke atas perbuatan itu.

Dalam peperangan dengan komunis, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah memastikan bahawa rakyat yang tidak berdosa (innocent) tidak teraniaya, lebih-lebih lagi dari kekerasan militer. Orang-orang yang tidak berdosa (innocent) tidak boleh dianggap dan dilayani sebagai musuh

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa cukup, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Pantli.

5.19 ptg.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama menyokong Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, Menjunjung Kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Kebawah Duli walaupun ringkas tetapi padat dan telah meliputi semua aspek kehidupan rakyat jelata dalam negara ini dari semua segi.

Saya gariskan beberapa perkara penting yang dilafazkan oleh Kebawah Duli di antaranya bahawa Kerajaan yang wujud pada

hari ini bertemakan Kerajaan alat perkhidmatan dan bukannya sebagai Kerajaan tuan.

Kedua, Kebawah Duli menyarankan bahawa ugama Islam merupakan benteng pertahanan yang kukuh dalam menentang semua anasir-anasir yang mengancam kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Kemudian ditambah pula dengan hasrat Kebawah Duli Baginda supaya pentadbiran kita yang ada hari ini merupakan sebuah Kerajaan yang pentadbirannya bersih, cekap dan licin dan menjadi amalan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang saya sebutkan ini tadi pertama sekali saya mengalu-alukan rancangan Yang Amat Berhormat Perdana menteri selepas balik daripada melawat Timur Tengah bahawa akan wujud di Malaysia, barangkali dengan kerjasama dengan negara-negara Arab, sebuah Universiti International Islam yang mana ini akan mengingatkan kita kepada sebuah universiti yang tertua di dalam dunia yang wujud di zaman kegemilangan, bangunan Islam di Andalus yang mana orang-orang barat pada waktu itu belum kenal ilmu thabib ataupun belum kenal dengan ilmu-ilmu falak dan ilmu-ilmu yang lainnya tetapi menumpang belajar di Universiti Islam di Andalus dan sekiranya masyarakat barat menerima ilmu pengetahuan yang begitu tinggi daripada pakar-pakar ataupun sarjana-sarjana Islam yang mana sehingga hari ini banyak di antara buku-buku teks terutama sekali bahagian kedoktoran masih dijadikan rujukan kepada penuntut-penuntut di universiti dalam dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hasrat Kerajaan supaya mengadakan pentadbiran yang bersih, cekap dan licin maka Kerajaan di bawah pimpinan 2M, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir dan Yang Amat Berhormat Dato Musa telah menjalankan dasar-dasar yang difikirkan perlu dan munasabah dan sesuai untuk negara kita yang berbilang kaum dan berbilang bangsa. Salah satu daripada dasar pelajaran iaitu mewujudkan sistem 3M pada awalnya telah diterima sebulat suara oleh Ahli-ahli Dewan ini pada masa ianya

diisytiharkan tetapi dalam masa dua tiga hari ini beberapa orang Ahli Pembangkang terutama daripada DAP telah terang-terang menentang dasar ini dan bukan sahaja terang-terang menentang dasar 3M ini tetapi telah menentang Kerajaan 2M yang wujud pada hari ini. Mereka telah tidak segan-segan dan silu-silu dengan mengeluarkan hujah-hujah yang lama, hujah-hujah yang tidak boleh diterima oleh akal fikiran yang waras, ini barang kali ada hubungan dengan keadaan hari ini yang hampir sangat kepada Pilihanraya Umum maka mereka cubalah menarik perhatian sebahagian kecil daripada barangkali orang-orang Tionghua supaya mereka menyokong parti DAP yang menentang dasar Kerajaan 2M dan menentang dasar pelajaran 3M.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman peralihan dahulu di mana orang-orang Melayu setiap penuntut di sekolah kebangsaan tahu menulis bahasa jawi. Tetapi dengan kedatangan penjajahan British dan Jepun dan disambut pula dengan kedatangan kemerdekaan yang mana kita telah mewujudkan satu sistem pengajaran, yang mana pelajaran jawi ataupun bahasa jawi telah luput dan hampir lenyap. Sehingga hari ini jarang sangat anak-anak kita boleh menulis tulisan jawi sedangkan tulisan jawi ini mempunyai hubungan yang terlalu rapat dengan ugama Islam. Ini tidak pelik kerana salah satu daripada dasar penjajah kita dahulu untuk menghapuskan ugama Islam ialah menghapuskan tulisan jawi. Pada masa itu orang-orang Melayu tiada kuasa untuk menentang penjajahan. Pada masa itu orang-orang Melayu tidak dapat hendak bertindak sebagaimana yang ada hari ini, tiada Parlimen hendak disuarakan. Sehingga hari ini barulah kesedaran itu datang kepada pemimpin-pemimpin kita bahawa tulisan jawi adalah salah satu daripada kebudayaan dan tulisan orang Melayu yang sepatutnya dihidupkan semula. Dan berdasarkan tulisan jawi itulah datangnya Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu yang menjadi bahasa nasional kita. Tetapi pada hari ini suara-suara sumbang yang disuarakan oleh parti-parti Pembangkang seperti DAP yang mana cuba mengatakan kegagalan Kerajaan 2M dengan memberi alasan bahawa dalam bulan Januari yang lalu telah ada dua buah sekolah yang

cuba memulaukan kelasnya sebab menentang dasar 3M ini. Berdasarkan kepada hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengadakan pentadbiran yang bersih, cekap dan licin maka dengan sikap cekap dan licin dan bersih ini, saya menyeru kepada Kerajaan hari ini supaya tidak teragak-agak untuk bertindak seterusnya kepada siapa sahaja yang menentang dasar yang telah diputuskan dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, ada kononnya mengatakan bahawa sebelum diimplimentasikan hendaklah diadakan terlebih dahulu rundingan dengan pihak-pihak yang tertentu. Ini dalam pandangan saya terlalu cetek sangat pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP. Adakah kita pergi bertanya dengan ibu bapa atau PIGB ini dasar yang kita hendak jalankan, kita rundingkan dahulu sedangkan kita mempunyai sebuah Parlimen yang mana dengan Parlimen ini kita menguatkuasakan dan membuat undang-undang yang akan dijalankan di seluruh negara. Pendapat dan pandangan DAP dan dasar DAP sama sekali sudah ditolak berkali-kali oleh rakyat Malaysia dalam tiap-tiap kali pilihanraya telah ditolak mentah-mentah yang mana wujudnya mereka itu dalam Dewan ini bak melukut di tepi gantang, masuk ke dalam tidak menambah, kalau keluar tidak mengurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal bahasa ini kita tidak boleh bertolak ansur lagi, begitu juga dengan negara kita ini dan banyak lagi kepentingan-kepentingan rakyat terutama sekali bumiputera sehingga tergamak Ahli-ahli Pembangkang daripada DAP supaya Kerajaan menghapuskan sahaja perkataan "bumiputera" dan "bukan bumiputera". Mereka menganggap bahawa bumiputera dan bukan bumiputera ini satu diskriminasi kepada rakyat Malaysia. Ini satu tikaman yang begitu hebat kepada orang-orang bumiputera khususnya. Saya selaku bumiputera, bagi saya dalam soal ini saya tidak akan bertolak ansur. Bagaimana kata pepatah Melayu, "Biar putih tulang, jangan berputih mata".

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hasrat Kebawah Duli yang dengan terang mengatakan bahawa Islam merupakan benteng pertahanan yang kukuh dari segi menentang anasir-anasir yang mengancam kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Ini perkara yang tidak dapat disyaki dan dinafikan lagi. Cuma satu perkara, di dalam negara kita ini terutama sekali pemimpin-pemimpin Islamnya sendiri terutama sekali saya terpaksa menyentuh parti yang datang daripada PAS umpamanya sebahagian daripada pemimpin-pemimpin PAS hari ini yang mana di dalam Dewan yang mulia ini menyeru supaya orang-orang yang bukan Islam mulai daripada sekarang belajar cara-cara Islam, mengikut dengan dekat akan hukum-hukum Islam kerana hukum Islam itu bukan untuk orang Islam sahaja tetapi untuk dunia sejagat.

Di dalam nada yang sama di dalam Dewan ini tetapi di luar Dewan mereka bercakap, mereka telah menunjukkan contoh yang kurang bijak, apakah bijak pandai mereka atau alim ulamak di kala mereka terlupa dengan ayat-ayat yang mengatakan:

Udi'a ila sabili Rabbika bilhikmah, Wal-maui'dzatil hasanah—yang bermakna Tuhan berfirman

"Serulah mereka itu dengan cara yang sebaik-baiknya dan dengan cara yang bijaksana";

bukan dengan cara mengkafirkan orang lain, bukan dengan cara mencerca orang lain, bukan dengan cara memburuk-burukan pemimpin-pemimpin dan orang lain tetapi menyeru mereka itu dengan sepenuh hikmah, dengan penuh bijaksana. Inilah yang dikatakan yang mana Allah s.w.t. sendiri mengutuk orang-orang yang semacam ini dengan firmannya: ". . . lima taquluna mala taf'alun—atau dengan ayat yang lain, "Kabura maqtan indallahi an taqulu ma la taf'alun. Sebesar-besar dosa di sisi Allah bahawa kamu hanya pandai bercakap tetapi kamu tidak pandai membuat.

Jadi saya menyeru kepada pemimpin-pemimpin ulamak-ulamak terutama selain daripada saudara-saudara saya daripada PAS supaya mengkaji balik, supaya tunjukkanlah

contoh yang baik. Kita sendiri terlebih dahulu menunjukkan contoh yang baik, baru orang lain boleh mengikut kita. Kalaulah kita sendiri mengaku sebagai orang Islam yang bersembahyang Jumaat, yang berpuasa, berzakat dan sebagainya, kita juga akan pergi mendedahkan diri melakukan perbuatan-perbuatan yang maksiat, meminum arak dan sebagainya maka ini akan dicemuh oleh orang yang bukan Islam, kamu bercakap ini haram, ini halal tetapi kamu sendiri yang buat, kamu sendiri yang makan, kamu sendiri yang minum. Jadi tidak datang apa yang dikatakan serulah mereka kepada jalan Allah dengan seruan yang sebaik-baiknya dan penuh hikmah. Jadi, mudah-mudahan, Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan dan pandangan saya akan dapat dikaji semula terutama sekali oleh pemimpin-pemimpin PAS supaya tidak lagi kita bercakapan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi menyentuh saya Dasar Ekonomi Baru daripada mula dilancarkan sampailah kehari ini tidak lain ialah membasmi kemiskinan. Maka di dalam rupa dan bentuk serta tindakan kita membasmi kemiskinan ini ada lagi satu golongan rakyat iaitu kaum nelayan yang mana di dalam kawasan saya sahaja tidak kurang daripada 13,000 orang kaum nelayan dan di dalam seluruh negara barangkali beratus ribu kaum nelayan yang mata pencariannya menangkap ikan.

Satu perkara yang mereka beritahu kepada saya bahawa masalah pembaharuan perlesenan bot-bot nelayan ini mestilah dilakukan dalam bulan Disember tiap-tiap tahun. Jadi oleh kerana ramainya nelayan ini dan proses memperbaharui lesen ini memakan masa yang panjang maka terdapatlah mereka sebelum mereka diluluskan lesen ataupun dibaharukan lesen, mereka terpaksa menjalankan juga kegiatan menangkap ikan tanpa lesen. Jadi ini dikuatiri bahawa mereka boleh diambil tindakan undang-undang oleh Kerajaan kerana menjalankan kegiatan menangkap ikan sedangkan lesennya belum diperbaharui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa seminit lagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning: Terima kasih. Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya pembaharuan lesen-lesen bot nelayan ini dilakukan sebagaimana pihak Kementerian Pengangkutan membaharui lesen road tax ataupun lesen kereta. Maknanya siapa yang habis dulu, dibaharukan dulu, jadi tidaklah serentak lesen itu dikeluarkan. Kerana bagaimana alasan saya tadi, masa yang dijalankan untuk memproses pembaharuan lesen ini memakan masa yang panjang sedangkan nelayan kita amat ramai. Jadi itulah sahaja pandangan saya dan sekali lagi saya menyokong usul ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bachok.

5.34 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengambil bahagian memberikan sepatah dua kata sumbangan fikiran dan pendapat sebagai tanda ikut serta menyokong usul menyembah ucapan kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda dalam istiadat pembukaan persidangan ini. Di antara sekian banyak perkara yang menarik biarlah saya tumpukan kepada suatu perkara yang sangat menonjol daya tarikannya daripada masalah-masalah yang lain, iaitulah masalah falsafah Kerajaan Baginda mengenai peranan Kerajaan itu sendiri.

Mengikut Seri Paduka Baginda, Kerajaan Seri Paduka Baginda berpegang kepada keyakinan bahawa "Kerajaan bukanlah tuan tetapi adalah alat perkhidmatan kepada rakyat berasaskan demokrasi dan kedaulatan undang-undang." Dengan Titah Ucapan ini dapatlah kiranya pihak-pihak yang bertanggungjawab mengendalikan jentera dan roda pemerintahan supaya meneliti dan membuat kajian dengan penuh insaf dan rasa tanggungjawab tentang sejauh manakah Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu menjadi panduan dan pedoman mereka dalam menjalankan tugas mereka masing-masing.

Kalau benar-benarlah Kerajaan berpandu kepada perinsip-perinsip yang digariskan dalam Titah Ucapan Baginda itu tentu sekali Kerajaan telah lama menyedari bahawa di dalam diri Kerajaan sendiri masih banyak lagi masalah-masalah yang mustahak diperbaiki seberapa segera supaya falsafah khadam rakyat dan bukannya tuan rakyat itu dapat berjalan dengan saksamanya tanpa sebarang penyelewengan ataupun kalau ada penyelewengan itu tidak begitu menonjol dan ketara. Bagi rakyat pula hendaklah bertanggungjawab bukan setakat kepada diri mereka sendiri dan zuriat keturunan mereka sahaja malah amanah kepada Allah s.w.t. yang memberikan tugas kepada umat manusia menjadi khalifahnyanya di buminya ini dengan tugas melaksanakan keadilan dan kebajikan berpandu kepada syariat yang diwahyukan kepada rasulnya yang dijamin sesuai untuk segenap zaman dan semua keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Kerajaan mendakwakan dirinya sebagai Kerajaan yang adil dan saksama, rakyat dapat menyaksikan beberapa jenis penyelewengan telah berlaku dan dilakukan dengan sewenang-wenangnyanya.

Di Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh; kita dapat menyaksikan bagaimana harapan rakyat yang tidak berdosa telah disia-siakan. Pembangunan yang dilakukan tidak menguntungkan rakyat bawahan. Contoh-contoh yang lain pula (dan inilah satu daripada timbulnya pecah belah) ialah dari segi pembahagian subsidi baja padi, rancangan pemuliharaan kampung, penyertaan dan rancangan pembangunan kemajuan tanah; ramai orang-orang yang termasuk dalam kategori layak diberi layanan istimewa telah diabaikan, telah ditinggalkan, dibiarkan menderita kesusahan. Sekiranya falsafah Kerajaan itu "bukan tuan tetapi alat perkhidmatan kepada rakyat" berdasarkan demokrasi dan undang-undang itu benar-benar menjadi pedoman dan panduan, tentu sekalilah tidak timbul masalah yang disebutkan sebagai perpecahan dalam masyarakat iaitu pulau-memulau, boikot-memboikot yang dikatakan begitu parah sekali terjadi dalam beberapa kalangan masyarakat umat Islam.

Kerajaan tentu sekali akan mengkaji dengan teliti dari manakah berpunca perpecahan itu. Kalaupun ia boleh dikatakan perpecahan setelah diketahui puncunya maka berusaha mengatasi dan memperbaiki dengan mengangap bahawa segala keretakan dan kepincangan itu berpunca dari sebelah pihak sahaja.

Kalau kajian sanggup dilakukan secara jujur dan objektif dan usaha mengatasinya juga sanggup dikendalikan dengan adil walaupun dengan sedikit pengorbanan perasaan sentimen tentu sekali perkara kekeruhan dalam masyarakat tidak akan timbul dan kalaupun timbul akan dapat diatasi dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini berlaku pertukaran Guru-guru Penolong dan Guru-guru Besar dan juga hal-hal kenaikan pangkat. Di sana berpuluh-puluh orang guru tertentu ditukar ke daerah-daerah pendalaman pada awal tahun ini kemudian dibatalkan dengan serta-merta apabila telefon dari orang-orang tertentu dibuat kepada pihak-pihak bertanggungjawab dan juga apabila surat-surat rayuan dikemukakan kepada pihak berkuasa. Ada beberapa orang guru menerima surat pertukaran dari Pengarah Pelajaran Kelantan berturut-turut pada tiga tahun pada tiap-tiap awal tahun tetapi kesudahannya pertukaran itu dibatalkan begitu sahaja. Apakah sebenarnya motif, apakah sebenarnya dasar pertukaran seseorang guru itu. Mengapakah pula beberapa orang guru yang lain yang mempunyai rekod yang baik ditukarkan ke daerah-daerah pendalaman, dengan tidak mengkaji lebih dahulu sekolah-sekolah yang sudah didudukinya bertahun-tahun itu, ditolak rayuan dengan mudah sahaja. Di manakah keadilan yang sebenarnya yang dapat ditonjolkan kepada rakyat. Rakyat memang sudah bosan dengan telatah demikian hatta menyentuh pentadbiran pendidikan dan terus menjejaskan pelajaran anak-anak kita di bangku sekolah. Dan peristiwa pertukaran serta kenaikan pangkat ini akan menonjol pula dan dapat disaksikan bila mana Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah diwujudkan tidak berapa lama lagi di mana ramai guru-guru tertentu terlibat secara

langsung bagi menyandang jawatan-jawatan baharu seperti Pegawai Pelajaran Daerah, Penolong Pegawai Pelajaran Daerah, Penyelia-penyelia dan sebagainya.

Satu masalah besar yang nampaknya begitu serius diperkatakan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda kali ini ialah perpaduan umat. Tentu sekali yang dimaksudkan di sini ialah masalah perpaduan di kalangan umat Islam sebagai teras masyarakat negara kita yang majmuk yang berbilang keturunan ini. Masalah ini seperti kita ketahui adalah masalah lama yang seolah-olah sengaja dibiarkan berlarutan dan berpanjangan, entah apa sebabnya pun, mungkin juga ada golongan yang beranggapan bahawa kalau masalah ini cuba diselesaikan dengan sungguh-sungguh nescaya akan selesai dengan senang. Saya yakin masalah ini boleh diselesaikan kalau semua pihak ingin mencari penyelesaian. Sebagai umat Islam kita telah diberi panduan oleh ayat suci Al-Quran, dengan izin, *Faintana zaktum fishaiin faruddu hu-ila Lahi walrasuli inkuntum tukminunabillahi walyaumilakhir zalika khairunlakum waahsanu takwilla*. Ertinya, dan bila kamu berselisih tentang sesuatu di kalangan kamu sendiri yakni di kalangan sesama umat Islam hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah dan Rasul. Jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian, itulah lebih baik dan penyelesaiannya lebih mudah.

Masalah perpecahan, pulau-memulau, bukanlah masalah yang rumit sangat sekiranya semua pihak dalam kalangan umat Islam jujur dan ikhlas kepada dirinya sendiri. Ubat perpecahan yang paling mujarab ialah sanggup kembali kepada Allah dan Rasulnya, jalannya, adakanlah majlis pertemuan, namakanlah muzakarah, seminarkah, simposiumkah atau debat agongkah dengan focus mencari kebenaran dan petunjuk Allah, insya Allah masalahnya akan beres segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pendaftaran pengundi. Berhubung dengan pendaftaran pengundi yang baharu beberapa hari kita membuat penyemakannya selama 14 hari, saya merasa banyak kelemahan-kelemahan yang boleh diatasi. Pertama, masa yang diberi selama 42 hari itu belum

mencukupi untuk benar-benar memberi kesan kepada kerja-kerja pendaftaran pengundi terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Kedua, pegawai-pegawai yang telah dilantik untuk menguruskan pendaftaran di peringkat tempatan hampir semuanya terdiri dari pegawai-pegawai dan penyokong-penyokong Kerajaan yang aktif dalam politik. Dengan hal yang demikian, mereka lebih senang menerima arahan majikan tempatan mereka daripada menerima arahan-arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Ada beberapa cara yang boleh dilakukan oleh Kerajaan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang saya sebutkan itu. Misalnya, Suruhanjaya Pilihanraya boleh melantik pegawai-pegawai pendaftaran tempatan dari kalangan orang-orang yang tidak terikat dengan mana-mana badan politik. Orang-orang ini mesti bebas, sekiranya keadilan hendak dicapai dan demokrasi dipertahankan. Atau Suruhanjaya Pilihanraya boleh membentuk satu atau lebih pasukan pendaftaran yang akan bertugas sepenuh masa, sama ada di seluruh negara atau secara berpindah-pindah dari satu negeri ke satu negeri. Pendaftaran pada hakikatnya boleh dibuat sepanjang tahun dan tarikh kelayakannya bolehlah ditetapkan lebih awal lagi supaya seragam bagi seluruh Malaysia. Tidak ada sukarnya, Tuan Yang di-Pertua, di zaman teknologi komputer sekarang ini jika kita mahu pendaftaran dibuat tiap-tiap hari pun boleh.

Sekiranya ini Kerajaan merasa menyulitkan maka saya suka juga mencadangkan supaya pendaftaran automatik dilaksanakan caranya ialah kesemua mereka yang mempunyai kad pengenalan dan cukup umur secara automatik didaftarkan mengikut tempat dia dilahirkan. Pindaan kepada senarai ini hanyalah bagi mereka yang berpindah alamat dan yang mati sahaja. Kerjasama dari Jabatan Pendaftaran Negara dengan senang sahaja boleh meringankan kerja-kerja yang setiap tahun menjadi kehebohan negara. Dengan cara itu, Tuan Yang di-Pertua, kesemua orang boleh mengundi. Apa yang perlu diuruskan hanyalah soal pemindahan alamat dan tempat tinggal.

Pamiran dan semakan daftar pemilih. Begitulah juga tentang pamiran dan semakan daftar pengundi baru-baru ini. Waktu yang diberikan selama 14 hari itu amatlah singkat. Keadaan ini lebih teruk lagi manakala terdapat setengah-setengah pegawai tempatan yang serong dan sengaja melambatkan daftar pengundi daripada dipamirkan kepada orang ramai pada waktu yang sepatutnya dipamirkan. Ini menyebabkan sebahagian orang ramai tidak sempat membuat semakan dan mengemukakan bantahan kepada Pegawai Pengurus Pilihanraya.

Di seluruh Kelantan iaitu dari 36 kawasan Dewan Undangan Negeri atau 12 kawasan Parlimen terdapat kira-kira 58,000 pengundi bertambah sebagaimana di dalam senarai B dan kira-kira 28,000 pengundi yang akan dikeluarkan seperti yang terdapat di dalam senarai C. Yang menjadi tandatanya, Tuan Yang di-Pertua, beberapa kawasan pilihanraya menunjukkan pertambahan pengundi yang amat mengejutkan sekali. Contohnya, Parlimen Ulu Kelantan—bertambah semua mengikut senarai B—7,556, ditolak daripada senarai C 2,441 bertambah bersih 5,115 ertinya pertambahan 18.8%.

Dewan Negeri Manik Urai bertambah dalam senarai B 3,755 ditolak daripada senarai C 960 bertambah bersih 2,795 atau 36.8%.

Dewan Undangan Negeri Telipot bertambah 3,048, bertambah bersih 1,930 atau 13.7%.

Lanas di kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bertambah semua dalam senarai B 2,617 ditolak daripada senarai C 541 bersih 2,076 atau 24.6%.

Gua Musang 2,610 bertambah dalam senarai B ditolak 1,050 bertambah bersih 1,560 sama dengan 13.2%. Semut Api senarai B bertambah 2,326 ditolak daripada senarai C 808 bertambah bersih 1,518 bersamaan 12.8%. Jika dibandingkan dengan kadar pertambahan pengundi-pengundi di seluruh Kelantan ialah hanya 7.9% sahaja sedangkan

peratus-peratus yang dinyatakan di atas itu adalah berlipat kali ganda lebih besar daripada peratus biasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa dua minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan kadar pertambahan pengundi-pengundi di seluruh Kelantan ialah 7.9% sahaja, maka nyata sekali, ke manakah pergi pengundi-pengundi dari senarai C itu, kemungkinan untuk tujuan-tujuan yang tertentu. Yang lebih mengeciwakan lagi, ialah perpindahan pengundi-pengundi dari daerah mengundi yang lama kepada daerah mengundi yang baharu sama ada dalam kawasan Dewan Negeri yang sama atau kawasan Parlimen yang sama.

Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Putih.

5.48 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Putih): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih dan di dalam Titah Ucapan ini, saya akan bercakap beberapa perkara yang berkaitan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Apabila saya duduk di dalam Dewan ini daripada mula tadi, saya mendengar seolah-olah Parlimen kita ini seperti Parlimen di negeri India. Kadang-kadang terdengar seperti Parlimen dalam negeri China, kerana ada golongan membela tentang kebudayaan dan bahasa China dan ada golongan yang membela bahasa dan kebudayaan Tamil. Jadi keadaan ini mereka terlupa bahawa Parlimen kita ini adalah Parlimen Malaysia yang tidak seharusnya kita menekan atau menitikberatkan kepada perkara-perkara yang ada di negara lain. Kalau kita hendak membincangkan bahasa China dengan lebih luas maka hadirlah dalam Parlimen Negeri China dan jika hendak bincangkan soal bahasa Tamil atau kebudayaan India, hadirlah

di Parlimen di negeri India, bukan di Parlimen sini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya golongan ini adalah merupakan juara perkauman. Mereka ini kalau mereka tidak suka kepada gelaran yang diberi kepada bumiputera dan bukan bumiputera tetapi mengapa mereka suka di dalam negara ini dibeza-bezakan tentang kebudayaan dan sebagainya. Mereka tidak mahu lagi dipanggil misalnya kebudayaan nasional walaupun di dalamnya ada unsur-unsur kebudayaan yang mereka bawa daripada negara mereka.

Apa yang penting di sini kita ubahsuaikan kebudayaan dan segala-segalanya itu adalah bersesuaian dengan negara kita iaitu Malaysia.

Dalam soal 3M ini sebenarnya adalah bukan merupakan satu dasar tetapi merupakan satu kaedah mengajar yang boleh memberikan anak kita boleh membaca, boleh mengira dan boleh menulis. Jadi ini merupakan satu kaedah lama yang telah diperbaharui yang tidak sepatutnya diambil atau dijadikan isu oleh pihak-pihak Pembangkang sebagaimana disuarakan oleh Wakil dari Seremban tadi.

Sebenarnya perkara ini timbul dan menjadi hangat bukan kerana ibubapa tidak faham, bukan kerana ibubapa tidak mahu tetapi adalah kerana ibubapa telah dihasut atau boleh dipesongkan fikiran mereka oleh pihak pemimpin politik yang sekarang ini sudah tentu kehabisan modal. Kalau Parlimen yang lepas kita telah mendengar bahawa Universiti Merdeka telah berkali-kali ditimbulkan dalam Dewan ini tetapi kali ini Universiti Merdeka sudah tak timbul lagi, mereka timbulkan 3M kerana ini katanya telah mengubahkan ciri-ciri sekolah Cina dan juga sekolah Tamil tetapi mereka ini kalau hendak dikatakan degil atau hendak dikatakan tak faham mereka ini belajar juga di sekolah tetapi telah berkali-kali ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa 3M ini tidak akan mengubahkan ciri-ciri sekolah Cina dan juga sekolah Tamil. Apakah ini tidak cukup kenyataan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Saya rasa kenyataan ini adalah kenyataan kenyataan

yang diberi oleh Ketua Pemerintah Negeri ini ataupun Ketua Eksekutif dalam negeri ini, iaitu kata-kata Perdana Menteri, bukan kata-kata Ketua Pembangkang atau kata-kata orang yang hendak mencari kepentingan. Kalau ini tidak mahu difaham maka jangan jadikan Parlimen ini sebagai satu tempat berkempen.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tertarik dengan pembangunan Kelantan yang telah disuarakan oleh Wakil dari Bachok, Sebenarnya di dalam perancangan Kerajaan di Kelantan, baik rancangan RPK, subsidi baja atau sebarang pembahagian yang dilakukan dalam negeri Kelantan kalau sekiranya tidak adil ini adalah salah orang-orang PAS sendiri kerana apa yang kita lakukan sekarang adalah kita belajar daripada Kerajaan lama dan Kerajaan lama telahpun mengajar Kerajaan baru ini supaya berbuat begitu. Kalau sekiranya perjalan pemerintahan Kerajaan sekarang tidak adil bermaknalah perjalanan pemerintahan Kerajaan lama juga tidak adil. Jadi kalau sekiranya dalam pembahagian RPK dikatanya tidak adil, dalam pembahagian subsidi baja dikatakan tidak adil maka kalau saya bangkitkan apakah adil Kerajaan dahulu di dalam rancangan pembahagian tanah kerana mereka tidak ada pembangunan di Kelantan, bukan kerana mereka tidak mahu pembangunan tetapi dijadikan isu bahawa pembangunan tidak berguna kerana mereka tidak mampu, jadi mereka hanya ada tanah untuk dibahagi kepada rakyat. Di dalam pembahagian tanah di Kelantan, orang-orang UMNO pada masa itu bukan sahaja tidak mendapat tanah, tidak pun mendapat borang untuk memohon tanah. Sebab itulah apa yang kita lakukan sekarang adalah kita belajar daripada apa yang telah diajar oleh Kerajaan lama kepada kita dan kalau tidak adilnya kita maka tidak adillah Kerajaan lepas yang berlaku di Kelantan.

Begitu juga dalam kenaikan pangkat, untuk menjadi Pegawai Tadbir negeri Kelantan pada satu masa dahulu tidak pakai baju warna hijau tak dapat jadi ADO dan juga tidak dapat naik pangkat dan banyak di antara Pegawai-pegawai Pentadbir Negeri Kelantan pada masa itu yang kuat menyokong UMNO diberi satu kerusi, diberi satu meja duduk sehingga

pencen. Inilah keadilan yang dilakukan oleh Kerajaan dahulu tetapi kita tidak sampai ke peringkat itu, cuma segala pemberian yang kita tidak lakukan atau segala RPK atau subsidi baja itu bukan kerana Kerajaan sekarang tidak mahu memberi kepada mereka kerana mereka tidak mahu terima, kerana mereka tidak mahu pembangunan, kerana mereka tidak mahu rumah mereka dibaiki, kerana mereka lebih suka tidur di dinding-dinding yang berlubang supaya tidak payah pakai letrik, tak payah pakai apapun kerana bulannya boleh menerangi melalui dinding-dinding rumah yang berlubang itu. Jadi sebab itulah bukan salah Kerajaan sekarang tetapi salah mereka sendiri kerana mereka tidak mahu menerima perkara-perkara itu.

Sekarang ini di Kelantan adalah amat menyedihkan kerana kopiah-kopiah putih dan kain serban di Kelantan adalah telah baik harga kerana di saat hampir pilihanraya ini banyak orang menempah kopiah putih dan kain-kain serban, sebab itulah keadaan ini telah naik harga di Kelantan kerana hampir dengan pilihanraya. Jadi banyak orang yang tak pernah pakai kopiah, tak pernah pakai serban sekarang ini pakai serban. Jadi ini adalah gejala yang baik bagi membantu usaha bumiputera supaya banyak membuat kopiah dan banyak membuat serban supaya boleh rakyat kita hidup mewah dan mendapat pendapatan hampir dengan pilihanraya akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh tentang ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa Islam merupakan benteng pertahanan yang kukuh dari segi menentang semua anasir-anasir yang boleh mengancam kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat. Islam akan lebih kukuh sekiranya umat Islam terus bersatu dan mencapai kemajuan. Jadi di sini saya suka hendak menyentuh soal perpaduan orang-orang Islam. Islam merupakan benteng sebagaimana yang disarankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu merupakan satu harapan yang patut diamati oleh pemimpin-pemimpin, terutama pemimpin-pemimpin Islam yang menganggapkan dirinya Islam akan lebih

kukuh sekiranya umat Islam ini bersatu padu sebagaimana yang diharapkan oleh mereka itu, tetapi malangnya harapan ini tidak akan tercapai sekiranya ada orang-orang atau pemimpin yang memimpin atau mengamalkan sikap berpecahbelah ini, pemimpin yang sanggup melihat rakyatnya berpecah dan negaranya hancur asalkan hasrat dan cita-cita mereka tercapai. Mereka ini bukan sahaja sanggup memecahbelahkan umat Islam tetapi sanggup mempermainkan hukum-hukum Allah dan menjual ayat-ayat Quran dengan harga yang murah asal mereka berjaya mendapat cita-cita politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini umat Islam sedikit sebanyak telah pun berpecahbelah dengan adanya parti ajaran sesat yang telah menyesatkan umat-umat Islam dengan fahaman ajaran yang sesat atau ajaran yang tidak betul bagi kepentingan politik-politik yang kononnya memperjuangkan Islam tetapi sebaliknya cara yang dilakukan oleh mereka ini boleh memundur, boleh merosakkan Islam. Kesucian Islam dan hukum-hukum yang berdasarkan Quran dan Hadis telah dicabuli bagi tujuan memperjuangkan politik mereka untuk mendapat kerusi dan elaun yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, setengah-tengah cita-cita lebih jauh daripada itu, mereka hendak menjadikan diri mereka seolah-olah Nabi yang mentafsirkan Quran dan mengeluarkan fatwa yang mengelirukan umat-umat Islam. Daripada kekeliruan inilah mereka akan mendapat kuasa yang akan menguasai hartabenda dan kekayaan di dalam negara ini. Contohnya kembali balik kepada negeri Kelantan dan rakyatnya telah mengalami keadaan yang amat menyedihkan dan hidup dalam keadaan yang tidak dapat perubahan tanpa menerima kemudahan asas sepertimana kemudahan-kemudahan tempat tinggal, bangunan-bangunan untuk beribadat, masjid atau surau yang buruk dan condong serta bangunan-bangunan sekolah agama yang kita lihat pada satu masa dahulu baik sedikit daripada kalau kita bandingkan dengan kandang kerbau kerana Kerajaan yang memerintah pada masa itu tidak mahu kepada

pembangunan, bukan kerana tidak mahu tetapi kerana tidak mampu, jadi mereka ini tidak mahu kepada pembangunan kerana tidak mampu, bukan kerana tidak mahu, kerana tidak mahu melakukannya. Kalau mampu mungkin mereka mahu juga, ini terbukti dengan tingkah laku pemimpin-pemimpin mereka yang sentiasa mengejar kepada kekayaan, pangkat dan juga kewewahan.

Sebenarnya pemimpin dan parti yang bertopengkan Islam itu selalu membuat dasar, dasar mereka tidak serupa bikin katanya atau selalu kita katakan pemimpinnya juga bercakap tidak serupa bikin. Menghadapi rakyat mereka tidak mahu kepada pembangunan tetapi di dalam Dewan ini selalu mereka mengemukakan mengapa peruntukan \$200,000 tidak diberi kepada kawasan mereka, mengapa peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri tidak diberi kepada mereka. Jadi, seolah-olah mereka ini bercakap di Dewan ini mereka berkehendakkan kepada pembangunan tetapi menghadapi rakyat supaya rakyat menolak kepada pembangunan dan kemudahan yang Kerajaan berikan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Akhir sekali saya hendak menyentuh soal pengambilan pelajar ke universiti di Amerika Syarikat, iaitu didapati sekarang ini banyak kita menghantar pelajar kita. Apabila kita tidak mengubah daripada Britain ke Amerika Syarikat didapati ramai pelajar-pelajar kita ini pergi ke Amerika seolah-olah seperti kita membuang anak seluang ke lautan yang luas. Jadi, kita membuang mereka ke lautan yang luas tanpa mendapat panduan walaupun katanya mereka di sini sebelum pergi, mereka akan pergi ke sana ada orang menjemputnya, ada tunjuk ajarnya dan segalanya tetapi apabila mereka sampai di sana mereka tidak ada siapa yang menyambutnya dan yang malangnya dua, tiga rombongan yang pergi ke sana yang mengandungi tiga, empat orang hampir 15 jam duduk di lapangan terbang tidak tahu hendak ke mana. Inilah yang menyedihkan kerana mereka ini kita kata baru hendak jadi orang tua, umurnya

walaupun nampaknya tua tetapi mereka ini kecil-kecil kalau dibandingkan dengan orang Amerika. Jadi, mereka ini tidak tahu hendak ke mana, sampai sebelas atau limabelas jam di lapangan terbang tanpa mendapat apa-apa.

Sebelum itu, mereka pergi ke sana pun ada di antara mereka tidak lagi lulus, kita kata 'TOEFL Exam.' - peperiksaan TOEFL yang berkehendakkan kelulusan bahasa Inggeris dan juga mereka ini tidak ditentukan apakah kursus yang mereka akan ambil. Didapati mereka ini kadang-kadang ia dihantar ke universiti yang tidak ada kursus yang mereka ditawarkan itu. Akhirnya mereka ini dihantar kepada Jabatan Bahasa, sampai lima enam bulan, hampir setahun duduk di Jabatan Bahasa tanpa membuat apa-apa sebarang kursus dan semua pelajar-pelajar Malaysia di sana berpecah. Mereka datang daripada berbagai-bagai anjuran, anjuran MARA, anjuran LLN, anjuran JPA, anjuran itu, anjuran ini tetapi mereka ini tidak ada satu penyatuan dan mereka tidak ada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di tempat itu.

Misalnya di California, pelajar-pelajar tidak ada pegawai yang memberi nasihat di situ sehingga mereka ini tidak tahu ke mana hendak pergi. Yang paling sedihnya mereka ini terdiri daripada pelajar-pelajar perempuan yang kadang-kadang mereka ini terpaksa tidak makan sampai dua, tiga hari kerana pada mulanya mereka tidak tahu di mana kedai kerana di sana tidak serupa di sini. Di sana seolah-olah macam satu lautan yang luas. Walaupun kita anggap mereka ini murid yang pandai, murid yang telah terpilih di sini, mereka ini telah lulus ke tingkatan V, Tingkatan VI tetapi apabila menghadapi dunia yang luas itu mereka tidak akan dapat. Inilah beberapa perkara yang patut diambil perhatian supaya janganlah masalah ini boleh menyusahkan mereka lebih-lebih lagi ada di antara mereka setelah mereka menerima biasiswa yang pertama, tiga bulan atau beberapa bulan tetapi mereka tidak akan menerima selepas itu beberapa bulan biasiswa disebabkan mereka itu tidak menjadi masalah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sarikei.

6.06 ptg.

Tuan Chieng Tiong Kai (Sarikei): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil kesempatan menyokong Usul Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang mencadangkan Menjunjung Kasih dan tahniah Kebawah Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8hb Mac, 1982 untuk pembukaan rasmi Penggal Keempat, Majlis Parlimen Kelima ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan merasa bangga Kebawah Titah Di Raja yang telah menggariskan dasar-dasar Kerajaan untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang dasar Kerajaan adalah mengikiskan jarak antara kekayaan dan kemiskinan rakyatnya. Jadi, Kerajaan kita telah merancang dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat kita dan mengembangkan kawasan yang ketinggalan seperti kawasan luar bandar dan juga kawasan bandar dan meninggikan taraf hidup rakyat serta menghapuskan kemiskinan tanpa membezakan kaum. Kita adalah difahamkan bahawa melalui program-program dan projek-projek pembasmian kemiskinan di negara kita telah berkurangan dan pendapatan per kapita negara telah bertambah. Saya yakin di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan kita akan meneruskan dasar-dasar dan program-program ini. Sungguhpun di dalam masa sekarang negara kita sedang menghadapi masalah inflasi tetapi saya yakin melalui kerjasama Kerajaan dengan rakyat kita kejayaan akan dicapai dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga mengemukakan beberapa perkara yang penting berkenaan dengan kehidupan rakyat. Saya berharap perkara-perkara ini akan dapat menarik perhatian pihak-pihak Kerajaan yang berkenaan.

Yang pertama sekali saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan pertanian. Pada pendapat saya petani-petani khasnya pekebun kecil adalah golongan yang miskin khasnya petani-petani di negeri Sarawak. Yang setahu

kita negara kita sedang menghadapi masalah inflasi. Sepatutnya Kerajaan kita harus menggalakkan rakyatnya untuk perkembangan pertanian. Tetapi di negara kita kebanyakan tanahnya masih belum dibuka. Petani-petani kita masih menanam tanaman dengan cara yang lama. Jadi, hasil pertanian kita adalah terhad. Pendapatan mereka cuma cukup nafkah hidup yang rendah taraf sahaja. Jadi, saya bercadang dan berseru kepada Kerajaan:

- (1) Kerajaan harus membukakan lebih lagi tanah bagi petani-petani untuk perkembangan pekebun-pekebun yang lebih besar khasnya bagi petani-petani yang tiada mempunyai tanah.
- (2) Kerajaan harus memberikan lebih lagi subsidi khasnya bagi pekebun kecil seperti lada hitam, koko, kelapa, getah dan lain-lain tanaman. Saya harap Kerajaan dapat memberi subsidi kepada petani-petani lada hitam dan koko dengan cara sama seperti skim subsidi harga padi yang telah dijalankan sekarang.
- (3) Kerajaan harus menghapuskan cukai-cukai tokok dan cukai-cukai import bagi semua input pertanian seperti baja-baja dan ubat kimia khususnya bagi pekebun kecil.
- (4) Kerajaan harus mengambil tindakan untuk menstabilkan harga-harga pengeluaran pertanian.

Saya berseru kepada Kerajaan mengambil tindakan secepat mungkin supaya semua petani akan dapat faedah dan meninggikan taraf kehidupannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah kerap kali menyeru kepada Kerajaan Pusat untuk mempercepat pembangunan dan memperbaiki pengangkutan negeri Sarawak. Jika kita bandingkan pengangkutan Semenanjung Malaysia dengan Sarawak, pengangkutan di negeri Sarawak telah di dalam keadaan ketinggalan sekurang-kurangnya 20 tahun. Sampai masa sekarang negeri itu masih belum ada satu jalanraya untuk menghubungkan semua bahagian. Jalan-jalan yang telah dibina kebanyakannya masih belum jadi jalan tar, seperti jalan dari

Bandar Seri Aman ke Sibul. Jalan itu adalah satu jalanraya yang penting di negeri Sarawak. Ia berhubung antara Bahagian Pertama, Kedua, Ketiga dan Keenam. Sungguhpun jalan itu telah lama dibina tetapi sampai hari ini masih belum jadi jalan tar. Kita faham oleh kerana di negeri Sarawak sampai hari ini masih kekurangan tenaga yang mahir di dalam JKR, tetapi saya tak faham jika JKR tak mampu membina jalanraya itu, apakah sebabnya Kerajaan tak mahu memanggil tender daripada pihak swasta atau syarikat-syarikat luar negeri untuk membina jalanraya seperti Semenanjung Malaysia yang telah dijalankan sekarang. Di samping itu kawasan-kawasan luar bandar kebanyakannya masih belum ada jalan seperti di kawasan saya penduduk-penduduk dari kampung terpercil atau rumah panjang perlu membuang masa 3-4 jam untuk berjalan kaki di dalam hutan ke jalan raya yang dekat. Jika ada pesakit-pesakit atau mahu menghantar barang-barang dari kampung ke bandar kesusahannya tidak boleh difahamkan.

Jadi saya menyeru kepada Kerajaan Pusat untuk memberi lebih lagi peruntukan dan tenaga yang mahir untuk negeri Sarawak supaya membina dan memperbaiki jalan-jalan di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu lapangan terbang dan pelabuhan di negeri Sarawak juga masih belum lengkap, seperti di Bahagian Keenam Sarikei masih belum ada satu lapangan terbang. Penumpang-penumpang kapal terbang haruslah pergi ke Sibul sejauh 80 batu. Saya berharap mengikut perkembangan ekonomi di kawasan itu, satu lapangan terbang adalah perlu dibina. Di samping itu pelabuhan juga perlu ditambah di negeri Sarawak. Saya mencadangkan Pelabuhan Tanjung Mani haruslah dipercepatkan dibina oleh kerana pelabuhan itu adalah satu tempat yang sesuai untuk membina pelabuhan air dalam, ia akan jadi satu pusat untuk membangunkan perindustrian dan perniagaan di kawasan Rejang. Saya menyeru kepada Kerajaan Pusat bagi mengambil tindakan untuk mempercepatkan projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu perkhidmatan perubatan di negara kita telah

memperbaiki taraf kesihatan rakyat telah bertambah baik tetapi di negeri Sarawak masih ada daerah-daerah belum ada hospital yang lengkap. Kebanyakan hospital-hospital masih kekurangan doktor seperti di Bahagian Keenam iaitu di kawasan Daerah Sarikei dan Daerah Binatang, rumah sakitnya masih tak mencukupi keperluan penduduk yang semakin ramai itu.

Di Daerah Binatang sampai masa sekarang masih mempunyai satu dispensari sahaja, sedangkan pesakit-pesakit dengan kes-kes yang lebih serius terpaksa menghantar pesakit ke Hospital Sarikei atau Hospital Sibul sejauh lebih kurang 30-40 batu. Hal ini telah jadi suatu hal kesusahan. Saya bercadang supaya Kerajaan haruslah membina satu hospital yang lengkap untuk tiap-tiap daerah. Saya berharap pihak Kerajaan yang berkenaan akan mengambil tindakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan masalah pendidikan. Saya anggap Kerajaan harus menambahkan institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan seperti di negeri Sarawak yang sampai hari ini masih belum mempunyai satu universiti. Kita telah diberitahu Kerajaan akan mendirikan universiti yang keenam di negara kita. Saya bercadang universiti itu dapat didirikan di negeri Sarawak supaya penuntut-penuntut Sarawak dapat belajar di tempat sendiri dan meringankan beban ibubapanya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu bekalan air bersih masih belum memuaskan di negeri Sarawak khususnya di kawasan luar bandar. Kita telah diberitahu Kerajaan telah mempunyai satu rancangan iaitu pada tahun 1990 di seluruh Malaysia di bandar atau luar bandar rakyatnya semua akan dapat bekalan air bersih tetapi di kawasan saya Sarikei, seperti di bandar Sarikei tiap-tiap tahun dalam musim kemarau penduduknya masih terpaksa menggunakan air masin.

Di bandar Binatang pula bekalan air bersih telah jadi satu masalah yang serius sungguhpun Kerajaan telah mempunyai satu rancangan untuk memperbaiki bekalan air di kedua-dua tempat itu, rancangannya telah lama dirancangkan tetapi masih belum

dijalankan dengan secepatnya. Di luar bandar pula, sungguhpun Jabatan Kesihatan telah mempunyai satu rancangan untuk memperbaiki kesihatan rakyat luar bandar dengan bekalan air tangki di kawasan saya Sarikei, Jabatan Kesihatan telah mempunyai satu kilang untuk membekalkan air tangki ke seluruh bahagian keenam meliputi 4 daerah tetapi malangnya kilang tersebut tiap-tiap hari terdapat membuat 8 buah air tangki sahaja. Jadi kebanyakan penduduk di kawasan saya masih belum mendapat bekalan air bersih khususnya di kawasan luar bandar.

Saya berseru kepada pihak Kerajaan yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan projek-projek seperti perigi-perigi pam dan tangki-tangki air di kawasan luar bandar supaya rakyat dapat bekalan air bersih secepat mungkin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu bekalan letrik di negeri Sarawak juga belum memuaskan. Kebanyakan kawasan luar bandar masih belum ada bekalan letrik. Seperti di kawasan saya sungguhpun Kerajaan telah merancangkan beberapa projek untuk bekalan letrik di luar bandar tetapi projek itu masih belum dilaksanakan dengan secepatnya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit.

6.16 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas Titah Ucapan Baginda merasmikan Penggal Keempat Parlimen Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda, Kebawah Duli telah menyentuh banyak perkara penting untuk kebaikan negara kita di masa hadapan. Salah satu daripadanya hasrat untuk mengadakan

pentadbiran dan pegawai awam yang cekap dan bersih.

Saya rasa hasrat ini memang mulia dan Kerajaan telahpun berusaha dengan mengadakan berbagai-bagai pembaharuan untuk mencapai cita-cita ini. Setakat ini pada pandangan saya cita-cita ini belumlah tercapai dengan sepenuhnya. Di kalangan pegawai-pegawai awam sendiri ada rasa tak puas hati atas layanan yang diberikan oleh Kerajaan. Isu yang pertama ialah pembahagian elaun sewa rumah yang hanya diberi kepada pegawai-pegawai atasan, sedang mereka di peringkat bawahan tidak dapat menikmati kemudahan ini sedangkan mereka bergaji rendah dan juga terpaksa menyewa atau membeli rumah. Kita harus sedar bahawa oleh kerana pegawai atasan mempunyai tanggungjawab yang sangat berat, tetapi tanggungjawab ini tentu tidak dapat dilaksanakan tanpa sokongan dan kerjasama pegawai bawahan. Oleh itu suka saya menyeru Kerajaan agar menimbangkan semula tuntutan yang dibuat oleh CUEPACS. Permintaan mereka adalah menasabah dan tidak akan membebankan Kerajaan dengan tambahan belanja yang banyak.

Sekiranya pegawai bawahan berpuas hati dengan layanan Kerajaan, saya penuh yakin bahawa mereka akan berkhidmat dengan lebih cemerlang dan akan memberikan kerjasama yang lebih erat untuk mendukung cita-cita Kerajaan bagi melaksanakan segala projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah berkaitan dengan pencen setengah-setengah jabatan badan berkanun. Di negeri Perak ada sebahagian daripada kakitangan Kerajaan yang telah bersara tetapi tidak dapat pencen kerana Bahagian Zakat Fitrah tidak dikira sebagai kakitangan Kerajaan. Bahagian ini diiktiraf selepas tahun 1970 tetapi ada pegawainya yang bersara atau meninggal sesamanya masih berkhidmat iaitu sebelum tahun 1970. Mereka inilah yang tidak layak mendapat apa-apa habuan. Oleh yang demikian, sukacita saya kiranya pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dapat mengubah tarikh penerimaan pencen itu sehingga sebelum tahun 1970 dan sebaik-baiknya sehingga tahun 1950 bila mana

Bahagian ini ditubuhkan untuk mengelolakan zakat dan fitrah di negeri Perak. Dengan cara ini dapatlah mereka juga menikmati faedah-faedah pesaraan sepertimana lain-lain kakitangan Kerajaan.

Dalam Titah Ucapan Baginda itu juga ada disebut pelaksanaan skim tanah dan pembangunan Wilayah dengan cara berkelompok. Saya memang menyokong penuh rancangan ini untuk meninggikan taraf hidup luar bandar di samping meningkatkan pendapatan luar bandar secara am.

Seperti yang kita sedia maklum tanah di luar bandar ini bertaburan iaitu antara satu lot dengan satu lot yang lain dipunyai oleh mereka tidaklah teratur iaitu satu lot penuh dengan pokok getah sementara lot yang berhampiran dipenuhi oleh pokok durian dan sebagainya. Ini akan mendatangkan kesulitan dalam melaksanakan rancangan secara berkelompok, tidaklah saya tahu bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Namun begitu saya berharap dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar perkara ini dapat diatasi demi kejayaan rancangan ini.

Kalau kita perhatikan sekarang dan telah berlaku beberapa tahun yang lampau anak-anak muda dari luar bandar berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan di kilang-kilang dan di industri-industri di bandar meninggalkan tanah ladang dan sebagainya untuk mencari penghidupan yang lebih baik. Saya rasa penghijrahan ini ada mendatangkan beberapa perkara yang kurang sihat dan menimbulkan beberapa masalah sosial di bandar dan juga di kampung. Tenaga pekerja di kampung sudah berkurangan, itulah sebabnya banyak sawah tidak dapat dikerjakan, banyak kebun getah tidak dapat ditoreh. Kita tidak boleh salahkan mereka, di manapun memang menjadi tabiat semula jadi manusia mencari di mana yang lebih. Salah satu sebab penghijrahan itu ialah harga getah dan padi yang murah, walaupun digalakkan mereka bertani secara moden, tetapi mereka masih enggan kerana pendapatan mereka tidak akan mencapai untuk \$500 sebulan, jadi mereka tetap akan berhijrah juga.

Kerajaan kini sedang menarik pelabur-pelabur asing ke dalam industri-industri. Eloklah juga supaya industri-industri ini didirikan di luar bandar pula oleh keana segala kemudahan seperti jalan, kuasa elektrik dan sebagainya memang telah sedia ada di luar bandar, tidak ada apa-apa masalahnya jika industri-industri di luar bandar. Tenaga buruh memang banyak boleh didapati dari pemudapemuda dan kaum belia di kampung. Dengan diindustrikan kawasan luar bandar nescaya akan hilanglah perbandingan kemiskinan antara dalam dan luar bandar apabila taraf luar bandar itu menjadi tinggi. Kalau kita saksikan di dunia hari ini negara-negara industri adalah negara-negara yang kaya sementara negara-negara yang mementingkan pertanian adalah negara yang miskin. Apabila kita sebut miskin selalunya kita kaitkan petani dan nelayan sebagai perbandingan. Oleh itu saya berharap benar supaya perbandingan dapat dihapuskan dengan meninggikan taraf hidup mereka seperti di bandar. Inilah yang kita harapkan di bawah pimpinan 2M iaitu maju dan makmur bagi seluruh negara tanpa mengira luar dan dalam bandar. Tetapi tumpuan yang lebih hendaklah diberi ke luar bandar bukan sahaja melalui pertanian, tetapi juga menerusi perindustrian dan perdagangan yang boleh meningkatkan taraf hidup luar bandar dengan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu penduduk kampung juga ada menjalankan kerja sampingan seperti sulam-menjulam, tekat-menekat dan lain-lain pekerjaan yang boleh mendatangkan hasil. Tetapi malangnya kesulitan yang dihadapi ialah pemasaran barang-barang ini, hasil kerja tangan ini diwarisi turun-menurun sehingga ke hari ini. Bukan semua yang mempunyai kebolehan atau teknik membuat alat perkakas seperti ini boleh dikatakan sudah hampir luput sekarang ini. Ada Lembaga Kraftangan menjalankan usaha untuk menghidupkan semula kemahiran ini, tetapi setakat yang saya tahu pihak Lembaga ini tidak melawat ke kampung-kampung untuk memberi galakan kepada perusahaan ini. Barang-barang ini sekarang cuma dibuat perhiasan di rumah-rumah tanpa diperdagangkan sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri. Di negara-negara lain kita biasa lihat barang-barang pertukangan asli memang ada dijual di

pusat pelancungan dan kita sebagai suatu ingatan membeli barang-barang ini kerana ianya mempunyai nilai seni yang tinggi. Oleh yang demikian saya harap agar Lembaga Kraftangan akan membuat sesuatu untuk memperkenalkan barang-barang sama ada seperti di dalam Expo Perdagangan atau di pusat-pusat pelancungan.

Perkara yang terakhir ialah mengenai padang ragut. Kerajaan atau lebih tepat Kementerian Pertanian ada memberi bantuan lembu dan kerbau pawah kepada penduduk-penduduk kampung untuk berternak, tetapi tempat untuk memberi makanan binatang-binatang ini tidak disediakan. Pada masa dahulu binatang ini diberi makanan di sawah, tetapi kini oleh kerana kita menanam padi dua musim binatang ini tidak lagi dapat makan rumput sawah, mereka yang memelihara binatang terpaksa memotong rumput atau lalang. Pada masa ini bolehlah mereka berbuat begitu kerana binatang belaan cuma seekor, tetapi apabila telah membiak nanti mereka memerlukan padang ragut untuk ternakan ini.

Di kawasan saya ada dijalankan rancangan padang ragut ini, satu kawasan khas telahpun disediakan, tetapi jenis rumput yang terdapat di sini mungkin tidak sesuai. Oleh itu saya berharap kiranya dapat Kementerian mencuba kiranya jenis rumput yang terdapat di kawasan ternakan di negara luar sesuai dengan keadaan iklim di negara kita ini memandangkan ternakan yang dipawahkan itu adalah jenis dari luar negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

6.27 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang turut serta membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Perasmian Penggal Keempat Parlimen Kelima pada hari Isnin yang lalu.

Saya ingin menyentuh dua tiga perkara sahaja mengenai Titah Ucapan Baginda itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda ini bertitah dengan lantang mengenai matlamat perjuangan pembangunan jangka panjang negara. Di samping itu Baginda telah menerangkan dengan jelasnya bagaimanakah matlamat pembangunan itu akan kita capai dan apakah pula cabaran yang harus kita hadapi bersama sebagai masyarakat yang sedang membangun. Baginda menegaskan keadaan ekonomi antarabangsa yang telah merosot kerana kemelesetan ekonomi negara-negara maju pada tahun lepas telah memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara kita. Walau bagaimanapun dengan kebijaksanaan pemimpin kita mentadbirkan Kerajaan segala cabaran dapat diatasi dan negara kita terus membangun dengan pesatnya. Namun demikian kita masih lagi mendengar rintihan dan keluhan yang secara tidak langsung mendesak kita supaya terus berjuang lebih gigih dan melaksanakan tugas kita dengan hati yang luhur dan cecal serta tulus ikhlas dengan penuh tanggungjawab, khususnya bagi memastikan bahawa apabila sampai tempoh tahun 1990 nanti kaum bumiputra sudah duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain di bumi kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah di hadapan kita amatlah besar dan begitulah juga besarnya tugas dan tanggungjawab kita untuk memenuhi aspirasi rakyat. Rancangan Malaysia Keempat sudah sampai tahun yang kedua, kita cuma ada 8 tahun sahaja lagi untuk memenuhi harapan dan aspirasi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara mengenai dasar pelabuhan bebas. Sebagaimana kita semua ketahui ada sebuah negara jiran dan rakan kita dalam ASEAN iaitu Singapura yang ekonominya membangun dengan pesat sekali walaupun hasil mahsulnya tidak ada langsung. Negara itu berjaya menarik begitu ramai pelancung termasuklah dari negara kita. Pada pandangan saya satu daripada sebabnya ialah kerana sistem pelabuhan bebasnya. Dengan sistem ini banyak barang-barang keperluan pelancung-pelancung dapat dibeli dengan harga yang begitu rendah seterusnya menarik ramai para pelancung dari luar negeri.

Kita semua faham bahawa pelancungan adalah satu industri yang begitu lumayan. Ianya bukan sahaja dapat mengenalkan sesebuah negara itu di kacamata dunia bahkan juga dapat menyelamatkan wang negara dari mengalir ke negara lain. Kita mungkin kehilangan dari segi cukai ke atas barang-barang tertentu tetapi saya berani menyatakan yang kedatangan pelancung-pelancung dari luar negeri akan dapat menampung kehilangan ini. Kita tidak dapat nafikan yang rakyat negara kita banyak menghabiskan wang dan juga masa di Singapura dan di Thailand untuk tujuan membeli barang-barang dan cenderamata yang murah dari negara yang saya katakan tadi. Oleh yang demikian, mengapa kita tidak mengambil pandangan pelancung di dalam negara kita ke negaranya sendiri di samping pelancung dari luar kita tarik minatnya ke negara kita.

Dengan ini saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan mewujudkan semula sistem pelabuhan bebas di tempat-tempat seperti Pulau Pinang, Pulau Langkawi, Lumut, Pelabuhan Kelang, Kuantan dan juga di Johor Bahru di atas sebab-sebab yang saya utarakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan infrastruktur pula, pada tahun ini bermulalah beberapa projek raksaksa Kerajaan untuk kemudahan orang ramai seperti Jambatan Pulau Pinang dan projek Lebuhraya Timur-Barat. Syukur Alhamdulillah dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaannya sekali lagi memberikan faedah yang tidak terhingga kepada rakyat jelata. Saya ingin menyuarakan agar Kerajaan membuka lebih banyak rancangan tanah di sepanjang Lebuhraya ini.

Saya berpendapat ketika ini tujuannya ialah serampang dua mata. Pertama, ianya akan memberi tanah kepada mereka yang tidak mempunyai tanah seperti rancangan FELDA, FELCRA dan juga mini estet seperti KESEDAR. Kedua, dari segi keselamatan musuh-musuh negara tidak dapat lagi berkeliaran di sepanjang Lebuhraya ini. Walaupun ia memakan masa yang panjang, saya tidak menafikan peringkat awal kita akan

menemui berbagai-bagai rintangan sebagaimana sebelum Lebuhraya ini siap tetapi matlamat jangka panjangnya (long term investment) adalah ternyata.

Apabila dua perkara ini, pembangunan tanah dan keselamatan di sepanjang Lebuhraya ini terjamin, tentulah banyak bandar-bandar baru tercetus nanti. Saya ingin mengesyorkan iaitu satu agensi Kerajaan seperti KETENGAH dan KESEDAR perlulah ditubuhkan khasnya untuk menguasai pembangunan rancangan Kerajaan tidak lari dari tujuan asalnya iaitu pembangunan sosio ekonomi dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyarankan iaitu Kerajaan akan mempergiatkan usaha untuk mengadakan kemudahan asas kepada penduduk-penduduk luar bandar yang belum menikmatinya. Kita juga tidak menafikan bahawa selama ini Kerajaan telah banyak berusaha meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar dengan dibekalkan elektrik, paip air dan lain-lain infrastruktur. Saya ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah membekalkan serba sedikit Kemudahan ini di kawasan saya, Kuala Kangsar.

Walau bagaimanapun oleh kerana negeri Perak mempunyai kawasan luar bandar yang luas sudah tentulah negeri ini menghadapi masalah kekurangan bekalan elektrik, air dan kemudahan-kemudahan asas yang lain. Contohnya kawasan saya, Kuala Kangsar, banyak lagi kampung-kampung yang memerlukan bekalan air, elektrik dan jalan-jalan tar. Penduduk-penduduk di sepanjang Sungai Perak di kawasan saya banyak lagi yang menggunakan air sungai untuk keperluan harian dan ramai lagi yang belum mengecapi nikmat cahaya elektrik.

Menyentuh tentang bandar Kuala Kangsar pula yang mana bersemayamnya Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, saya rasa sudah sampai masanya menerima perubahan dari segi pembangunan bandaraya. Rancangan untuk membandarbarukan Bandar Di Raja ini

di atas tanah seluas 17 ekar itu haraplah disegerakan kerana bangunan-bangunan yang ada di bandar Kuala Kangsar kebanyakannya sudah terlalu usang dan tidak sesuai lagi. Biarlah bandar Kuala Kangsar ini benar-benar melambangkan sebagai Bandar Di Raja yang boleh dibanggakan. Oleh yang demikian saya merayu dan memohon peruntukan yang lebih besar hendaklah diberikan ke negeri Perak untuk membangunkan lebih pesat lagi.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

6.36 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk menyokong Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 8hb Mac, 1982.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pelawat yang mengunjungi Subang dari dunia maju tetapi kini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dan masalah inflasi akan merasa hairan melihat pembangunan yang pesat yang berlaku di sepanjang perjalanannya ke Bandaraya Kuala Lumpur. Beliau akan dapat melihat aktiviti-aktiviti pembinaan yang intensif di sekitar lapangan terbang, di sepanjang Lebuhraya Federal, di sekeliling Kompleks Dayabumi dan juga di sekeliling hotelnya. Tuan Yang di-Pertua, walaupun pelawat-pelawat tersebut berada di Malaysia pada masa tragedi penenggelamannya rumah kos murah di Kampung Bahru, Batu Merah, Ipoh, beliau akan terperanjat membaca perakhbaran bahawa bukan sahaja alat-alat perabot yang tenggelam tetapi terdapat juga barang-barang lain seperti TV warna dan video-tape. Di kala ini sahabat-sahabat asing kita ini akan berasa sangsi kenapa kemelesetan ekonomi dunia bertetapan masalah inflasi tidak sama sekali memberi sebarang kesan tertentu ke atas Malaysia.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang memahami tentang kedudukan Malaysia akan secara senang mengetahui sebab-sebabnya. Malaysia walaupun

mempunyai bilangan penduduk yang kecil sebanyak 14 juta namun ia kaya dengan sumber-sumber alam. Malaysia adalah pengeluar utama getah, minyak kelapa sawit, kayu-kayu tropika, bijih timah dan lada.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kurnia alam semula jadi ia hanya memberi negara kita kelebihan dan kemudahan untuk memulakan sesuatu. Kestabilan politik juga salah satu ramuan yang diperlukan. Dengan penduduknya yang berbilang bangsa, sejarah lama kestabilan politik Malaysia adalah juga dianggap unik. Walaupun berbagai kesulitan telah dirasai hasil daripada penjajahan yang lepas, Malaysia telah diberi kemerdekaan tanpa sebarang pertumpahan darah dan revolusi. Pihak Inggeris juga telah meninggalkan sistem pentadbiran awam yang cukup stabil untuk membimbing negara kita bertukar dari corak penjajahan ke taraf negara yang merdeka.

Walaupun bagaimanapun setiap sanjungan dan penghormatan haruslah diberi kepada pemimpin-pemimpin negara kita yang secara bijaksana walaupun di saat perjuangan menuntut kemerdekaan telah berjaya memilih jalan consensus dan kompromi dalam sistem demokrasi berparlimen. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, untuk mempraktik dan melaksanakan dengan kompromi dengan jayanya, ianya adalah juga sukar bagi seorang ahli politik untuk mencapainya disebabkan ia memerlukan ia memahami dan menghargai pendapat-pendapat orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut petikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kejayaan konsep tersebut dapat dilambangkan oleh ketidakpuasan yang berterusan dari semua rakyat Malaysia tanpa kepuasan yang sepuh bagi satu-satu sektor tertentu. Saya ingin memberi sanjungan kepada semua pemimpin politik di bawah pimpinan Yang Amat Mulia Tengku Rahman yang telah berjaya menubuhkan Parti Perikatan dan memimpin negara kita ke arah pemerintahan sendiri, kemerdekaan Malaya dan penubuhan Malaysia. Tidak ketinggalan sanjungan juga saya berikan kepada semua pemimpin-pemimpin politik di bawah pimpinan allahyarham Tun Abdul Razak yang

menubuhkan Barisan Nasional di tahun 1971 dengan bermatlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat berdasarkan Dasar Ekonomi Baru. Sejak dari itu Barisan Nasional telah bertambah kuat di bawah pimpinan yang bijaksana Tun Hussein Onn hingga ke era baru Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah sedar dan memahami betapa pentingnya perkara-perkara sensitif setiap bangsa di masyarakat majmuk ini dihormati. Dengan itu pendekatan secara terbuka yang dibuat yang dibuat oleh Kerajaan masa ini dalam penyelesaian masalah-masalah yang mungkin menjadi sensitif harus diambil kira dan dihargai. Contohnya isu-isu 3M atau 3R. Kita semua tahu bahawa Kerajaan tidak mempunyai sebarang niat untuk mengubah sifat dan corak sekolah rendah Cina atau India.

Di bidang perhubungan antarabangsa, Malaysia adalah pelopor dalam dalam pertubuhan ASEAN yang kian teguh sebagai satu kumpulan di rantau dunia ini. Malaysia juga adalah pelopor pembangunan untuk Secretariat Negara Islam dan Bank Islam.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kesedaran yang negara ini lebih bertuah dalam aspek pembangunan Malaysia telah menghulurkan tawaran dan sumbangan di bidang teknikal untuk membantu teknologi getah di Vietnam, Sri Lanka dan lain-lain serta di bidang rancangan tanah untuk negara di Selatan Pacific. Baru-baru ini Malaysia telah memberi sumbangan ke atas mangsa-mangsa kemarau di Mali, Afrika. Walaupun telah banyak kejayaan yang dicapai hingga ke saat ini Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad masih tidak berdiam diri dan berpuas hati ke atas segala yang telah dicapai. Azamnya untuk mempercepatkan pelaksanaan pembangunan telah dibukti sejak dari bulan Julai 1981.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan kita telah mendapat penghormatan antarabangsa ke atas usahanya memperjuang hak ekonomi Malaysia serta juga sebagai amaran agar ianya juga diberi layanan yang

setaraf. Negara Britain telah mula sedar dan menginsafi bahawa hak kepentingan Malaysia tidak dapat dipermainkan oleh LSE (London Stock Exchange) dan LME (London Metal Exchange). Firma-firma British tidak akan dapat faedah dari hasil sumber negara ini tanpa mengambil kira Dasar Ekonomi Baru dan pelajar-pelajar Malaysia tidak akan dapat didiskriminasikan dengan cara menaikkan yuran pelajaran sesuka hatinya. Polisi memandang timur merupakan tindak balas terhadap sikap negatif negara barat terhadap aspirasi kita untuk menjadi negara pengeluar barang-barang pembuatan yang berpunca dari komoditi-komoditi utama negara ini. Kita juga tidak lagi berminat untuk mengeksport hasil-hasil keluaran kita demi pembangunan-pembangunan negara-negara barat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan pambandaran dan perindustrian kita yang begitu pesat telah menimbulkan berbagai masalah sosial dan kebudayaan di kalangan belia. Ini telah memburukkan lagi masalah penyalahgunaan dadah. Saya sendiri terlibat dalam kerja-kerja PEMADAM dan saya mestilah mengaku di sini bahawa masalah dadah kian menjadi-jadi. Saya menerima baik pengisytiharan Kerajaan untuk berperang dengan masalah dadah yang sedang mengancam kekuatan dan masa depan pemuda negara ini. Saya berpendapat masalah dadah mendapat galakan dari perpecahan pertalian keluarga tradisi apabila pemuda pemudi meninggalkan keluarga untuk mencari nasib di bandar. Tanpa perlindungan keluarga mereka mudah menjadi mangsa kepada tekanan hidup di bandar lalu terjerumus ke masalah dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji tindakan Parti MCA menjalankan kempen menghormati orang tua (respect for elders) yang akan diberi peluang kepada kaum yang berumur untuk memainkan peranan tradisinya melindungi si muda dari pengaruh sosial yang buruk sambil itu saya merayu kepada Kerajaan untuk menimbangkan pengecualian cukai pendapatan bagi tanggungan orang tua. Dalam perancangan perumahan di sektor awam dan persendirian haruslah arkitek memberi pertimbangan berkenaan untuk mengadakan bilik khas untuk kegunaan orang tua tanpa pengganggu

sebarang ketenteraman pihak muda. Untuk bangunan-bangunan awam setiap langkah untuk memberi kesenangan seperti 'ramp' pada yang tua dan lemah serta tandas khas untuk mereka yang cacat haruslah dijadikan sebagai syarat. Untuk pengangkutan awam tempat-tempat duduk berdekatan dengan pintu haruslah dikhaskan untuk orang yang berumur.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan tersiar luas berita mengatakan pilihanraya yang sudah semakin dekat saya di sini sukalah merayu kepada semua Parti Pembangkang supaya mengelakkan dari menggunakan isu-isu yang boleh memecah belahkan rakyat. Mereka seharusnya menumpukan perhatian dan segala usaha mereka untuk menunjukkan alternatif yang membangun dengan cara memberi sumbangan kepada pembangunan sosial dan ekonomi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

6.50 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Terima kasih kerana saya dapat juga turut serta untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda semasa pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Kelima di Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu.

Sambil itu saya ingin menyatakan pandangan dan pendapat saya serba ringkas atas Ucapan Baginda itu.

Perkara yang pertama yang hendak saya sentuh ialah mengenai skim tanah dan pembangunan wilayah di mana Baginda membayangkan bahawa Kerajaan akan mewujudkan bandar-bandar baru di kawasan-kawasan wilayah tertentu yang akan diperkemas dan akan dipesatkan lagi. Sebelum saya membincangkan lebih lanjut mengenai pembangunan bandar-bandar, di wilayah tertentu saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang komposisi kaum peniaga dalam bandar-bandar di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, telah suku abad negara kita ini mencapai kemerdekaan namun demikian corak masyarakat di sektor perniagaan di dalam bandar-bandar sama ada yang kecil apatah lagi di bandar-bandar besar masih tidak berubah hampir 95% dimonopoli oleh satu kaum sahaja. Sebagai contoh lihat sahaja Bandaraya Kuala Lumpur ibu negara Malaysia. Mari kita pergi di jalan utamanya pusat membeli belah, Jalan Tuanku Abdul Rahman; di sepanjang-panjang Jalan Tuanku Abdul Rahman itu kedai-kedai kepunyaan bumiputera tidak sampai pun jumlah jari sebelah tangan kita bilangnya.

Begitu jugalah keadaannya dengan lain-lain bandar ibu negeri di Malaysia seperti di Seremban, Melaka, Johor Bahru, Ipoh, Pulau Pinang dan Alor Setar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan 10 tahun lalu yang salah satu daripada objektifnya hendak menyusun semula masyarakat dalam semua bidang tetapi dalam sektor perniagaan utama di bandar-bandar ia masih belum menampakkan sebarang kemajuan, sedangkan tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu hanya tinggal 8 tahun sahaja lagi. Soalnya ialah adakah dalam tempoh 8 tahun dari sekarang peniaga-peniaga bumiputera mampu memiliki 30% rumah-rumah kedai serta perniagaan dalam bandar-bandar di seluruh Malaysia ini. Berdasarkan kadar pencapaian yang ada hari ini kemungkinan peniaga-peniaga bumiputera hendak mencapai matlamat tersebut sangatlah tipis. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan peniaga-peniaga bumiputera baharu sahaja menceburkan diri dalam lapangan ini dan tentulah mereka tidak mempunyai keupayaan untuk bersaing dengan peniaga-peniaga bukan bumiputera yang telah lama established. Tambahan pula peniaga-peniaga bukan bumiputera khususnya peniaga-peniaga Tionghua mereka ini mempunyai berbagai-bagai persatuan, pertubuhan yang semata-mata fungsinya untuk menjaga, melindungi serta memberi bantuan kepada ahli-ahlinya dalam bidang perniagaan. Bukan itu sahaja, kalau dikaji secara lebih mendalam semua perniagaan borong (wholesale business) untuk semua barangan dari sekecil-kecil sehinggalah

sebesar-besarnya boleh dikatakan 100% adalah dalam tangan peniaga-peniaga Tionghua. Begitu juga yang menjadi ejen, pengedar dan pembahagi semua barangan keperluan hampir 100% dikuasai oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memulakan satu perniagaan kita biasanya bermula dari yang kecil iaitu sebagai penjaja atau peruncit. Penjaja dan peruncit mendapat bekalan dari peniaga borong (wholesaler). Peniaga-peniaga borong yang terdiri dari orang-orang Tionghua tentulah tidak dapat memberi layanan yang sama kepada pelanggan-pelanggan yang bukan menjadi ahli persatuannya. Disinilah kelemahan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputera.

Berhubung dengan masalah ini ada pandangan dan pendapat yang mengusulkan supaya peniaga-peniaga bumiputera menubuhkan perniagaan wholesale. Cadangan itu dilihat sekali imbas memang baik tetapi tidak praktikal dan sukar hendak dilaksanakan jika jumlah peniaga-peniaga bumiputera tidak mencukupi. Pihak Kerajaan pula melalui agensinya PERNAS telah pun menubuhkan perniagaan di peringkat borong dengan nama PERNAS EDAR. Setakat ini yang saya faham PERNAS EDAR hanya mampu membekalkan beberapa jenis barangan sahaja dan ini tidak dapat memenuhi keperluan peruncit-peruncit bumiputera. Jadi, untuk bekalan sebahagian besar barangan lain peruncit-peruncit bumiputera terpaksa bergantung bekalan-nya kepada wholeseller bukan bumiputera. Masalahnya, dengan izin, back to square one—iaitu balik asal.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan hendaklah:

- (1) menyusun semula organisasi PERNAS EDAR dengan tujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan lengkap kepada peruncit-peruncit bumiputera.
- (2) Depo-depo PERNAS EDAR hendaklah ditambah lagi supaya dapat memenuhi kehendak-kehendak peruncit bumiputera di seluruh negara.

- (3) Kemudahan-kemudahan kredit yang munasabah tempoh masanya patutlah diberi kepada peruncit-peruncit bumiputera yang telah menunjukkan prestasi yang baik dalam perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari bekalan barang-barang, satu masalah besar lagi yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputera ialah hendak mendapatkan rumah kedai. Rumah-rumah kedai yang didirikan oleh pemaju swasta memanglah di luar kemampuan pihak bumiputera untuk memilikinya. Menurut harga purata pasaran sekarang, rumah kedai dua tingkat dalam bandar Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh harganya dalam lingkungan \$250,000 hingga \$300,000. Itu pun sangat sukar hendak mendapatkannya. Baru sahaja pembinaan rumah-rumah kedai itu hendak dimulakan semuanya habis terjual—sold out. Pembinaan rumah-rumah kedai yang baru oleh pemaju-pemaju swasta berlaku di seluruh bandar dalam negara ini dan hampir 98% dari jumlah rumah-rumah kedai tersebut dibeli oleh bukan bumiputera. Ada juga rumah-rumah kedai yang didirikan oleh MARA dan UDA tetapi peratusnya sangatlah kecil.

Tuan Yang di-Pertua, jika pertambahan rumah-rumah kedai yang baru dan pemilikan-pemilikannya terus-menerus berjalan seperti sekarang saya tidak nampak jalannya Dasar Ekonomi Baru dalam sektor ini dapat mencapai matlamatnya. Oleh yang demikian saya suka menyarankan supaya Kerajaan dapat menimbangkan langkah-langkah di bawah ini:

- (1) setiap bandar baru yang hendak diwujudkan dalam rancangan pembangunan wilayah, pembinaan rumah kedainya hendaklah diserahkan kepada UDA atau MARA.
- (2) UDA dan MARA hendaklah diberi peruntukan yang besar supaya ianya dapat membina lebih banyak tempat-tempat perniagaan di seluruh negara terutama dalam bandar-bandar besar, ibu negeri.

- (3) Tapak atau kawasan penjaja hendaklah diwujudkan lebih banyak lagi terutama di bandar-bandar untuk memberi peluang kepada lebih ramai bumiputera dapat berniaga di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri perbincangan atas masalah ini saya ingin mendapat penjelasan dari pihak-pihak yang berkenaan iaitu apakah langkah-langkah yang lebih positif telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang telah saya utarakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh ialah masalah perumahan. Dalam Titah Ucapan Baginda pihak Kerajaan berhasrat untuk menggiatkan lagi pelaksanaan rancangan perumahan awam kos rendah iaitu dengan cara hendak melibatkan pemaju-pemaju swasta dan institusi-institusi kewangan dapat mengambil peranan yang lebih aktif dalam bidang ini. Saya sungguh yakin akan kejayaan skim tersebut dengan syarat pegawai-pegawai Kerajaan dan Kerajaan sendiri memberi tumpuan sepenuh perhatian tenaga juga kewangan dalam perkara ini.

Bercakap mengenai rumah awam kos rendah setakat ini hanya Kerajaan dan agensinya sahaja yang membina dan membekalkan rumah serupa itu kepada

rakyat. Pihak pemaju swasta hanya menumpukan perhatian mereka kepada pembinaan rumah-rumah kos sederhana dan rumah-rumah harga mahal. Maka sudah sewajarnya mereka dikehendaki menyumbangkan sebahagian kecil dari keuntungan mereka selama ini bagi menampung keperluan rakyat yang berpendapatan rendah dengan membina rumah-rumah awam kos rendah. Pihak pemaju-pemaju swasta harus ingat keuntungan mereka selama ini dalam bidang perumahan sebahagian besarnya adalah dengan pertolongan Kerajaan juga. Kerajaanlah yang menyediakan keperluan asasnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak berucap panjang lagi?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh sambung. Kalau begitu saya harap Yang Berhormat boleh sambung minggu depan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah cukup dan dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat hari ini sehingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, bersamaan 15hb Mac, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.